

DARIPADA Uthman bin Affan Radiallahuanhu, Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
 "Sebaik-baik kamu ialah yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya (ilmu Al-Quran)".
 (Hadis Riwayat al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.03 | SUBUH 5.13 | SYURUK 6.31 | DUHA 6.53 | ZUHUR 12.33 | ASAR 3.48 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.42 Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 28 | 5 MAC 2022 / 1443 شعبان 2 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Segala rancangan, tindakan berlandaskan MIB

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Negara Brunei Darussalam mempunyai identiti yang unik iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

Dalam hal ini, apa jua perancangan negara mestilah berpaksikan kepada MIB. Identiti ini jugalah menjadikan Negara Brunei Darussalam menjadi satu-satunya negara yang entitinya yang mantap.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud mengutarakan perkara tersebut semasa ucapan penangguhan pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang lagi bagi hari ketujuh, Perkara VI (Enam), iaitu Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022 / 2023, yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat

Sepertimana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 pada tahun 2016.

Titah baginda berbunyi, "Dalam merancang dan bertindak juga memerlukan 'dasar' yang jelas, bukan sesuka hati sahaja. Dasar kita di negara ini ialah MIB. Maka semua rancangan dan tindakan mestilah berlandaskan MIB".

>> Muka 11

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dan Pemerintah ABDB baharu, Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan di Qashr Al-Meezan. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

berkenan menerima mengadap mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan bersara, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dan Pemerintah ABDB yang baru dilantik, Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan berlangsung di Qashr Al-Meezan, di sini.

>> Muka 3

Akta Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022 / 2023 diluluskan

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang lagi bagi hari ketujuh, Perkara VI (Enam), iaitu Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022 / 2023, yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat



Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan dan dijadikan satu akta yang bergelar, "Suatu akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan wang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022 / 2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

>> Muka 8

37,096 kes positif jalani pengasingan diri di rumah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Jumaat, 4 Mac. - Kadar pengisian katil di seluruh negara atau *bed occupancy rate* pada masa sekarang ialah sebanyak 11.1 peratus dengan jumlah 341 kes aktif sedang menerima rawatan di Pusat-pusat Pengasingan.

Sementara itu, sebanyak 37,096 kes positif kini sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan seterusnya berkata, sebanyak 10 kes sekarang dalam Kategori 4

yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi. Sementara itu, sembilan kes sekarang berada dalam Kategori 5, iaitu memerlukan bantuan mesin pernafasan dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif.

Pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, Yang Berhormat mengumumkan, sebanyak 4,215 kes baharu dilaporkan pada hari ini dan membawa kepada jumlah keseluruhan kes sebanyak 80,749 orang.

>> Muka 3

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



PENGAJARAN, pembelajaran dalam talian diadakan 7 - 19 Mac

Muka 4



PELANCARAN Laman Sesawang Baharu UNISSA

Muka 28



INFO Teknologi

MANFAAT aplikasi Google kepada pelajar, usahawan

Muka 36

STATISTIK COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 4 MAC 2022, setakat 4.00 petang

4,215 Jumlah kes hari ini

2,395 Jumlah kes yang sembuh hari ini

80,749 Jumlah kes jangkitan

0 Jumlah kes kematian 24 jam lalu

43,177 Jumlah kes yang sembuh

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mahbrunei | www.moh.gov.bn

Huffaz negara pelihara kesinambungan generasi penjaga 'Kalamullah'

**Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi
Wabarakaatuh
Bismillah Hir Rahman Nir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.**

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan izin-Nya jua kita berpeluang berhimpun dalam Majlis Haflut Takharuj, Diploma 'Aaliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Kesembilan. Syabas dan setinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan menamatkan pengajian masing-masing.

Sesungguhnya kejayaan setiap graduan akan terus menjadi tunjang utama kepada hasrat kita untuk melahirkan generasi huffaz negara yang menyumbang secara langsung kepada kecemerlangan institut, serta memelihara kesinambungan generasi penjaga 'Kalamullah'.

Malah, keberhasilannya juga menjurus kepada mengukuhkan aspek emosi, rohani, jasmani, dan intelek kehidupan bermasyarakat seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Tambahan pula, kecenderungan masyarakat dalam melestarikan amalan membaca dan mentadabbur Al-Quran serta melazimkan zikir dan doa tertentu kini boleh sahaja dipraktikkan menerusi pelbagai bentuk media massa terkini semata-mata bagi meraih syafaat ukhrawi dan duniawi,

serta limpahan rahmat-Nya.

lanya adalah juga bagi memohon dihindari daripada segala bentuk bencana yang berpunca dari sifat 'hubbud dunia' atau cinta dunia, sebagaimana maksud Surah Al-A'raf ayat 204 dan 205:

"Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia, serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

"Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang, dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai".

Sehubungan dengannya, Kementerian Hal Ehwal Ugama, khasnya Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, termasuk institusi pengajian Islam dan khidmat swasta untuk secara berterusan mengaktifkan dan memperbanyakkan lagi rancangan halaqah atau program penggalak bagi mengasuh serta meningkatkan kemahiran membaca, menghafaz, dan mentadabbur Al-Quran.

Di samping itu, pendekatan yang diguna pakai bagi rancangan dan program sedia ada hendaklah dipelbagaikan dengan lebih kreatif dalam usaha mendekati dan melibatkan masyarakat agar mereka lebih berminat dan tertarik untuk menyertainya ke arah memastikan pencapaian rancangan dan program yang luas dengan kesan berimpak tinggi.

Dalam pada itu, peluang adalah terbuka luas bagi para graduan untuk menimba ilmu

ke peringkat lebih tinggi yang menjurus kepada menambah nilai serta meningkatkan potensi masing-masing sebagai pembimbing masyarakat.

Dalam hubungan ini, saya ingin memetik titah paduka ayahanda pada Majlis Haflut Takharuj UNISSA Kali Ke-9 seperti berikut : "Pada masa ini tidak terdapat tanggapan walau satu pun, tentang institusi pendidikan tinggi Islam yang tidak relevan. Sedang pendapat yang sahih, telah meletakkan pendidikan tinggi Islam itu sebagai keperluan asasi yang tidak boleh diabaikan, kerana daripadanya muncul tamadun yang sempurna".

Kerana itu paduka ayahanda berpendirian, pengajian dan pendidikan Islam mesti terus diperkasa, kerana ia adalah teras segala kepentingan, yang mampu untuk menghasilkan segala kebaikan untuk bangsa dan negara".

Di sinilah juga pentingnya Institut Tahfiz sendiri, untuk terus peka dengan kehendak peredaran masa, khususnya menilai keberkesanan program-program yang diterajui sebagai pemangkin dalam melahirkan lebih ramai modal insan berkeupayaan ke arah membantu negara berkembang maju secara progresif.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan dan berharap ilmu yang diraih dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan setinggi tahniah dan penghargaan kepada kepimpinan, pentadbir dan tenaga pengajar serta warga kerja Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Haflut Takharuj Kali Ke-9 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pada Rabu, 15 Rejab 1443 bersamaan 16 Februari 2022, yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bolkiah termasuk ibu bapa dan penjaga di atas semangat gigih, usaha sama dan komitmen berterusan masing-masing yang telah menyumbang kepada kelangsungan program serta kejayaan setiap graduan.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan ganjaran berupa rahmat dan syafaat untuk kita semua.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Wal-hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*




WAKTU SEMBAHYANG

MAC MASIHI	HARI	SYABAAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	SABTU	2	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
6	AHAD	3	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
7	ISNIN	4	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	SELASA	5	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	RABU	6	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	KHAMIS	7	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	JUMAAT	8	5.01	5.11	6.28	6.51	12.31	3.44	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU		AHAD		ISNIN	
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	30 24 °C	30 25 °C		
Pekan Bangar	31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C		
Pekan Tutong	31 25 °C	30 24 °C	31 25 °C		
Kuala Belait	30 24 °C	31 24 °C	31 25 °C		

Wallahuallam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG Majlis Mesyuarat Negara melabuhkan tirai

MESYUARAT Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis bermula pada 24 Februari telah pun berakhir pada 3 Mac yang diadakan selama lapan hari.

Sepanjang mesyuarat berlangsung telah menyaksikan pelbagai agenda disuarakan untuk memastikan pembangunan negara dan kesejahteraan sosial masyarakat terjamin.

Seperti tahun lepas, mesyuarat pada tahun ini juga diadakan secara norma baharu dengan pelbagai langkah telah diambil bagi memastikan persidangan tersebut berjalan lancar. Selain Ahli-ahli Yang Berhormat, para petugas dan tidak ketinggalan pengamal media telah menjalani ujian COVID-19 iaitu dengan melakukan ART, dan juga mematuhi SOP yang diarahkan seperti memakai sungkup muka dan mensanitasi tangan sebagai langkah berjaga-jaga ekoran penularan wabak berkenaan yang agak meningkat secara drastik.

Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah menumpukan isu pemulihan negara susulan penularan pandemik COVID-19. Apa yang jelas, Ahli-ahli Yang Berhormat memikul tanggungjawab dan amanah untuk mendepani cabaran utama yang melanda negara seperti memerangi pandemik COVID-19 dan pemulihan ekonomi serta memperkasa keupayaan belia dalam mana-mana bidang yang mereka ceburi terutama sekali dalam bidang digital serta keusahawanan. Begitu juga dalam meningkatkan kesejahteraan sosial bagi mereka yang kurang berkemampuan, ibu-ibu tunggal, balu daripada golongan susah juga turut diberikan perhatian.

Dalam pada itu, persidangan MMN telah pun meluluskan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022 / 2023 yang berjumlah BND5.7 bilion daripada kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022 / 2023 dan akan berkuat kuasa mulai 1 April 2022. Kita berharap agar peruntukan yang disediakan kepada setiap kementerian / jabatan akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya agar tidak ada pembaziran pada jalan yang salah. Pembangunan infrastruktur akan dapat dilaksanakan sewajarnya dengan adanya peruntukan yang diberikan.

Kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat adalah paksi perjuangan kerajaan. Perancangan yang tepat lagi jitu, menghasilkan kepesatan pembangunan negara, dan meletakkan negara terkenal di persada dunia.

Pembangunan mapan adalah teras dalam kemajuan sesebuah negara. Dalam hal ini permuafakatan dalam membuat keputusan untuk kemaslahatan orang ramai adalah perlu dalam menjamin kesinambungan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini. Begitu juga dalam MMN ini membuktikan bahawa hasil dari kesepakatan serta sikap pemeduliaan akan dapat merealisasikan negara maju bersandarkan falsafah Melayu Islam Beraja.

Mudah-mudahan MMN yang berperanan sebagai wadah dalam menyalurkan harapan masyarakat akan terus berperanan dan bertindak proaktif demi merealisasikan keamanan, kesejahteraan rakyat serta pembangunan negara. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar bersama mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pemerintah ABDB baharu (kiri), manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah.

>> Muka 1

Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah telah menyerahkan tugasnya kepada Pemerintah ABDB yang baharu, Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi pada 1 Mac 2022

dalam Upacara Serah Terima Tugas Jawatan Pemerintah ABDB yang diadakan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei, Rimba, Gadong.

Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah merupakan Pemerintah ABDB Ke-11 bermula 1 September 2020

sehingga 1 Mac 2022. Beliau telah berkhidmat dengan ABDB selama 34 tahun.

Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi pula telah dinaikkan pangkat ke jawatan Mejar Jeneral pada 1 Mac 2022. Sebelum pelantikannya sebagai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

Pemerintah ABDB Ke-12, beliau juga telah memegang beberapa jawatan penting termasuk Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) Ke-11 bermula 30 Julai 2020 sehingga 28 Februari

2022; Komandan Akademi Pertahanan ABDB pada tahun 2019 hingga 2020, Komandan Institut Latihan ABDB pada 2018 dan Timbalan Pemerintah TDDDB pada tahun 2014 hingga 2017.

37,096 KES POSITIF JALANI PENGASINGAN DIRI DI RUMAH



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Daripada jumlah kes baharu ini Yang Berhormat mengongsikan, sebanyak 3,399 merupakan hasil pengesanan daripada Ujian Pantas Antigen (ART) yang dimuat naik ke aplikasi BruHealth. Manakala sebanyak 816 adalah daripada dapatan 5,147 ujian makmal RT-PCR yang dilakukan dalam tempoh masa 24 jam lalu. Sementara itu, jumlah kes aktif ialah sebanyak 37,437 kes.

Yang Berhormat juga menyatakan, sebanyak 2,395 kes disahkan sembuh pada hari ini, menjadikan jumlah kes yang

sembuh kepada 43,177 di negara ini. Kira-kira 75 hingga 80 peratus daripada kes-kes COVID-19 yang dilaporkan di negara ini pada masa sekarang adalah hasil daripada pengesanan ART yang dilakukan sendiri di rumah.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan kepada orang ramai supaya melaporkan keputusan ART dan mengemas kini status kesihatan harian masing-masing dalam aplikasi BruHealth bagi membantu kerajaan memantau situasi COVID-19 di negara ini dengan lebih sempurna.

"Ia juga akan dapat membantu kerajaan mengawal wabak ini

dengan lebih baik," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12.00 malam semalam hingga 4.00 pagi mendapati sebanyak dua pelanggaran arahan untuk berada di rumah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara.

"Marilah kita memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga NBD sentiasa dipelihara dan dilindungi dari segala marabahaya, semoga semua rakyat dan penduduknya diberikan kesihatan, dipermudahkan segala urusan dan dijauhkan dari segala penyakit, khususnya penyakit COVID-19. Amin Amin Ya Rabbal Alamin," kata Yang Berhormat.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

11 Februari hingga 3 Mac :
12,201 rumah diagihkan catuan makanan

Tambah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, statistik dari 11 Februari hingga 3 Mac, penghantaran catuan makanan yang diagihkan adalah sebanyak 12,201 rumah dengan 30 peratus dalam tempoh kurang daripada satu bulan.

Jumlah tersebut begitu tinggi. Jadi cabaran yang besar adalah jumlah yang meningkat, dan sebelumnya penghantaran makanan ke rumah-rumah adalah sekitar 500 sahaja sehari. Tetapi, pada masa ini, jumlah yang dihantar adalah di antara 800 hingga 1,000.

Nama yang belum dikemas kini mencecah 5,000 senarai nama

Terang Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, nama-nama yang belum dikemas kini (*raw lists*) mencecah 5,000 senarai nama yang perlu diproses dan proses ini akan memakan masa lebih kurang dua hari serta perlu dibuat penapisan kerana terdapatnya duplikasi daripada aspek alamat rumah juga memerlukan panggilan telefon untuk menentukan alamat yang betul kerana ada yang tidak mengemas kini maklumat mereka.

"InsyaAllah untuk ke hadapan, dengan adanya penambahan, *kitani* akan meningkatkan jumlah pemanggil dan yang akan mengemaskinikan proses-proses ini untuk menentukan bahawa ia dapat dilaksanakan dalam tempoh kurang daripada sehari," ujar Yang Berhormat lagi.

Logistik pengangkutan, tenaga kerja, bekalan catuan makanan antara cabaran yang dihadapi

Cabaran yang ketiga, tambah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, disebabkan dengan jumlah yang meningkat, cabaran juga daripada aspek memerlukan logistik pengangkutan, tenaga kerja dan juga paling besar adalah bekalan catuan makanan.

Menurut Yang Berhormat, semua perkara signifikan akan dipertingkatkan, termasuk jumlah pengangkutan, jumlah tenaga kerja dan insyaaAllah pembekalan-pembekalan makanan ini akan ditentukan, bahawa ia mencukupi untuk tempoh tujuh hari dengan bekalan akan *ditop-up* setiap lima hari juga dengan kerjasama rakan-rakan strategik akan dapat meningkatkan lagi hasrat untuk menghantar daripada 1,000 kepada 1,500 rumah dalam sehari.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19 148

Pengajaran, pembelajaran dalam talian diadakan 7 - 19 Mac



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri); Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (dua, kiri); Yang Berhormat Menteri Pendidikan (dua, kanan); dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Jumaat, 4 Mac. - Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi semua sekolah, iaitu Pusat Penjagaan Kanak-kanak, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah agama dan Pusat-pusat Tingkatan Enam di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dilaksanakan secara dalam talian atau secara *online learning* selama dua minggu bermula 7 Mac hingga 19 Mac 2022.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan mengumumkan perkara tersebut berikutan menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, seterusnya berkata, peralihan itu adalah mengambil kira kehadiran para pelajar yang jauh berkurang sejak kebelakangan ini dan membolehkan para guru memberikan pempunyan yang lebih sempurna kepada pelajar.

Yang Berhormat juga

menjelaskan, pertimbangan khas akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang memohon untuk mengadakan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka bagi persediaan para pelajar yang akan menduduki peperiksaan antarabangsa.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa menjawab persoalan daripada pihak media berkata, Kementerian Pendidikan dan KHEU dalam pemantauan keadaan sekarang mendapati para guru membuat pelbagai kaedah pengajaran, sama ada daripada pembelajaran secara fizikal dan dalam talian.

Yang Berhormat menjelaskan, berdasarkan rasional yang diberikan bagi menukar pengajaran secara dalam talian untuk menyelaraskan kaedah pengajaran berikutan kehadiran pelajar berkurangan sejak kebelakangan ini dan keadaan situasi pada masa sekarang dan diharapkan para guru dapat memberikan tumpuan yang lebih baik kepada para pelajar dalam memberikan pendidikan yang diperlukan untuk terus maju dalam pengajian.

Kata Yang Berhormat lagi, kerjasama para ibu bapa dan penjaga dengan guru dan pemimpin sekolah dalam menentukan pendidikan anak-anak bagi memastikan mereka dapat mengikuti atau melaksanakan kerja-kerja sekolah yang diberikan.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengingatkan kerjasama para ibu bapa dan penjaga supaya dapat menghubungi para guru pada waktu atau masa yang

bersesuaian.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, para ibu bapa untuk menyediakan suasana secara kondusif bagi anak-anak mereka mengikuti pembelajaran dalam talian atau Home Learning Pack (HLP) agar dapat diikuti dengan baik.

Selain itu Yang Berhormat menambah, agar dapat memerhatikan keadaan kesihatan anak-anak mereka, sama ada dari segi fizikal dan juga mental dan perlu dilaporkan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada anak-anak mereka untuk mendapatkan sebarang bantuan.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menggariskan beberapa garis panduan perkumpulan ramai juga dikemas kini, iaitu orang ramai yang mengadakan acara di rumah-rumah persendirian adalah dinasihatkan untuk mengehadkan jumlah kehadiran kepada 30 orang sahaja dengan melakukan Ujian Pantas Antigen (ART) sebelum menghadiri acara-acara tersebut.

Selain itu tambah Yang Berhormat, panduan kesihatan seperti pemakaian sungkup muka, penjarakan fizikal, penggunaan pensanitasi tangan dan sebagainya hendaklah sentiasa dipatuhi. Bagi acara-acara yang diadakan di dewan-dewan, had keramaian 300 orang adalah masih dikekalkan dengan mematuhi garis panduan kesihatan yang sedia ada, termasuk penggunaan Kod QR.

"Walau bagaimanapun, penganjur acara hendaklah juga memastikan setiap yang hadir melakukan ART sebelum menghadiri acara berkenaan," tegas Yang Berhormat lagi.

KETUA KAMPUNG BERPERANAN BANTU AGENSI KERAJAAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Jumaat, 4 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan, sebagaimana gelombang kedua COVID-19 sebelum ini, Ketua-ketua Kampung mempunyai peranan untuk membantu agensi-agensi kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, pertama, dari segi vaksinasi, iaitu vaksinasi bagi mereka yang tidak berupaya untuk pergi sendiri ke Pusat-pusat Vaksinasi.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, Ketua-ketua Kampung akan mengambil daftar senarai orang-orang berkenaan bagi membolehkan pihak *mobile vaccination* membantu mereka.

Kedua, tambah Yang Berhormat, Ketua-ketua Kampung juga berperanan membantu agensi-agensi kerajaan dalam pengagihan makanan. Ini kerana walaupun mereka yang menjalani kuarantin memberikan alamat kediaman, kadang kala sukar untuk para sukarelawan mengenal pasti alamat rumah tersebut.

"Jadi di sanalah Ketua Kampung membantu untuk mencari kerana mereka lebih tahu di mana alamat kediaman mereka yang dikenakan kuarantin untuk dibahagikan catuan makanan. Perkara ini pun berlaku



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media tersebut.

di gelombang ketiga ini," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat menambah, dalam Sidang Media sebelum ini ada dinyatakan bahawa pihak kerajaan akan membahagikan Ujian Pantas Antigen (ART) Kit kepada mereka yang di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN), termasuk orang yang menerima bantuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Ketua Kampung lagi sekali berperanan untuk membantu agensi-agensi ini dalam pembahagian tersebut.

Vaksinasi lindungi kesan buruk COVID-19

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Jumaat, 4 Mac. - Pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan bagi penerimaan tiga dos adalah sebanyak 55.8 peratus dilaporkan sehingga 3 Mac 2022 daripada jumlah keseluruhan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD), manakala kadar satu dan dua dos vaksin, masing-masing melebihi 94 peratus setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan menyatakan perkara demikian pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat juga mengongsikan dapatan-dapatan terkini mengenai situasi COVID-19 di NBD berdasarkan kepada penelitian dan penilaian yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19, antaranya pemantauan epidemiologi berterusan menunjukkan jumlah kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5 pada masa gelombang ketiga ini adalah lebih rendah daripada gelombang pertama dan kedua.

Menurut Yang Berhormat, semasa gelombang pertama, statistik kes dalam Kategori 4 dan kategori 5 ialah seramai 450 orang bagi setiap 10,000 kes, manakala dalam gelombang kedua ialah seramai 60 orang bagi setiap 10,000 kes. Berbanding dengan gelombang ketiga ini, iaitu enam kes bagi setiap 10,000 orang.

"Ini menandakan keberkesanan Program Vaksinasi Kebangsaan yang telah berjaya mengurangkan dengan signifikan jumlah kes yang mengalami kesan teruk akibat COVID-19.

"Dapatan-dapatan sains telah membuktikan bahawa dua dos vaksin mampu memberikan perlindungan baik kepada kesan buruk COVID-19, namun tiga dos vaksin didapati memberikan perlindungan tambahan yang tinggi terhadap kesan-kesan negatif ini," ujar Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menekankan kepada orang ramai, khususnya warga emas dan mereka yang menghidap penyakit kronik adalah dinasihatkan untuk mendapatkan dos ketiga vaksin COVID-19 sebaik sahaja layak menerimanya.

Penjualan ART Kit bermula 5 Mac



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa meninjau penjualan Ujian Pantas Antigen (ART) Kit menerusi mesin layan diri yang terdapat di pekarangan bangunan Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan sejurus selepas Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Jumaat, 4 Mac. - Kerajaan memaklumkan bahawa penjualan Ujian Pantas Antigen (ART) Kit bagi orang ramai akan bermula 5 Mac 2022.

"Mesin-mesin layan diri atau *vending machines* sedang dipasang di 20 buah lokasi dan senarai lokasi mesin layan diri dan klinik-klinik swasta akan dikeluarkan esok, Sabtu," ujar Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

>> Muka 5

Pre-logged messages diperkenalkan dalam TD 123

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Jumaat, 4 Mac. - *Pre-logged messages* akan diperkenalkan di Talian Darussalam (TD) 123 berikutan hasil kerjasama Syarikat Comquest Sdn. Bhd. bagi soalan-soalan lazim yang sering diterima daripada orang ramai.

Pihak kerajaan juga akan berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pembedaan pelbagai maklumat penting yang perlu diketahui orang ramai, seperti protokol kesihatan terkini, bantuan makanan dan sebagainya supaya maklumat tersebut mudah diperoleh dan orang ramai tidak lagi tertanya-tanya.

Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Tambah Yang Berhormat, Talian Nasihat Kesihatan 148 dan TD 123 menerima jumlah panggilan sangat tinggi daripada orang ramai pada purata sebanyak 7,000 hingga 10,000 panggilan sejak penggunaan Ujian Pantas Antigen (ART) sebagai kaedah pengesanan kes positif COVID-19 di negara ini pada 15 Februari lalu.

Yang Berhormat selanjutnya menerangkan, hanya kira-kira 15 ke 20 peratus sahaja panggilan yang dapat dijawab daripada jumlah panggilan diterima setiap hari oleh TD 123.

Justeru itu menurut Yang Berhormat, pihak berkenaan juga akan menambah jumlah kakitangan di TD 123 bagi menjawab panggilan-panggilan yang diterima dengan segera.

"Mengikut statistik yang ada, sebahagian besar daripada panggilan-panggilan tersebut adalah berkaitan dengan isu warna kod aplikasi BruHealth, pertanyaan mengenai protokol kesihatan dan pelbagai perkara yang berkaitan

dengan bantuan makanan bagi kes-kes dan kontak-kontak terdekat," ujar Yang Berhormat.

Sehubungan itu tambah Yang Berhormat, bagi menangani keadaan tersebut, pihak kerajaan secara Whole of Government Approach akan melaksanakan pelbagai perkara seperti mengemaskinikan aplikasi BruHealth yang akan membolehkan kes-kes atau kontak-kontak terdekat membuat pilihan, sama ada memerlukan bantuan makanan atau tidak.

Setakat 3 Mac semalam Yang Berhormat menjelaskan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama sukarelawan belia secara kumulatif menghantar makanan kepada sejumlah 35,078 buah rumah untuk menampung seramai 180,462 individu di keempat-empat daerah.

Secara harian, kata Yang Berhormat, penghantaran catuan makanan dibuat bagi sekitar 1,000 buah rumah oleh para sukarelawan setelah proses mengemas kini senarai pemohon yang diterima dari Kementerian Kesihatan.

Semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pihak media, Yang Berhormat menjawab, aplikasi BruHealth juga dikemaskinikan dengan pemilihan, sama ada memerlukan catuan bantuan makanan atau sebaliknya bagi mereka yang melaporkan kes positif mahupun yang menjalani kuarantin.

Jika tidak memerlukan jelas Yang Berhormat, sekali gus akan mengurangkan jumlah penghantaran dan juga catuan makanan agar pihak kementerian berkenaan mudah menguruskan bagi mereka yang memerlukan bantuan.

Yang Berhormat menerangkan, dalam satu keluarga yang positif tinggal dalam satu rumah yang sama bercadang hendak memohon bantuan tersebut adalah dinasihatkan untuk membuat satu permohonan sahaja untuk diadapakan.

"Pada masa ini, operasi di Pusat-pusat Catuan terkesan disebabkan jumlah pemohon yang meningkat pada masa gelombang ketiga ini.

"Tindakan penambahbaikan telah dikenal pasti untuk



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku wakil Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

dilaksanakan dan insyaaAllah dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, swasta dan sukarelawan, penghantaran catuan makanan akan dapat dipercepatkan," ujar Yang Berhormat lagi.

PROSES PEMBEKALAN CATUAN MAKANAN AKAN DIPERTINGKATKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Jumaat, 4 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata, pihaknya akan berusaha menentukan, bahawa pembekalan atau penghantaran catuan makanan kering bagi para individu yang menjalani Perintah Kuarantin di rumah akan dapat dipertingkatkan, dipercepatkan dan memastikan pembekalan atau penghantaran catuan makanan ini dapat diberikan kepada golongan yang betul-betul memerlukan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ingin memohon setinggi-tinggi kemaafan atas kelambatan-kelambatan yang berlaku dalam pembekalan atau penghantaran catuan makanan kering sehingga melebihi tiga hari daripada tarikh permohonan.

"InsyaaAllah perkara ini sedang diteliti dan akan terus diperbaiki agar penghantaran dan pembekalan catuan makanan kering akan dapat dilaksanakan dengan sesegeranya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, cabaran serta tatacara dalam penambahbaikan yang dilaksanakan kerana senario pada kali ini amat berbeza, jika dibandingkan semasa penghantaran catuan makanan yang bermula pada bulan Ogos 2021.

"Pada awalnya, penghantaran catuan makanan ini hanya kepada yang kuarantin sahaja bukan kepada mereka yang *self-isolation* atau yang positif kerana mereka

yang positif ditempatkan di Isolation Centre.

"Tetapi kali ini senarainya, jumlah adalah hampir keseluruhan kerana yang di Isolation Centre ini jumlahnya kecil sahaja. Jadi, jumlahnya itu jauh mendadak tinggi dari bulan Ogos hingga pada bulan Disember ataupun sebelum bulan Februari lepas," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menambah, cabaran yang paling besar adalah jumlah yang meningkat secara mendadak. Sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, statistik menunjukkan bahawa dari bulan Ogos hingga kelmarin, sebanyak 35,078 buah rumah telah dihantar catuan makanan.

Tambah Yang Berhormat, statistik dari 11 Februari hingga 3 Mac, penghantaran catuan makanan yang diagihkan adalah sebanyak 12,201 rumah dengan 30 peratus dalam tempoh kurang daripada satu bulan.

"Kitani melihat jumlah tersebut begitu tinggi. Jadi cabaran yang besar adalah jumlah yang meningkat, dan sebelumnya penghantaran makanan ke rumah-rumah ini adalah sekitar 500 sahaja sehari. Tetapi, pada masa ini jumlah yang dihantar adalah antara 800 hingga 1,000.

"Alhamdulillah dengan kerja keras daripada para sukarelawan dan pihak-pihak yang telah pun memberikan bantuan, kita telah pun dapat menghantar sehinggalah sampai 1,277 buah rumah dalam sehari. Itulah cabaran yang besar, iaitu jumlah yang meningkat dibandingkan dengan jumlah sebelumnya," jelas Yang Berhormat.

Kedua, tambah Yang Berhormat lagi, dengan jumlah yang meningkat ini, cabaran yang dihadapi ialah aliran proses kerana senarai nama akan dihantar

kepada pihak sukarelawan KKBS dari Kementerian Kesihatan.

Terang Yang Berhormat, nama-nama yang belum dikemas kini (*raw lists*) mencecah 5,000 senarai nama yang perlu diproses dan proses ini akan memakan masa lebih kurang dua hari serta perlu dibuat penapisan kerana terdapatnya duplikasi daripada aspek alamat rumah juga memerlukan panggilan telefon untuk menentukan alamat yang betul kerana ada yang tidak mengemas kini maklumat mereka.

"InsyaaAllah untuk ke hadapan, dengan adanya penambahan, *kitani* akan meningkatkan jumlah pemanggil dan yang akan mengemaskinikan proses-proses ini untuk menentukan bahawa ia dapat dilaksanakan dalam tempoh kurang daripada sehari," ujar Yang Berhormat lagi.

Cabaran yang ketiga, tambah Yang Berhormat, disebabkan dengan jumlah yang meningkat, cabaran juga daripada aspek memerlukan logistik pengangkutan, tenaga kerja dan juga paling besar adalah bekalan catuan makanan.

Menurut Yang Berhormat, semua perkara signifikan akan dipertingkatkan, termasuk jumlah pengangkutan, jumlah tenaga kerja dan insyaaAllah pembekalan-pembekalan makanan ini akan ditentukan, bahawa ia mencukupi untuk tempoh tujuh hari dengan bekalan akan di *top-up* setiap lima hari serta dengan kerjasama bersama rakan-rakan strategik akan dapat meningkatkan lagi hasrat untuk menghantar daripada 1,000 kepada 1,500 rumah dalam sehari.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat melahirkan penghargaan kepada keseluruhan para sukarelawan, bukan sahaja sukarelawan belia, tetapi pelbagai agensi kerajaan, NGO, persatuan-persatuan atas sokongan kerja keras yang telah pun diberikan.

Sementara itu, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, pada masa ini aplikasi BruHealth dikemas kini untuk memberikan pilihan bagi mereka yang menjalani Perintah Kuarantin atau kes positif untuk membuat pilihan, sama ada mereka memerlukan bantuan makanan atau tidak.

Tambah Yang Berhormat, jika mereka memilih untuk tidak memerlukan bantuan makanan, dengan sendirinya akan mengurangkan jumlah penghantaran makanan ini dan memudahkan kementerian berkenaan menguruskan dengan jumlah yang benar-benar memerlukan bantuan tersebut.

"Terdapat sebahagian kes-kes positif atau kontak terdekat, di mana mereka ini sebenarnya tidak memerlukan bantuan untuk diberikan catuan makanan. Memang pada masa ini siapa sahaja yang menjalani Perintah



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Sidang Media berkenaan.

Kuarantin atau positif, pihak KKBS menghantar makanan dan kadang-kadang, kes positif atau kontak terdekat menolak disebabkan mereka tidak memerlukannya," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 4

Yang Berhormat seterusnya berkata, orang ramai bolehlah terus membeli daripada mana-mana penjual termasuk *online vendors* sekiranya kos harga ART Kit dianggap berpatutan dan terdapat jenama ART Kit yang lebih disukai.

Menurut Yang Berhormat semasa menjawab soalan daripada pihak media, adapun penjualan ART Kit yang disediakan oleh pihak kerajaan bukan sebagai pembekal utama akan tetapi menggalakkan para pembekal lain untuk berniaga ART Kit dalam mencari harga yang berpatutan.

Pihak swasta sebelum membawa masuk ART Kit ke negara ini tekan Yang Berhormat, wajar membuat penilaian dan pemeriksaan agar *competitive* dengan harga yang murah agar dapat menjual di pasaran harga tidak melebihi BND3 setiap unit.

Berikutan penjualan ART Kit murah yang tular di media sosial baru-baru ini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, ia menunjukkan menerusi mekanisme yang dilaksanakan kerajaan secara tidak langsung sektor swasta boleh *adjust* harga jualan ART Kit mereka sendiri.

"Orang ramai adalah dinasihatkan untuk memastikan kualiti ART Kit yang dibeli adalah menepati piawaian yang ditetapkan dan termasuk dalam senarai yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, senarai ART Kit yang dibenarkan untuk dijual di NBD boleh diperoleh dengan melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn.

COVID-19 : 4,885 KES BAHARU, 2,457 SEMBUH



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku wakil Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 3 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa sebanyak enam kes COVID-19 sekarang berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi manakala lapan kes sekarang di dalam Kategori 5 iaitu memerlukan bantuan mesin pemafasan dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif.

Sementara itu, dalam masa 24 jam yang lalu, enam kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana dua kes telah dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19, dua kes tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan oleh COVID-19 manakala punca kematian bagi dua lagi kes masih dalam siasatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan, mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat

Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga-keluarga mendiang dan Allahyarham.

"Semoga keluarga mendiang diberikan kesabaran dan kekuatan dalam menghadapi pemergiannya dan semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solihin. Al-Fatihah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, sebanyak 4,885 kes baharu dilaporkan hari ini yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 76,534 orang.

Daripada jumlah kes baharu ini, 4,100 adalah hasil ART yang dimuat naik ke aplikasi BruHealth manakala 785 adalah dari hasil 4,400 ujian makmal RT-PCR yang dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, 2,457 kes disahkan sembuh pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di NBD kepada 40,782 kes manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 35,617 kes.

"Pada masa ini, kadar pengisian katil di seluruh negara atau *bed occupancy rate* pada masa ini ialah sebanyak 9.8 peratus di mana 354 kes aktif sedang menerima rawatan di Pusat-pusat Pengasingan. Seramai 35,263 kes positif kini

sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

"Sehingga Rabu, 2 Mac 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan bagi mereka yang menerima tiga dos vaksin ialah 55.3 peratus dari keseluruhan penduduk di negara ini manakala kadar satu dos dan dua dos adalah masing-masing melebihi 94 peratus," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12.00 tengah malam semalam hingga jam 4.00 pagi, sebanyak dua pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana satu daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

Yang Berhormat juga mengongsikan, mengambil kira situasi COVID-19 pada masa ini, Sidang Media Kementerian Kesihatan akan diadakan setiap hari bermula Jumaat, 4 Mac 2022.

Pihak kerajaan tambah Yang Berhormat, sedang memuktamadkan strategi-strategi kesihatan awam untuk mengawal penularan COVID-19 yang dijangka akan diumumkan dalam masa yang terdekat.

Juga hadir pada Sidang Media tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui.

Dapatkan dos penggalak bagi perlindungan lebih

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Khamis, 3 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyarankan bahawa semua untuk sentiasa mengikuti SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dengan strategi-strategi yang ditetapkan termasuk perlu melaporkan diri bagi sesiapa yang dijangkiti COVID-19.

"Apa yang penting, orang ramai ini bukan sahaja mendapatkan dua dos tetapi juga mendapatkan *booster*, sebagai salah satu pertahanan daripada COVID-19," ujar Yang Berhormat selaku wakil Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin menjelaskan bahawa dalam masa yang sama, *senior citizen* dan bagi yang berumur 60 tahun ke atas dan orang-orang yang mempunyai penyakit-penyakit kronik juga adalah penting untuk mendapatkan dos penggalak kerana jika seseorang itu dijangkiti ia tidak akan seteruk dihadapinya jika tidak bervaksin.

Manakala Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui pula menjelaskan, sekarang kebanyakan jangkitan COVID-19 di negara ini adalah varian Omicron, bermakna sesiapa yang sebelum ini pernah dijangkiti ialah varian Delta.

"Tetapi apa yang didapati juga, bagi yang dijangkiti COVID-19 divaksinasi dan di *booster*, adalah kurang serius berbanding dengan yang tidak bervaksinasi atau *booster*."

"Kami menggalakkan orang ramai jika belum mendapatkan *booster*, boleh mendapatkan vaksinasi tersebut ke Pusat Vaksinasi. Ini boleh dibuat secara *walk-in* dan jika sudah melebihi tiga bulan bagi dos kedua untuk mendapatkan *booster*," ujarnya lagi.

Flowflex ART Kit lulus dan sah

BERAKAS, Khamis, 3 Mac. - Orang ramai diminta untuk bekerjasama agar tidak membuat pembelian ART Kit yang berlebihan, namun pembelian ART Kit yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan adalah tidak dihadkan kepada seseorang.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sementara itu, menyentuh mengenai Flowflex ART Kit, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin menjelaskan, Flowflex Art Kit yang dijual di negara ini adalah lulus dan sah serta Kementerian Kesihatan telah meluluskan penggunaannya.

Namun, isu yang ditimbulkan oleh US FDA itu adalah dijual secara *illegal* dalam US Market, di mana mana-mana produk ART Kit yang dijual di US Market mestilah mendapat kelulusan dari FDA.

"Bukan isu mengenai yang dijual itu tidak asli, tetapi sebenarnya ia bukan untuk US Market. *Statement* untuk menarik balik itu kerana ia bukan untuk US Market dan *illegal* diimport di US," ujarnya.

Elakkan pembelian ART Kit secara berlebihan

BERAKAS, Khamis, 3 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, peningkatan harga Antigen Rapid Test (ART) Kit di pasaran adalah disebabkan oleh faktor *demand and supply* iaitu disebabkan oleh bekalan yang terhad dan terdapatnya keperluan yang tinggi di seluruh dunia.

Perkara ini jelas Yang Berhormat adalah juga sebahagiannya didorong oleh perubahan-perubahan dasar kerajaan seperti di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah mula menggunakan ART untuk pengesanan kes-kes positif pada 15 Februari yang lalu.

Yang Berhormat selaku wakil Menteri Kesihatan menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi

Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dalam hubungan itu, bagi memastikan bekalan ART berterusan dengan harga berpatutan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, jelas Yang Berhormat akan memulakan penjualan ART secara dalam talian (*online*) melalui salah sebuah syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (*government-linked company*) dan klinik-klinik swasta.

"Setiap pek ART Kit akan dijual pada harga BND3 setiap set dan bayaran kos penghantaran akan juga dikenakan. Pembekalan dan penghantaran akan dilaksanakan dalam masa tiga hari dari tarikh pembelian dibuat. Tarikh permulaan penjualan dibukakan insyaaAllah akan diumumkan

sebaik saja persiapan logistik selesai dilaksanakan," ujar Yang Berhormat.

Untuk itu, Yang Berhormat turut menasihati orang ramai untuk tidak mengambil kesempatan membeli secara berlebihan dan hanya membeli dengan jumlah yang diperlukan untuk kegunaan persendirian atau dalam satu keluarga sahaja. Kerjasama dan kesabaran orang ramai adalah juga dipohonkan semasa menunggu penghantaran dibuat.

Seterusnya Yang Berhormat menambah, apabila penjualan ART Kit dibukakan nanti, keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah yang mendapat Bantuan Kebajikan Bulanan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) boleh membuat permohonan untuk mendapatkan ART Kit melalui Jabatan

Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan MUIB.

"Setiap seorang di dalam sesebuah keluarga akan diberikan 10 ART Kit setiap seorang secara percuma untuk kegunaan bagi tempoh tiga bulan. Pengagihan ART Kit ini akan dilakukan melalui Ketua-ketua Kampung, JAPEM dan ejen-ejen yang dilantik oleh kerajaan.

"Pihak kerajaan juga sedang membuat persiapan untuk membolehkan ART Kit dijual melalui mesin layan diri atau *vending machine* dalam masa yang terdekat.

Mesin-mesin ini akan diletakkan di tempat-tempat yang strategik dan diusahakan oleh syarikat swasta yang dilantik. ART Kit yang dijual di mesin-mesin tersebut akan dijual dengan harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, orang ramai

jelas Yang Berhormat masih boleh membeli ART Kit yang ada di pasaran dan para peniaga adalah dinasihatkan untuk tidak mengambil kesempatan dan menaikkan harga jualan sewenang-wenangnya.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) tegas Yang Berhormat akan sentiasa membuat pemantauan ke atas harga pasaran bagi ART Kit ini dari semasa ke semasa.

Bagi memastikan kualiti ART Kit adalah menepati piawaian yang ditetapkan, pengimportan dan perbekalan ART Kit hendaklah selaras dengan senarai yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Senarai ART Kit yang dibenarkan untuk dijual di NBD boleh diperolehi dengan melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2,112 KES SEMBUH, 6 KES DALAM KATEGORI 4

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Rabu, 2 Mac. - Kementerian Kesihatan menerima beberapa aduan daripada orang ramai mengenai kod aplikasi BruHealth, di mana terdapat sebilangan orang ramai menerima warna kod BruHealth yang tidak betul.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan sedang berusaha dengan pihak pengendali aplikasi BruHealth, EVYD Technology untuk mengatasi perkara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan menyatakan perkara itu pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan, sebanyak enam kes COVID-19 sekarang berada dalam Kategori 4, iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, tujuh kes sekarang

dalam Kategori 5, iaitu memerlukan bantuan mesin pernafasan dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif.

Yang Berhormat turut memaklumkan berita dukacita bahawa dalam tempoh masa 24 jam yang lalu, dua kes COVID-19 meninggal dunia, iaitu satu kematian adalah disebabkan oleh COVID-19, manakala punca kematian bagi satu lagi kes masih dalam siasatan.

"Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat NBD mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solihin," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, sebanyak 3,887 kes baharu dilaporkan pada hari ini yang membawa kepada jumlah keseluruhan kes sebanyak 71,649 orang.

Daripada jumlah tersebut kata Yang Berhormat, sebanyak 3,048 adalah hasil pengesanan melalui Ujian Pantas Antigen (ART) yang dimuat naik ke aplikasi BruHealth, manakala 839 adalah daripada



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku wakil Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

hasil 4,790 ujian makmal RT-PCR yang dilakukan dalam tempoh masa 24 jam yang lalu.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, sebanyak 2,112 kes disahkan sembuh pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di NBD kepada 38,325 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 33,195 kes.

Menyentuh mengenai kadar pengisian katil di seluruh negara atau *bed occupancy rate* pada masa ini, Yang Berhormat menjelaskan, ia adalah sebanyak 10.3 peratus dengan 370 kes aktif sedang menerima rawatan di Pusat-pusat Pengasingan, dan seramai 32,825 kes positif kini sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

Yang Berhormat seterusnya

menyatakan, sehingga 1 Mac 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan bagi mereka yang menerima tiga dos vaksin ialah sebanyak 54.9 peratus daripada keseluruhan penduduk di negara ini, manakala kadar satu dos dan dua dos adalah masing-masing melebihi 94 peratus.

"Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12.00 malam semalam hingga 4.00 pagi tadi, alhamdulillah, tidak ada pelanggaran arahan keluar rumah telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara.

"Marilah kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar NBD serta semua rakyat dan penduduknya diberikan kesihatan, dipermudahkan segala urusan dan dijauhkan daripada segala

penyakit, khususnya penyakit COVID-19. *Amin Amin Ya Rabbal Alamin*," ujar Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, dalam sesi soal jawab bersama media mengenai tindakan bagi individu yang tidak melaporkan keputusan ART yang positif ke dalam BruHealth, dan mereka yang membuat keputusan palsu, Yang Berhormat menegaskan, ia adalah menjadi satu kesalahan, dan mereka boleh diambil tindakan oleh pihak kerajaan di bawah Infectious Diseases Act.

Yang Berhormat turut menyeru orang ramai, jika mereka mendapati keputusan COVID-19 yang positif, perlulah segera melaporkannya bagi sama-sama menjaga penularan wabak tersebut.

Jangan diskriminasi terhadap pesakit COVID-19

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Rabu, 2 Mac. - Orang ramai adalah diingatkan untuk tidak mendiskriminasi atau menjauhkan diri daripada mana-mana pesakit atau bekas pesakit COVID-19 yang telah sembuh.

Peringatan tersebut ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat menekankan bahawa bekas-bekas pesakit COVID-19 yang telah disahkan sembuh dan tidak akan menjangkiti orang lain.

"Sebarang diskriminasi ke atas pesakit-pesakit atau bekas pesakit COVID-19 tidak sepatutnya berlaku.

"Bekas pesakit yang telah sembuh dari COVID-19 juga jangan menjauhkan diri dari orang lain terutama sekali bagi individu yang sudah menerima tiga dos vaksin," tegas Yang Berhormat.

3,000 jawatan kosong di JobCentre Brunei

BERAKAS, Rabu, 2 Mac. - Isu kekurangan tenaga pekerja di kedai-kedai dan restoran bukan sahaja dihadapi di negara ini bahkan juga di seluruh dunia.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan semasa menjawab isu yang dibangkitkan oleh pengamal media berkaitan dengan kekurangan tenaga pekerja pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat melahirkan harapan agar rakyat Negara Brunei Darussalam akan dapat tampil ke hadapan untuk mengisi kekosongan jawatan.

Menurut Yang Berhormat, JobCentre Brunei pada ketika ini mempunyai sebanyak 3,000 kekosongan jawatan.

"Apa pun nisbah pekerja asing dan tempatan akan dikaji semula tertakluk kepada keadaan. Orang tempatan sangat digalakkan untuk tampil ke hadapan untuk mengambil peluang untuk mengisi pekerjaan," jelas Yang Berhormat.

Bekerjasama memperbaiki keadaan

BERAKAS, Rabu, 2 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil Menteri Kesihatan berkata, meskipun pelbagai pihak menghadapi cabaran semasa gelombang ketiga ini, namun pihak kerajaan tidak membiarkan mereka begitu sahaja, tetapi akan terus mencari jalan untuk memperbaiki keadaan pada ketika ini.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu semasa sesi soal jawab bersama pihak media mengenai strategi kerajaan dalam menghadapi gelombang ketiga ini pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, semasa gelombang pertama dan kedua, kadar jangkitan adalah lebih kurang menjadikannya lebih mudah untuk dikawal berbanding dengan varian Omicron pada gelombang ketiga ini, di mana ia lebih mudah berjangkit.

Pihak kerajaan tambah Yang Berhormat, ada menubuhkan Jawatankuasa Pandu COVID-19 dan mereka sentiasa memantau keadaan di sini.

Meskipun nampaknya dalam dua

tiga minggu ini kes-kes semakin meningkat kata Yang Berhormat, mereka juga memang ada memikirkan apa yang perlu diubah, di samping mengambil pelbagai pandangan daripada orang ramai yang mana sesuai akan diambil.

Jelas Yang Berhormat lagi, pada

waktu ini, kita mestilah sama-sama bekerjasama bagi membendung penularan wabak ini, meskipun masih terdapat lagi kekurangan, tetapi yang penting ialah berusaha untuk mencari jalan dengan mengambil kira pandangan daripada orang ramai.





MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

AKTA UNDANG-UNDANG (2022) PERBEKALAN, 2022 / 2023 DILULUSKAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Persidangan MMN telah pun selesai meluluskan Akta Undang-Undang (2022)



Perbekalan, 2022 / 2023 dan akta ini akan berjalan kuat kuasanya mulai daripada 1 April 2022.

Seterusnya Sesi Persidangan hari ini telah meluluskan Ketetapan Pertama yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang berbunyi, "Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas Nombor 1 Tahun 2022 adalah masing-masing mulai dari tarikh perintah itu diluluskan".

Sebanyak 19 perintah yang disenaraikan dan perintah-perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Sebahagian daripada perintah-perintah ini, menurut Yang Berhormat, sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2021 yang lalu dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini (2022).

Kesemua perintah-perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut peraturan dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Sesi Persidangan hari ini juga meluluskan Ketetapan Kedua yang dicadangkan oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew yang berbunyi, "Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulan wang Kemajuan (Penggala 136), bahawa perbelanjaan sejumlah BND350,000,000 (Tiga ratus dan lima puluh juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan wang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2022 / 2023, dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2022".

Mesyuarat Pertama Dari Musim



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Permesyuaratan Ke-18 MMN ditangguhkan dan ucapan penangguhan dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar dan seramai 20 orang Ahli Yang Berhormat MMN turut serta di dalam ucapan-ucapan penangguhan.

Perubahan dalam mengharungi cabaran COVID-19

Oleh : Abdul Hadi Haji Suhaili
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - COVID-19 telah mengubah landskap dunia dan ini tidak terkecuali negara kita, Negara Brunei Darussalam. Pelbagai pengalaman dilalui dan pengetahuan diperoleh sejak COVID-19. Tidak dinafikan ia telah memberikan impak yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan.

Yang nyata hampir dua tahun, kita hidup dalam norma baharu. COVID-19 juga mengharuskan kerajaan untuk membuat perubahan dari segi inisiatif, dasar dan perundangan.

Perubahan-perubahan yang dilaksanakan adalah bagi mengharungi cabaran-cabaran daripada pandemik COVID-19 dan seterusnya agar ia selari dengan keperluan pasca COVID-19.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan demikian semasa ucapan penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Sehubungan ini, kita menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN pada tahun ini, berkaitan dengan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) di mana kajian telah pun selesai dibuat oleh

Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama TAP dan insyaaAllah pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023.

"Baginda juga menekankan mengenai *food security*; berikutan dengan penularan wabak COVID-19, ia sedikit sebanyak telah menjejaskan kemasukan barang-barang makanan dan sekali gus menjadikan harga barangan meningkat dan kadar inflasi tinggi. Dari itu alhamdulillah, beberapa usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam meningkatkan pengeluaran dari sektor-sektor pertanian, perikanan dan ternakan.

"InsyaaAllah kerajaan akan terus memastikan bahawa bekalan makanan di negara ini adalah sentiasa terjamin termasuk hasrat untuk mencapai sara diri dan mengurangkan kebergantungan kepada import semata-mata," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terdahulu, jelas Yang Berhormat, sepanjang tempoh penelitian dan perbincangan, Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan dan membahaskan perkara-perkara yang melibatkan kesejahteraan orang ramai berkaitan dengan perkhidmatan - perkhidmatan seperti air, elektrik, pengangkutan, teknologi infokomunikasi, perumahan dan lain-lain, mengambil perhatian berat terhadap rancangan memperkasa Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana, meningkatkan prestasi 1K1P, mengambil perhatian serius terhadap pendidikan dan peranan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan negara.

Malahan, tambah Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat dengan lantang menyuarakan pandangan dan cadangan bagi mempertingkatkan usaha dalam sekuriti makanan, memperkasa belia, memberikan peluang kepada belia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka, penglibatan belia dalam pembangunan negara menyertai pelbagai sektor perniagaan dan perusahaan bukan sahaja sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Sehubungan itu, kata Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, maklum balas dan maklumat yang diketengahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah amat berharga dan menggambarkan keprihatinan dan pemedulian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi kepentingan negara dan masyarakat serta peranan dan tanggungjawab kementerian-kementerian.

Pandangan - pandangan dan saranan - saranan yang dihidangkan setentunya akan diteliti oleh kerajaan dan kementerian-kementerian berkenaan sebelum dilaksanakan.

"Alhamdulillah, menerusi perbincangan di dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan dan mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan yang amat signifikan berkisar kepada empat fokus Belanjawan 2022 / 2023 iaitu memelihara kesejahteraan awam, menjamin sekuriti makanan, mendukung dan membantu sektor swasta agar berdaya tahan dan berkembang dan meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready*," ujar Yang Berhormat.

Kerajaan terus komited tingkatkan kemajuan ekonomi negara

Oleh : Abdul Hadi Haji Suhaili

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Dalam keadaan ekonomi dunia yang masih dalam proses pemulihan dari COVID-19 dan dengan komitmen yang tinggi, kerajaan akan terus berusaha dan komited untuk meningkatkan kemajuan ekonomi negara.

Kerajaan akan terus menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini dan menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam destinasi menarik Pelabur Langsung Asing (FDI).

Demikian antara yang dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa ucapan penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

"Kita bergembira menyaksikan bahawa rancangan-rancangan kemajuan daripada penyertaan FDI telah menunjukkan hasilnya. Tidak dapat dinafikan bahawa sejauh ini kehadiran syarikat-syarikat luar negeri ini telah dapat membantu dalam pembangunan negara dengan meningkatkan aktiviti ekonomi, menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur kepada negara dan rakyat serta memberikan peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan," ujar Yang Berhormat.

Selain itu juga, terang Yang Berhormat, pembudayaan inovasi komunikasi dan teknologi dalam aspek pendidikan, pengurusan, keselamatan dan perusahaan pada masa ini jelas memperlihatkan peningkatan.

Ini selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, yang mana dasar utamanya bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Smart Nation serta mendorong dan meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi negara melalui transformasi digital.

Sehingga ke hari ini, kita dapat menyaksikan pertumbuhan positif sektor-sektor seperti pertanian, perniagaan, pengangkutan, kewangan, perhubungan dan perkhidmatan kesihatan. Sektor ini telah mempelbagaikan tatacara pemberian perkhidmatan dengan lebih inovatif dan kreatif. Mereka bijak menukar cabaran-cabaran COVID-19 menjadikannya peluang. Inilah sebenarnya tuntutan abad ini.

Jika dilihat dalam kehidupan bernegara pula, tegas Yang Berhormat, kita telah menempuh pelbagai cabaran dari pelbagai jenis wabak dan terkesan dengan krisis kewangan seperti ASEAN Financial Crisis 1997, Global Financial Crisis 2001 dan Global Financial Crisis 2006.

Sungguhpun wabak dan krisis kewangan tersebut memberi impak kepada negara dan sebahagian orang ramai, namun kesannya itu tidak sebegitu serius dan hebat seperti apa yang dialami daripada COVID -19.

>> Muka 13

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang semasa ucapan penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang masih merudum dan negara masih

PEMBAHARUAN SIGNIFIKAN DEMI KETENTERAMAN, KESEJAHTERAAN RAKYAT

mengalami defisit, di samping berhadapan dengan impak pandemik COVID-19, negara kita dengan izin Allah dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif dan melaksanakan beberapa pembaharuan signifikan demi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya.

"Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas segala pengamatan yang teliti, pandangan, nasihat dan pemikiran bernas dan membina yang memfokuskan kepada saranan-saranan penambahbaikan mahupun pembaharuan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat Yang Dilantik pada MMN," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sungguhpun persidangan dilaksanakan dalam tempoh masa yang pendek berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, tambah Yang Berhormat, akan tetapi ia tidak sama sekali mengurangkan kualiti penelitian dan perbincangan.

Kita sama-sama menjunjung tinggi hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai moto persidangan supaya digunakan peluang ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu diperbaiki.

Ke arah ini, kata Yang Berhormat lagi, Sesi Muzakarah Ahli-ahli Yang Berhormat Yang

Oleh : Abdul Hadi Haji Suhaili

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Dilantik dengan kementerian-kementerian pada tahun ini juga telah menghasilkan impak yang positif kerana menerusi permuzakarah ini membolehkan kementerian untuk memberikan maklumat terkini akan peranan, program dan apa jua usaha yang akan, sedang dan telah dirancang dan dilaksanakan oleh kementerian masing-masing.

Terdahulu, Yang Berhormat turut menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua persidangan telah berlangsung selama tujuh hari dan telah pun meluluskan beberapa akta penting khususnya Akta Perbekalan 2022 / 2023.

"Di kesempatan ini, saya bagi pihak Ahli-ahli Kerana Jawatan iaitu Menteri-menteri Kabinet dan Ahli-ahli Yang Dilantik dengan

penuh hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin permesyuaratan MMN kita dengan sungguh lancar dan teratur lagi efisien dalam menunaikan tanggungjawab MMN ini.

"Saya dengan penuh hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana meneliti, menimbang dan menyokong cadangan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan satu Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023 berjumlah BND5.7 bilion," jelas Yang Berhormat.

Sektor pertanian mampu pacu ekonomi berdaya tahan

Oleh : Noraisah Haji Muhammed

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Kali Ke-18 bagi Tahun 2022, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apang menerangkan mengenai kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah ketika membentangkan cadangan Belanjawan 2022 / 2023.

Yang Berhormat menyatakan, keluaran dari Sektor Pertanian juga Perikanan menyumbang dan merupakan penyumbang utama bagi pertumbuhan KDNK Tahun 2021, terutama dalam Sektor Bukan dalam Minyak dan Gas.

"Pada tahun 2021, keluaran Sektor Pertanian telah meningkat 24.6 peratus, iaitu daripada BND471 juta, pada tahun 2020 kepada BND587 juta, pada tahun 2021.

"Manakala keluaran Sektor Perikanan meningkat sebanyak 37.4 peratus, iaitu daripada BND139 juta, pada tahun 2020 kepada BND197 juta, pada tahun 2021.

"Berikutan itu, taraf sara diri bekalan makanan dan negara juga meningkat dan kita hampir mencapai 100 peratus sara diri bagi bekalan ayam pedaging dan telur ayam.

"Maka 85 peratus dari segi bekalan daging lembu dan kerbau dan bagi bekalan ikan; 66 peratus bagi bekalan sayur-sayuran tropika; dan 87 peratus bekalan diri bekalan beras tempatan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat melahirkan ucapan syabas kepada pengusaha-pengusaha, terdiri daripada peladang-peladang, petani-petani, penternak dan nelayan atas kegigihan dalam meningkatkan hasil dari ladang mereka hingga menyumbang kepada usaha meningkatkan pertumbuhan dan mempelbagaikan ekonomi bagi meningkatkan jaminan sekuriti makanan negara.

Melalui kerjasama di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, para pengusaha akan terus berusaha meningkatkan lagi keluaran dalam negara, bukan sahaja untuk mencapai taraf sara diri penuh, malah bagi memenuhi permintaan sektor pemprosesan makanan juga permintaan eksport.

Di samping itu, Yang Berhormat menekankan, usaha-usaha bagi menggalakkan penglibatan Pelaburan Langsung Asing dan GLC, dalam sama-sama menyumbang ke arah meningkatkan keluaran daripada Sektor Pertanian dan Perikanan juga akan diteruskan, selain daripada terus menggalakkan pengusaha dan peladang yang berkenaan untuk mengguna pakai teknologi dan teknik moden, menyasarkan pasaran eksport, selain memenuhi permintaan tempatan juga mengamalkan urus tadbir yang baik.

Adalah menjadi harapan peladang-peladang akan terus bersungguh-sungguh dan gigih mengusahakan tanah-tanah yang ditawarkan.

"Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Yang Ke-72, pada 27 November 2018 lalu, iaitu pihak kerajaan telah dan akan terus menyediakan peluang-peluang dalam bidang pertanian ini dengan seluas-luasnya.

"Baginda teruja kerana kita telah dapat melahirkan peladang-peladang dan petani-petani yang sebahagiannya telah menjayakan bidang ini sebagai mata pencarian utama mereka, terutama dalam aktiviti bertanam sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga dan aktiviti ternakan dan perikanan.

"Baginda percaya kejayaan itu adalah hasil daripada kesungguhan, kegigihan dan sifat berkariir mereka dan baginda mahu agar sifat sedemikian ini biarlah terus hidup dalam kalangan para peladang dan petani.

"Kebawah DYMM amat menaruh harapan supaya para peladang dan petani tidak bosan-bosan mengusahakan perladangan masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab, dedikasi dan berdisiplin demi *survivability* bangsa dan negara," tegas Yang Berhormat.

Sejajar dengan titah Kebawah DYMM itu, Yang Berhormat berharap agar semua pihak akan sama-sama memberi dorongan kepada peladang-peladang kita yang sedia ada dan menggalakkan belia-belie juga anak-anak buah kita, terutama yang masih mencari pekerjaan untuk bergiat dalam aktiviti pertanian, bagi merealisasikan hasrat kita sambil membantu mengukuhkan strategi sekuriti makanan dan membantu mengurangkan pergantungan pada import makanan.

Yang Berhormat juga menyeru agar orang ramai yang sudah diberikan tanah-tanah pertanian agar mengusahakan tanah mereka, seperti yang dipohonkan dengan bersungguh-sungguh dan tidak menjadikan tanah-tanah berkenaan terbiar dan tidak menyewakan tanah berkenaan kepada pihak lain.

Seterusnya, Yang Berhormat berkata, dalam keadaan dunia yang dilanda COVID-19 sejak awal tahun 2020, sudah tentunya ada beberapa keperluan pihak peladang yang terkesan dan yang paling meruncing adalah masalah mendapatkan buruh asing atau terdapat buruh-buruh asing yang sedia ada berkeinginan pula untuk pulang setelah sekian lama berada, di negara ini.

Menurut Yang Berhormat, kaedah yang difikirkan untuk cuba sedaya upaya membantu pihak pengusaha mendapatkan buruh-buruh yang dikehendaki demi untuk memastikan keluaran hasil perusahaan tidak terganggu, seperti bekalan padi dan beras, sayur-sayuran, daging ayam dan lembu, bekalan ikan dan udang dan lain-lain adalah melalui Whole of Nation, Whole of Government Approach.

"Sementara dalam Sektor Pelancongan melalui strategi, seperti pengembangan dan pengukuhan produk-produk pelancongan di seluruh negara serta melalui aktiviti-aktiviti latihan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan layanan yang dijalankan semenjak dua tahun yang lalu diharap penyedia-penyedia perkhidmatan dan produk pelancongan dalam negara telah bersedia untuk menerima kedatangan pelancong-pelancong dari luar negara apabila keadaan wabak pandemik COVID-19 telah



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

reda dan pada bila-bila masa, sempadan mula dibuka untuk pelancong-pelancong berkenaan datang ke negara ini.

"Faktor utama yang diambil kira dalam pembangunan produk-produk pelancongan merupakan faktor keselamatan, kebersihan dan faktor kualiti layanan yang diberikan kepada pengunjung-pengunjung," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut memaklumkan, bahawa pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama pihak Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan pihak Institute of Brunei Technical Education (IBTE) juga menerapkan nilai-nilai Islam dalam latihan melayan tetamu bagi pelayan-pelayan restoran, hotel, destinasi pelancongan juga agensi kerajaan, termasuk kaunter-kaunter imigresen, muzium dan galeri.

Tambah Yang Berhormat, ia bertujuan bagi memastikan pelanggan-pelanggan berpuas hati dengan layanan yang diberikan dan tidak jemu untuk berkunjung kembali ke destinasi-destinasi pelancongan.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

AGENDA PERTAHANAN, KESELAMATAN NEGARA DIUTAMAKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Pembangunan dan kemajuan sesebuah negara dan tidak terkecuali negara kita yang dicintai memerlukan keamanan dan persekitaran yang stabil.

Untuk itu, sebagai sebuah entiti pertahanan, Kementerian Pertahanan akan terus memainkan peranannya dalam memastikan keselamatan negara tidak tergugat dan akan terus mengekalkan persekitaran yang selamat dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain melalui pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government bagi sama-sama mendukung agenda pembangunan negara serta pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, menyedari akan kepentingan kestabilan dan keamanan sebagai prasyarat utama untuk pembangunan negara dan pencapaian Wawasan Brunei 2035, agenda pertahanan dan keselamatan negara hendaklah sentiasa diberikan keutamaan dan tidak boleh dikompromi.

"Oleh itu, kepentingan

pertahanan holistik hendaklah terus ditekankan di mana semua pihak termasuk *kitani* semua di dalam dewan yang mulia ini mempunyai peranan untuk menjaga kestabilan dan melindungi keamanan negara," tegas Yang Berhormat.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, sepertimana yang telah kita sama-sama dengarkan dan bahaskan sepanjang sesi permesyuaratan kali ini, penularan COVID-19 terus menjadi tumpuan kita yang mana kemunculan virus ini telah mendatangkan cabaran dari pelbagai haluan dan memberikan impak dalam pelbagai aspek.

Ini bukan sahaja dari segi ekonomi, kesihatan dan masyarakat bahkan juga kepada keamanan dan pertahanan negara. Ia juga mengandungi pelbagai hikmah untuk kita terus hayati dan amati.

Tambah Yang Berhormat, ini antara lain menggariskan dan mengukuhkan kepentingan untuk terus mengekalkan tahap kesediaan dan kesiapsiagaan yang tinggi, terutamanya dalam konteks iklim negara dan dunia yang semakin penuh dengan ketidakpastian (*uncertainty*) begitu juga dengan landskap keselamatannya.

"Meskipun pada permukaannya penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sewaktu krisis wabak COVID-19 ini lebih menyerlahkan kesediaannya kepada operasi-operasi bukan tradisional, namun kesediaan untuk melaksanakan operasi-operasi tradisional dalam mempertahankan kedaulatan negara dan keutuhan wilayah

pada masa yang sama tidak diketepikan dan akan tetap dikekalkan sebagai suatu keutamaan," jelas Yang Berhormat.

Pada amnya ujar Yang Berhormat, dalam zaman dan persekitaran kontemporari ini, pencerobohan wilayah dan kedaulatan masih berlaku di merata dunia, sepertimana yang dapat kita ambil iktibar daripada krisis pergolakan di benua Eropah sedang kita bersidang ini.

Yang Berhormat berkata, sejajar dengan visi terbaharunya untuk mewujudkan 'Sebuah Angkatan Bersenjata yang Dihormati dan Rakan Kerja yang Mantap' ke arah memastikan kedaulatan raja, negara dan ugama kekal terpelihara dan selamat, Kementerian Pertahanan dan ABDB akan terus mengorak langkah untuk membangunkan sebuah angkatan tentera yang berkembang maju dan unggul dalam pertahanan yang merangkumi aspek kesediaan, kesiapsiagaan dan kekuatan kerohanian.

Ini didukung dengan tiga tonggak utama pertahanan iaitu keupayaan cegah rintang dan respons (*deterrence and response*), diplomasi pertahanan dan pertahanan holistik.

"Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan permesyuaratan ini pada minggu lalu iaitu kepentingan untuk meluruskan tabdir urus masing-masing mengikut keutamaan, keperluan,

tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur.

"Syukur alhamdulillah Kementerian Pertahanan dan ABDB telah pun mengambil inisiatif untuk mengemaskan kerangka komprehensif perancangan pertahanan yang diadaptasikan sebaik-baiknya menurut keadaan persekitaran strategik semasa yang cepat berubah-ubah dan akan menjunjung tinggi kurnia titah baginda itu pada setiap masa," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Kertas Putih Pertahanan 2021 yang dilancarkan bersempena dengan Sambutan Jubli Intan ABDB pada tahun lalu dan juga perancangan keupayaan pertahanan Force 2035 dan Force Structure Review, yang sedang giat dijalankan, insyaaAllah dengan berkat daulat dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta keprihatinan mendalam baginda akan membolehkan Kementerian Pertahanan dan ABDB, dengan tampuk pimpinan baharu dan barisan kepimpinan di peringkat perkhidmatan (*services*) untuk terus bergerak dan berkembang dengan lebih terarah dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran masa kini dan yang mendatang.

"Di kesempatan ini, sekali lagi kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas penyediaan peruntukan pertahanan yang kekal substantif di mana ini, insyaaAllah akan digunakan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua.

secara berhemah mengikut keperluan dan keutamaan ke arah pencapaian *key result areas* (IKWONDAMAI) bagi kemajuan pertahanan dan pada menepati dan menghormati serta memperjuangkan Tema Belanjawan 2022 / 2023 iaitu 'Memperkasakan Kesejahteraan Awam ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien'," terang Yang Berhormat.

Pada mengakhiri ucapan penangguhannya, Yang Berhormat menjelaskan, peranan institusi pertahanan dan keselamatan serta sokongan seluruh rakyat dan penduduk dalam memperkukuhkan pertahanan negara adalah amanat berat dan dengan adanya semangat, sentiasa sepakat, doa dan tawakal serta usaha, dengan memperkasakan pendekatan 'bersepadu' dan 'bersatu' berpegang teguh kepada pepatah 'Bersatu Kita Teguh Bercerai Kita Roboh' dengannya pertahanan negara, insyaaAllah akan terus kukuh dan ampuh.

Buka peluang pelaburan bersama syarikat tempatan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang

Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput menaruh harapan agar Jabatan Kemajuan Perumahan mengkaji dengan lebih meluas mengenai usaha untuk mewujudkan lagi kawasan perumahan di kawasan Daerah Belait, ini adalah bagi keperluan Permohonan Skim Perumahan yang kian meningkat di Daerah Belait dan bagi mengimbangi keperluan di daerah-daerah, mudah-mudahan ia termasuk dalam RKN Ke-12 nanti.

Menurut Yang Berhormat dalam ucapan penangguhannya di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah mengenai memasukan Pelaburan Langsung Asing ke

negara ini membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pada syarikat-syarikat tempatan, dengan menambahkan hasil pendapatan.

Kata Yang Berhormat, kerajaan perlu mengorak langkah dalam menyediakan berbagai kemudahan yang diperlukan, terutama dalam aspek pembangunan asas demi menggamit pelabur cenderung untuk menanam modal, di negara kita.

Bukan itu sahaja, ujar Yang Berhormat, kerajaan juga perlu membuka peluang pelaburan bersama syarikat tempatan agar wujud daya saing yang sihat. Usaha ini bertujuan agar negara dan Rakyat Negara Brunei Darussalam dapat menikmati kemakmuran daripada pelaburan asing. Pendek kata, pelaburan asing merupakan pemangkin pembangunan negara.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nurraidah Effandy,
Penempatan mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

"Dalam ruang yang terhad ini, sekali lagi kaola menyampaikan ucapan syabas kepada kesemua kementerian dalam usaha meningkatkan perancangan kementerian masing-masing. Terutama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana telah merealisasikan rancangan memperkasakan Bidang Pertanian, dengan meningkatkan pengeluaran dari Sektor Pertanian dan Perikanan.

"Semoga kesemua usaha ini akan terus maju, selaras dengan Misi dan Visi Jabatan Pertanian, dalam mempelbagaikan sumber-sumber pertanian dan menjadikan hasil pertanian hasil negara,

sara diri dan hasrat negara sebagai *food security* tercapai," tambah Yang Berhormat lagi.

Terlebih dahulu, Yang Berhormat menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sewaktu merasmikan mesyuarat pada 24 Februari lalu, di mana mesyuarat ini merupakan wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebakikan untuk rakyat dan negara, selain untuk membincangkan Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022 / 2023, yang ditunduki bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan, dalam Mesyuarat Belanjawan Negara.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SEGALA RANCANGAN, TINDAKAN BERLANDASKAN MIB

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Dalam hal ini, terang Yang Berhormat, segala perancangan dasar dan peraturan, termasuk dalam pengemaskinian dan merangka surat keliling serta garis panduan akan sentiasa berpandukan dengan konsep MIB untuk diamalkan dan dilaksanakan dalam sistem pentadbiran kerajaan bagi kesejahteraan negara dan rakyat.

Hal yang kedua, ujar Yang Berhormat, mengenai isu yang berkaitan integriti bagi pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam. Perkara ini sememangnya diambil serius oleh pihak kerajaan dan sejak dari dahulu lagi kita telah mempunyai Peraturan-peraturan Am 1961, surat keliling-surat keliling yang mengawal selia warga Perkhidmatan Awam, Etika Kerja dan sebagainya.

Dalam hal ini, saranan Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim mengenai ikrar atau lebih kuat lagi sumpah pegawai dan kakitangan kerajaan adalah disambut baik, pihak JPM melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan merancang tatacara pelaksanaan yang difikirkan bersesuaian sebagai tambahan kepada peraturan-peraturan yang sedia ada.

Menyentuh mengenai hal ketiga iaitu *talent retention* dalam Perkhidmatan Awam seperti yang disuarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II nyatakan bahawa setiap kementerian telah disediakan peruntukan yang besar bagi peningkatan kemahiran kapasiti bagi warga Perkhidmatan Awam.

Menurut Yang Berhormat, JPM telah dan sedang giat melaksanakan Program Memperkasa Kepimpinan iaitu Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) sebagai salah satu sub-inisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam yang mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035, di samping memastikan perancangan penggantian (*succession planning*) dalam Perkhidmatan Awam dilaksanakan.

CSLP tambah Yang Berhormat, bertujuan untuk mengenal pasti, membangun kompetensi dan mengekalkan pegawai-pegawai yang berkeupayaan, berkualiti dan berkebolehan meningkatkan prestasi organisasi untuk menjadi pemimpin - pemimpin masa hadapan.

Program ini adalah usaha berterusan untuk menyediakan dan mempersiapkan para pegawai kerajaan untuk menjawab jawatan-jawatan yang lebih tinggi

lagi bagi menjayakan program penggantian dalam Perkhidmatan Awam.

Di samping itu, JPM melalui Institut Perkhidmatan Awam (IPA) akan terus meneruskan menyediakan program-program yang bersesuaian selaras dengan Analisis Keperluan Latihan atau Training Needs Analysis.

Mengenai saranan untuk diteliti tangga gaji dalam Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa perkara ini perlu dilihat secara holistik dan difikirkan secara mendalam kerana ia akan memberikan impak kepada kewangan negara dan juga sektor swasta sendiri, malah impak yang menyeluruh kepada masyarakat secara umum.

Ini kerana pada masa ini *kitani* semua menggalakkan bagi orang-orang *kitani*, khusus bagi para pencari kerja untuk bekerja dengan sektor swasta dan tidak hanya bergantung untuk mencari pekerjaan dengan pihak kerajaan yang semakin terhad.

Apa yang penting ialah program atau projek yang strategik untuk dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti warga perkhidmatan, perkhidmatan yang efisien dan efektif dan dapat menyumbangkan hasil kepada kerajaan.

Sementara itu, perkara terakhir ialah berkaitan keamanan, keharmonian dan kestabilan negara. JPM melalui kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan akan terus bertindak merangka strategi untuk



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa ucapan penangguhan.

memelihara kestabilan, mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan.

Ini, termasuklah dalam meningkatkan kerja-kerja pembanteras jenayah dan pengukuhan keupayaan agensi-agensi berkepentingan dalam mengendalikan krisis-krisis nasional dan merentas sempadan.

Peranan menjaga keamanan dan keharmonian ini, tegas Yang Berhormat, bukan hanya terletak di bahu agensi-agensi keselamatan, tetapi adalah juga tanggungjawab kita semua. Kerjasama Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik selaku pemimpin-pemimpin akar umbi, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung serta masyarakat orang ramai dalam memberikan maklumat bagi membantaras jenayah adalah sangat-sangat dikehendaki dan dihargai kerana maklumat-maklumat tersebut

telah banyak membantu pihak berkuasa, sehingga beberapa kes jenayah telah dapat dibanteras dan ditumpaskan.

"Manakala saranan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, insyaaAllah, ia akan diteliti mengikut kesesuaian bagi memastikan rancangan-rancangan yang disiarkan melalui radio dan televisyen menepati cita rasa orang ramai dan relevan.

"Apa yang penting di sini kaola ingin menekankan bahawa segala rancangan televisyen dan radio yang hendak disiarkan perlulah berlandaskan mengikut tatasusila kebruneian sebelum ia disiarkan," tambah Yang Berhormat.

Pada ucapan penangguhan tersebut, Yang Berhormat berkata Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat mengalu-alukan lebih banyak pandangan bernas dari Ahli-ahli Yang Berhormat bagi sama-sama membantu pihak kerajaan untuk menjana ekonomi, pendapatan negara, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sebagainya.

1K1P penting bagi tingkatkan sosioekonomi mukim, kampung

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Noraisah Muhammed
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Inisiatif-inisiatif bagi rakyat tempatan, bukan sahaja harus, tapi wajib dilaksanakan sebagai agenda negara kerana kesejahteraan rakyat adalah segala-galanya.

Apa ertinya kemajuan tanpa kesejahteraan dan kebahagiaan mendatangi kehidupan? Oleh itu, di bawah Rancangan Kemajuan Negara 12 ini, tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan amat penting untuk terus dipertingkatkan.

Alhamdulillah keseluruhannya sistem perkhidmatan kesihatan negara ini adalah antara terbaik, di rantau ini.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad berucap demikian semasa menyampaikan Ucapan Penangguhan Mesyuarat

Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai bajet berjumlah BND5.7 bilion yang selaras dengan konsep *Whole of Nation Approach*, Yang Berhormat menjelaskan ia adalah menjadi harapan agar kementerian komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dicapai oleh rakyat.

"Menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi dan sosial semasa Pandemik COVID-19.

"Tahun ini, bukan sahaja menjadi tahun pemulihan, malahan juga akan memberi penekanan kepada dasar-dasar penyusunan semula atau *poly reform* kepada beberapa inisiatif dan dasar penggunaan perbelanjaan yang berhemah," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menegaskan, dalam usaha untuk membangunkan aktiviti ekonomi di seluruh mukim dan kampung, seperti Projek Majlis Perundingan Mukim (MPK), Satu Kampung Satu Produk (1K1P) adalah sangat penting untuk mengetengahkan kebudayaan dan produk hasil kampung pedalaman agar dapat menarik pelancong domestik dan luar negeri.

Inisiatif ini, kata Yang Berhormat, perlulah diteruskan dan dilipatgandakan kerana ia akan dapat membantu dalam mempertingkatkan sosioekonomi mukim dan kampung, selain sama pentingnya juga untuk memastikan kewangan alam berdaya maju *viable* ini, merupakan asas memastikan daya saing dalam memberikan perkhidmatan, di era globalisasi.

Menyentuh mengenai dalam hal memperkasakan masyarakat yang produktif dan sejahtera, Yang Berhormat menjelaskan, tumpuan perlulah diberikan kepada

rakyat tempatan memandangkan peranan mereka bukan saja terhad kepada membentuk bangsa yang bahagia, tetapi juga menyumbang pada sosioekonomi.

"Dasar yang menentukan pembabit rakyat tempatan di peringkat pengurusan dan membuat keputusan, di sektor awam dan swasta, perlu juga ditingkatkan.

"Bagi golongan belia pula, ia menjadi harapan dan aset penting negara kita mahukan potensi mereka hendak dicapai melalui pengupayaan pendidikan dan latihan kemahiran, keusahawanan sukan dan kesukarelawan serta mempunyai ekosistem komprehensif bagi membolehkan belia meningkatkan keupayaan dan memajukan diri dalam pekerjaan keusahawanan, di samping menikmati kemudahan rekreasi dan perubahan," ujar Yang Berhormat lagi.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

LAKAR MASA HADAPAN MELALUI AGENDA DIGITALISASI HOLISTIK, MAMPAN

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nurraidah Effandy,
Penempatan mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon percaya perkembangan teknologi digital

akan terus bergerak maju apatah lagi di saat global mengalami fenomena pandemik COVID-19.

Menurut Yang Berhormat semasa menyampaikan ucapan penangguhan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, penularan wabak COVID-19 ini sebenarnya membolehkan kita untuk menilai semula dasar yang dilaksanakan.

Ke arah ini, Yang Berhormat berharap negara akan menyalut cabaran untuk melakar masa hadapan melalui agenda digitalisasi yang holistik dan mampan. Kita tidak boleh tertinggal dengan perubahan semasa, terutama pasca pandemik yang menuntut agar kerajaan mempercepatkan proses transformasi digital, bagi membina ekonomi yang berdaya tahan, selain transformasi digital sistem Perkhidmatan Awam, sosial, perniagaan dan

keusahawanan.

Yang Berhormat percaya transformasi sistem kewangan Islam ke arah ini akan membolehkan pengendalian instrumen-instrumen konsep Syariah Islam dengan lebih efektif dan cekap, yang akhirnya mampu menggerak juga mengukuhkan ekonomi negara.

"Seperti ucapan belanjawan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, bahawa negara masih mengalami defisit.

"Bertepatanlah dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar semua projek yang disenaraikan untuk dikendalikan dengan berhemah dan berdisiplin dengan berprinsipkan 'Doing More with Less'," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyeru agar setiap jabatan mengambil peluang ini untuk turut mengoptimalkan sumber manusia, menambah baik proses kerja pengurusan kewangan yang cekap tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kualiti

penyampaian perkhidmatan (cekap berbelanja, jimat hasilnya, bijak mengurus, cemerlang hasilnya).

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin pula, dalam ucapan penangguhan menyentuh mengenai usaha meningkatkan penghasilan produk-produk tempatan yang sedia ada di negara ini, di mana beliau menyeru orang-orang yang terlibat supaya akan dapat meningkatkan hasil produk-produk kampung mereka masing-masing dan berusaha meningkatkan kualiti produk yang dijual kepada para pembeli.

Kata Yang Berhormat, ini termasuklah meningkatkan sokongan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dalam usaha mengembangkan 'Satu Kampung Satu Produk'.

Maka pada masa ini, ujar Yang Berhormat, sudah banyak pameran dan promosi produk-produk yang dihasilkan dari kampung masing-masing sesuai perkembangan semasa bagi menjana pendapatan juga membuka peluang pekerjaan kepada



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

warga tempatan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Terlebih dahulu, kedua-dua Yang Berhormat bersyukur kerana persepakatan telah pun dapat dicapai dalam semua perkara, khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2022), Perbekalan 2022 / 2023 bagi semua kementerian.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), semasa menyampaikan Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menyatakan kita sama-sama mendengar inisiatif-inisiatif yang dibentangkan oleh kementerian-kementerian, dalam mengembangkan keseluruhan sektor-sektor pembangunan, pendidikan, pengangkutan, tenaga kemudahan awam, kebajikan perkhidmatan awam, kesejahteraan rakyat juga penduduk, perekonomian dan perusahaan juga lain-lain lagi, bagi memastikan kesejahteraan

Arus pembangunan, pemodenan Permata Hijau disambut baik

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Noraisah Haji Muhammed
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

rakyat dan penduduk terjaga juga terjamin.

Menurut Yang Berhormat, Temburong merupakan daerah Permata Hijau negara, terus menikmati perkembangan juga kemajuan dalam berbagai bidang dan ini adalah berkat kepimpinan juga kewibawaan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lebih-lebih lagi sejak pembukaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien terus menerima arus pembangunan juga perkembangan yang sangat ketara dan pesat.

"Beberapa projek pembangunan kemajuan dilaksanakan di daerah ini yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkepentingan sera melalui Autoriti Kemajuan Daerah Temburong dan Jabatan Daerah sendiri.

"Dapat *kitani* lihat dari beberapa projek yang dirancang melalui pelan pembangunan daerah yang disediakan, sekali gus menjana aktiviti perekonomian, meningkatkan keselamatan dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk melalui pendekatan Whole of Nation telah pun dapat

direalisasikan.

"Beberapa contoh perkembangan ini, umpamanya membangunkan tapak Labu Square bagi aktiviti perdagangan dan riadah, seperti pusat peranginan mewah di Kampung Perdayan dan membina restoran di kawasan riadah Bukit Patoi, menaikkan kemudahan taman-taman Negara Ulu Temburong dan Batang Duri," jelas Yang Berhormat.

Manakala di kawasan Pekan Bangar, terang Yang Berhormat, projek menaik taraf bangunan utama Bumiputera, Bangunan Perniagaan Rakyat Jati, Waterfront, Tamu Aneka Selera, menaik taraf jalan raya, pembekalan air bersih dan tidak ketinggalan juga dalam sektor tenaga elektrik, penyambungan kabel ke daerah ini dan menjadikan daerah ini sebagai suri tauladan (*role model*) bagi pembakaran tenaga elektrik menggunakan tenaga suria (*solar*).

Begitu jua dalam sektor pengangkutan awam yang mesra alam, sekali gus mengukuhkan lagi Daerah Temburong sebagai suri tauladan tersebut.

"Menyentuh mengenai perkembangan syiar Islam, dakwah dan pendidikan di daerah ini, seperti yang dimaklumkan pembinaan sebuah Universiti

Islam Sultan Sharif Ali dan pembinaan semula bangunan Sekolah Menengah Sultan Hassan dalam pelaksanaan, termasuklah juga pembinaan Pusat Kegiatan Agama Islam, Sekolah Ugama Senukoh, pembinaan masjid baharu turut diambil perhatian berat.

"Dalam memelihara kesihatan dan kesejahteraan rakyat, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam kini telah mempunyai klinik flu tersendiri sejak pandemik wabak COVID-19, perkhidmatan khas paramedik dan ambulans 24 jam sehari, di samping perkhidmatan pakar perubatan yang didatangkan dari Bandar Seri Begawan.

"Kesejahteraan dan kebajikan rakyat sangat diambil berat, bukan sahaja oleh pihak berwajib, malah melalui institusi Penghulu Mukim dan Kampung, melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Jabatan Daerah, pertubuhan awam dan kebajikan dapat kita saksikan di daerah ini," ujar Yang Berhormat.

Temburong terkenal dengan 'Satu Kampung dan Satu Produk', yang menghasilkan beberapa produk yang berasaskan makanan, kraf tangan, pelancongan dan lain-lain, yang diusahakan oleh Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung (MPMK), yang terdiri daripada biro wanita, belia juga ibu tunggal dan warga emas, yang dalam masa yang sama dapat membantu juga memberikan pendapatan sampingan dan meningkatkan perekonomian juga menampung sara hidup mereka.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat juga ingin menyampaikan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak, terutama kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, syarikat-syarikat swasta, termasuklah pemimpin-pemimpin masyarakat, MPMK yang memberi inisiatif dan usaha yang berterusan juga sumbangan yang diberikan selama ini kepada Daerah Temburong, dalam sama-sama mendukung dan menyokong apa jua inisiatif juga usaha pihak berkepentingan, bagi kemajuan dan pembangunan Daerah Temburong.

InsyaaAllah, tambah Yang Berhormat lagi, rakyat dan penduduk di daerah ini khususnya, akan menyambut baik dan mengambil kesempatan juga peluang daripada projek-projek yang dilaksanakan, ikut serta bersama-sama dalam arus pembangunan dan pemodenan Daerah Permata Hijau.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PERMESYUARATAN DILAKSANAKAN DENGAN HARMONI, CEMERLANG

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Hamid bin Bakal berkata bahawa COVID-19 sudah, sedang dan masih akan menimpa manusia di seluruh dunia.

Menurut Yang Berhormat, hanya Tuhan yang mengetahui hikmat-hikmat ujian itu didatangkan kepada seluruh umat manusia di seluruh dunia, memang begitu kehendak Tuhan yang Maha Esa.




AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Selain itu, umat Islam juga dituntut banyak berdoa, membaca Al-Quran, berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala selain bersedekah wajib dan sunat.

Pada ucapan penangguhannya pada hari ketujuh, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat turut menyebarkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas lantikan Yang Berhormat sebagai Ahli MMN selama dua penggal dan turut mendoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia, kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam turun-temurun, sihat walafiat serta dengan ahli keluarga baginda.

Sementara itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim dalam ucapan penangguhannya pula antara lain melahirkan harapan agar segala keputusan yang telah diambil dan diputuskan dalam permesyuaratan tersebut akan dilaksanakan menurut perancangan yang telah



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Hamid bin Bakal.

ditetapkan dan dengan penuh iltizam serta berhikmah sepertimana maksud titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN.

Sesungguhnya berkat kepimpinan bijaksana Yang Berhormat Yang Di-Pertua, permesyuaratan telah berjaya dilaksanakan dengan harmoni dan cemerlang.

Yang Berhormat turut merafakkan doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya di bawah kepimpinan bijaksana dan kasih sayang Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar kita semua sentiasa dalam pemeliharaan dan lindungan Allah juga.

>> Muka 8

"Wabak COVID-19 juga telah menimbulkan kesedaran rakyat dan penduduk menjadi sebagai masyarakat yang bersedia berkhidmat dan menyumbang.

"Kita amat bersyukur khususnya dengan penglibatan para belia secara aktif dalam pelbagai bidang kegiatan kemasyarakatan, keagamaan, pendidikan, keusahawanan dan kesukarelawanan serta penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan NGOs. Dari itu, kita perlu sentiasa memberi galakan dan sokongan agar belia kita akan sentiasa bersemangat dan menjadi teladan terbaik bagi generasi akan datang.

"Sekali lagi kita bersyukur dengan kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua, kita di negara ini telah dapat mengharungi kehidupan menghadapi ancaman dan cabaran COVID-19 selama dua tahun dalam keadaan aman dan sejahtera," kata Yang Berhormat pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selain itu, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lagi, usaha Kementerian Kesihatan yang diterajui oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama kepimpinannya dan seluruh warga barisan hadapan, sukarelawan, kerjasama dan sokongan semua kementerian, pihak swasta dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang bersatu padu menyokong dan bekerjasama melaksanakan segala usaha kerajaan dan secara berterusan dan konsisten mengamalkan vaksin ketuhanan juga sangat dihargai.

Yang Berhormat turut menambah bahawa kesepakatan dan perpaduan semasa menghadapi COVID-19 ini jelas

mencerminkan kedayatahan dan resiliency rakyat dan penduduk negara ini yang sewajarnya terus pelihara dan dipertahankan sebagai benteng pertahanan kewujudan sesebuah negara bangsa.

Sebagai jentera kerajaan, ujar Yang Berhormat, kita hendaklah bersatu padu demi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Sebarang penambahbaikan memerlukan sokongan dan dukungan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan selaras dengan pendekatan Whole of Nation.

InsyaaAllah kita akan sama-sama dapat meningkatkan lagi usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan melaksanakan kemajuan negara.

Rancangan-rancangan yang telah dikongsi semasa persidangan ini juga jelas Yang Berhormat, menunjukkan bahawa kita mempunyai impian dan aspirasi untuk merealisasikan objektif Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, ia hendaklah sentiasa realistik dan *achievable* dengan berpandukan kepada Delivery Approach dan melaksanakan Key Performance Indicator (KPI) bagi memastikan setiap rancangan dan sasaran-sasaran dilaksanakan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan mengambil kira keutamaan dan *cost effectiveness*.

"Marilah kita sama-sama melangkah ke hadapan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang cemerlang dengan ekonomi yang berkembang dan rakyat yang berkualiti tinggi.

"Kita juga hendaklah sentiasa bijak menangani sumber yang sedia ada di samping meraih peluang-peluang lain di hadapan kita baik di arena global serantau mahupun di dalam negara sendiri," jelas Yang Berhormat.

Galakkan ekosistem jana perkembangan sektor perniagaan

Oleh : Abdul Hadi Haji Suhaili

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman dalam ucapan penangguhannya menegaskan kepentingan Whole of Nation dan juga Whole of Government Approach bagi menangani isu-isu yang memerlukan koordinasi dan melibatkan kerjasama yang rapat antara satu kementerian dan yang lain.

Dalam ucapan, Yang Berhormat turut mengutarakan beberapa perkara yang difikirkan penting untuk diambil perhatian dan peringatan seperti dibentangkan bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023, perbelanjaan negara yang telah diluluskan adalah sebanyak BND5.7 bilion.

Justeru, Yang Berhormat menyarankan agar usaha perlu dibuat dalam memastikan perbelanjaan negara tidak akan sentiasa meningkat dan meneruskan usaha dalam pelaksanaan projek-projek melalui pembiayaan *alternative financing* dan juga inisiatif-inisiatif PPP yang lainnya.

Yang Berhormat juga percaya

jika lebih banyak usaha kerjasama PPP terus dipergiatkan, ia akan melahirkan hasil yang sangat menguntungkan kerajaan dan menjimatkan perbelanjaan negara.

Memandangkan kita sudah pun berada dalam Fasa Endemik daripada wabak COVID-19, tambah Yang Berhormat, inilah masanya kita bangkit semula demi generasi kita sekarang dan masa akan datang.

"Kita perlulah memberikan peluang, perhatian dan harapan yang tinggi kepada belia-belia negara untuk mereka terus percaya diri dalam menyuarakan pandangan mereka dan meyakini diri mereka dalam bersama mencapai Wawasan Negara 2035," saranan Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selaras dengan tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023 iaitu 'Memperkasakan Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien', sememangnya tidak dapat dinafikan inisiatif-inisiatif yang

diterajui oleh sektor swasta membolehkan peningkatan produktiviti, sebagai ejen pertumbuhan ekonomi, inovasi, menjana pekerjaan, mengukuhkan kemahiran dan menggalakkan kemajuan teknologi.

Yang Berhormat berharap agar pihak kerajaan akan sentiasa berusaha untuk menggalakkan sebuah ekosistem yang menjana perkembangan sektor perniagaan bagi pihak swasta dan lebih lagi meningkatkan usaha-usaha ke arah Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Jika *policy* atau mekanisme tawaran menjadi penghalang bagi FDI-FDI yang berpotensi tinggi untuk melabur dengan negara kita, ujar Yang Berhormat lagi, maka pentingnya untuk menilai semula dan membuat perubahan yang perlu yang pastinya akan menguntungkan dan membantu pembangunan negara.

Di kesempatan itu, Yang Berhormat turut mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada para wanita di Negara Brunei Darussalam dengan bertepatan 'Break The Bias'.

Menurut Yang Berhormat, inilah masa untuk meraikan pencapaian wanita yang bertindak sebagai pemangkin ke arah perubahan positif, inklusif, dinamik dan

inovatif yang dapat membantu merealisasikan agenda pembangunan negara.

Perlulah semua wanita ingat bahawa mereka mempunyai kehebatan untuk mencapai apa yang diinginkan kerana apa yang penting, para wanita harus percaya mereka boleh memimpin diri mereka untuk melakukan suatu perubahan jika ada kesungguhan untuk menuju ke arah apa yang diinginkan.

Sementara pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government Approach pula, tambah Yang Berhormat lagi, diharap agar benar-benar dapat direalisasikan dan tidak akan membebaskan mana-mana pihak untuk menanganinya termasuk dengan penglibatan dan kerjasama yang erat bagi semua kementerian bersama pihak swasta yang berkepentingan secara berterusan.

Kepentingan kita pula, ujar Yang Berhormat, bukan sahaja dalam mencapai sasaran negara tetapi



AHLI MMN, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Brunei sebagai sebahagian daripada ASEAN juga harus meraih peluang-peluang dalam arena global dan serantau memandangkan ASEAN diharapkan akan menjadi ekonomi keempat terbesar di dunia menjelang tahun 2030.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Pembentangan cadangan bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023, bertemakan 'Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien', dengan penekanan pada empat perkara utama.

Tema Belanjawan Negara, pada tahun ini memberikan hasrat jitu pihak kerajaan untuk terus mengorak langkah dan memacu ke hadapan, dalam sama-sama kita mencapai gagasan Wawasan Brunei 2035.

Perkara tersebut disentuh oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, dalam ucapan penangguhnya di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di

BERFIKIRAN LEBIH KREATIF, INOVATIF DENGAN PERMUAFAKATAN, PERPADUAN

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nurraidah Effandy,
Penempatan mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, adalah tidak dinafikan ekonomi negara seperti juga ekonomi dunia dan serantau yang lainnya akan terus berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran pada tahun ini daripada risiko dan kesan juga impak kesihatan awam dengan gelombang penyakit COVID-19 pada risiko geopolitik.

"Ia setentunya memberikan impak, khususnya kepada ekonomi negara. Dari itu, kita perlulah bersedia dan bijak untuk mencatur perancangan dan strategi, dalam mengurangkan kesan daripada cabaran-cabaran yang berkenaan, terutamanya dengan berfikir lebih kreatif dan inovatif dan berbekalkan dengan semangat permuafakatan dan perpaduan dalam mengambil peranan dengan penuh komitmen, bagi sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan, kemakmuran negara terus dijaga dan dipelihara," terang Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai permuafakatan dan perpaduan, Yang Berhormat melahirkan rasa syukur kerana daripada gelombang wabak COVID-19 ini, kita dapat melihat kesungguhan rakyat juga penduduk di negara ini, dalam mengambil peranan masing-masing.

Jelas Yang Berhormat, ada dalam kalangan warga

Perkhidmatan Awam dan pihak sektor swasta, Persatuan Bukan Kerajaan juga golongan persendirian turun dan tampil mengambil peranan sebagai sukarelawan, dalam membantu menangani wabak COVID-19 ini, baik sebagai petugas barisan hadapan mahupun mereka yang diberikan peranan.

Yang Berhormat menekankan, inilah nilai-nilai bangsa orang Brunei *kitani* yang sebenarnya patut kita banggakan, di mana rakyat dan penduduk akan sentiasa tolong-menolong bekerjasama juga berganding bahu dengan semangat kesepakatan dan perpaduan demi kebaikan, kebajikan dan kesejahteraan negara.

Seterusnya Yang Berhormat menggariskan, dalam negara mengharungi COVID-19 ini, kita dapat saksikan dalam ledakan penggunaan teknologi digital dan dalam pada itu, selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi Smart Nation dan dalam kita menanai perkembangan juga cabaran transformasi digital.

"Janganlah kita lupa akan golongan-golongan yang mungkin sahaja boleh ketinggalan dalam perkembangan pesat teknologi ini, seperti golongan warga emas dan golongan orang kurang kelainan upaya.

"Hendaklah diharapkan pihak-pihak yang berkenaan akan dapat terus membantu golongan-

golongan tersebut supaya mereka juga dapat terus menikmati dalam faedah daripada perkembangan teknologi sekarang," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu juga, kata Yang Berhormat, hendaklah kita sentiasa mengorak langkah, dalam memajukan negara, termasuklah ke arah fokus kita memperkukuhkan asas ekonomi agar ia menjadi lebih kukuh, luas, berdaya tahan dan berdaya maju.

Yang Berhormat menegaskan, janganlah kita leka akan pemantapan penguatkuasaan undang-undang, akta dan peraturan negara kerana ia perlulah dipergiatkan dengan lebih tegas juga telus agar jenayah atau pelanggaran tidak berlaku dan rakyat juga kepentingan negara dapat terus dijaga.

Adalah tidak kurang juga dalam aspek institusi keluarga yang perlu terus dikuatkan dan dipertahankan.

Tambah Yang Berhormat, institusi kekeluargaan merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat, seterusnya negara, selain memainkan peranan yang amat besar, dalam melahirkan modal insan yang cemerlang kerana tanpa institusi kekeluargaan yang kukuh, kemakmuran negara tidak akan terjamin.

Sementara itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi dalam ucapan penangguhnya mengucapkan tahniah atas komitmen Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, dalam penyampaian mengenai *progress* Kementerian-



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

kementerian masing-masing, dalam menuju ke hadapan dan perkongsian cabaran yang masih dihadapi.

"Diharapkan kepentingan makluman dan *milestone* implementasi atas semua peruntukan dan cadangan sentiasa dikongsi, melalui *quarterly multi-stakeholder outreach* sebagai peningkatan platform dua hala di antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga berharap pendayaan peluang inklusif (*enabling inclusive opportunity*) dan memperkasakan masyarakat (*empowering community*) sentiasa diamalkan atas semua pelaksanaan, dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Pendidikan, latihan teknikal, vokasional perlu diperkasa

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Merujuk mengenai kepentingan dalam memastikan jaminan makanan, kita memerlukan lebih ramai pelabur atau pekerja yang berkemahiran tinggi dalam Bidang Pertanian.

Perkara tersebut digariskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad semasa menyampaikan

Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Oleh sebab itu, jelas Yang Berhormat, penting untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berpendidikan dalam bentuk kemahiran vokasional dan dilatih dengan matlamat untuk

melonjakkan jumlahnya pada peratusan yang beriringan dengan graduan akademik dan profesional.

"Sebab itulah dengan mengatasi dan mendepani keperluan ini, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional perlu diperkasakan, mudah-mudahan melalui program ini lepasan graduan teknikal berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan dengan kadar pendapat nilai tambah yang tinggi dalam sektor agrikulturan, pertanian, perikanan dan penternakan.

"Perlu juga dilihat antara mekanisme menggalakkan pada inisiatif ini, seperti pemberian dalam bentuk *grant*, subsidi, pengecualian cukai ke atas pembelian jentera dan lain-lain agar ia akan dapat menarik minat, sekali gus menjadi pencetus semangat kepada mereka itu nanti," terang Yang Berhormat.

Selanjutnya melalui perancangan ini, Yang Berhormat

menekankan pembangunan keusahawanan tempatan LDV perlu dijadikan sebagai agenda dalam pembangunan usahawan baharu yang dilihat dapat meluaskan peluang pekerjaan.

Kemajuan juga bererti perkembangannya pembangunan dalam perniagaan.

Tambah Yang Berhormat, untuk itu adalah penting menambah baik proses dalam mempertingkatkan langkah-langkah penyampaian perkhidmatan, memberikan kebenaran demi memastikan signifikasi sumbangan pada KDNK negara.

Terlebih dahulu, Yang Berhormat merakamkan tahniah setinggi-tingginya dan penghargaan atas kebijaksanaan dan keprihatinan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, yang



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

mempengerusikan mesyuarat ini dengan cemerlang juga bijaksana dan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar bersama Yang Mulia Timbalan Jurutulis, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail juga pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan juga kerjasama yang diberikan sepanjang permesyuaratan ini.

**OLEH sebab itu,
jelas Yang Berhormat, penting untuk
melahirkan lebih ramai pelajar yang
berpendidikan dalam bentuk
kemahiran vokasional dan dilatih
dengan matlamat untuk melonjakkan
jumlahnya pada peratusan yang
beriringan dengan graduan
akademik dan profesional.**

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SALURAN KOMUNIKASI EFISIEN, KUKUHKAN KOMUNITI BELIA



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, sasaran yang ditetapkan adalah tinggi dan memerlukan kerjasama daripada orang ramai dalam memastikan sasaran tersebut dapat dicapai. Sebagai contoh, sasaran

kapasiti keseluruhan kepada 200 megawatt daripada tenaga solar menjelang tahun 2025 memerlukan perancangan yang teliti bagi memastikan usaha ini dapat membantu negara menjadi rendah karbon pada masa akan datang.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menyatakan perkara tersebut semasa ucapan penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selain itu, Yang Berhormat turut menyambut baik usaha kerajaan dalam menetapkan sasaran untuk menanam 500,000 anak pokok dan ini akan dapat dicapai dengan adanya usaha yang padu dan berterusan daripada pihak-pihak tertentu.

"Di bawah Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 / 2035 pula, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memberi peluang kepada para belia dari pelbagai latar

belakang untuk mengikuti Program-program Pembangunan Belia termasuk memastikan saluran komunikasi yang efisien dan mengukuhkan komuniti belia tempatan," ujar Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, inisiatif memperkembangkan Digital Economy Masterplan 2025 melalui pembaikan perhubungan, infrastruktur internet dan *payment gateway* turut disambut baik oleh Yang Berhormat kerana ini diharap akan membolehkan para belia dalam meningkatkan aktiviti perekonomian dan menjana peluang pelbagai jenis pekerjaan pada masa akan datang.

Dalam pengurusan sampah di negara ini, Yang Berhormat menyarankan agar adanya peningkatan infrastruktur kitar semula yang efisien di negara ini dapat direalisasikan, dalam melangkah ke hadapan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan bersih dan hijau.

Yang Berhormat juga berharap sistem pengangkutan awam akan dapat dipertingkatkan kerana ia

sangat penting dalam memberi lebih banyak akses kepada semua lapisan masyarakat. Terutama bagi mereka yang mempunyai kesukaran untuk bergerak kerana tidak mempunyai pengangkutan yang tetap.

Di samping itu, Yang Berhormat menegaskan agar Kementerian yang terlibat akan dapat membuat kajian dan penelitian bagi kesesuaian untuk menukar ke sistem pekerjaan dan persekolahan lima hari berturut-turut bagi membantu untuk mengimbangkan keperluan kesihatan mental, termasuklah kajian terperinci mengenai kesesuaian *flexible hours* dan *remote working*.

"Saya menyeru orang ramai untuk terus memberi sokongan kepada yang memerlukan pada waktu yang sukar ini dengan mengamalkan tanggungjawab sosial dan individu, menyumbang kepada aktiviti - aktiviti kesukarelawanan sekali gus memberi sumbangan kepada negara," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat mengucapkan penghargaan yang

tinggi kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana telah memberi respons yang positif bagi soal dan cadangan yang telah dibangkitkan dan juga memberi banyak bimbingan melalui pelbagai muzakarah dan lawatan rasmi dan tidak rasmi sepanjang lima tahun kebelakangan ini.

"Kaola mengambil baik inisiatif dan usaha memeduli kepentingan golongan masyarakat yang sebelum ini terlepas pandang, termasuk golongan wanita, Orang Kelainan Upaya dan warga emas. Ini adalah satu langkah penting dalam membina masyarakat yang mampan dan inklusif.

"Perkembangan ekonomi dan Revolusi Industri 4.0 juga perlu diambil kira impaknya kepada masyarakat dan persekitaran supaya tidak hilang nilai-nilai kemahiran sosial, budaya dan identiti kebruneian dengan memperkenalkan inisiatif yang bersesuaian seperti kemahiran insaniah, program kesedaran dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Pengurusan tenaga manusia lebih baik

Oleh : Abdul Hadi Haji Suhaili

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

sistem persaraan Tabung Amanah Pekerja serta fokus yang diberikan oleh Kerajaan baginda ke atas Life Long Learning bagi semua seperti yang disebut Civil Service Leadership *part time* serta Program-program Upskilling dan Reskilling," jelas Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa ucapan penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat turut mengutarakan mengenai isu memangku, isu pengkajian semula tangga gaji penjawat-penjawat awam, isu kesihatan mental, stimulus-stimulus dan bantuan-bantuan kepada sektor-sektor yang terjejas kerana COVID-19, isu-isu cuti yang bersesuaian dan yang diperlukan serta isu hari serta waktu

bekerja yang bertepatan dengan keperluan negara. Selain itu juga, progresif minimum wage yang ditunggu-tunggu pelaksanaannya bagi mengupayakan sektor swasta.

Jentera Perkhidmatan Awam ini serta pekerja-pekerja sektor swasta, saran Yang Berhormat, haruslah ditadbir dengan baik kerana *human capital* inilah sumber utama kita, di samping sumber dari alam semula jadi yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bumi Darussalam ini.

Seterusnya, perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat ialah mengenai kenaikan harga-harga barang dan struktur gaji. Menurut Penyata Dasar Kedua pada tahun 2021 yang telah diberikan oleh Brunei Darussalam Central Bank, pandemik COVID-19 ini terus menaikkan harga-harga barang seperti harga daging, harga sayur-sayuran, minyak masak

dan kenderaan bermotor. Dalam sembilan bulan pertama bagi tahun 2021 dengan Indeks Harga Pengguna atau CPI meningkat 1.7 peratus dalam sembilan bulan pertama sahaja, dan dijangka harga barangan akan terus tidak menentu di dalam menghadapi COVID-19 ini.

"Di sinilah, *kitani* juga perlu mempertimbangkan betapa susah payahnya orang bekerja kerana jika orang bekerja lebih keras maka mereka harus dibayar lebih. Jika *kitani* mempunyai jentera perkhidmatan yang lebih bekerja keras dan menghasilkan lebih banyak *output*, membayar mereka lebih banyak wang tidak semestinya inflasi yang tidak baik. Namun begitu, di sini bukan sahaja *kitani* sewenang-wenangnya menaikkan gaji ataupun bayaran, baik di sektor swasta mahupun sektor awam, *kitani* harus melihat kepada *value* ataupun nilai.

"Soalan seperti, apakah nilai penjagaan kesihatan atau apakah nilai pendidikan adalah sangat subjektif. *Kitani* mempunyai KPI-KPI seperti yang dirancang

oleh tiap-tiap syarikat ataupun jabatan-jabatan tetapi sekarang *we live in an unprecedented time* dengan COVID-19 membawa perubahan kepada produktiviti dan *efficiency*.

"Kalau dulu *kitani spending time* untuk memandu ke pejabat mencari tempat letak kereta dan sebelah petangnya diulangi perkara yang sama. Mungkin dua jam sudah hilang untuk perkara itu, dan sekarang dua jam tersebut digunakan oleh para ibu bapa untuk mengajar anak-anak di rumah kerana *Work From Home* atau *flexible working hours* yang diberi," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, *self-employment* ataupun bekerja sendiri juga dijangka meningkat, jelas Yang Berhormat kerana perubahan teknologi dan ia harus dilihat sebagai penyumbang signifikan kepada ekonomi negara. Malahan setiap perubahan ini tentu ada pro dan kontranya dan kita sebagai perancang dan penggubal dasar haruslah melihatnya sehalus-halusnya.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Pengurusan tenaga manusia (*human capital*) yang lebih baik bagi semua sektor di negara ini, baik di sektor kerajaan, swasta, GLCs mahupun segi ekonomi atau bekerja sendiri. "Kitani bersyukur dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengenai penambahbaikan

Memastikan sumber tenaga berdaya tahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis dalam ucapan penangguhannya pada Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN menyambut baik akan rancangan kerajaan melalui Kementerian Tenaga untuk mengembangkan lagi tenaga solar dengan pembinaan tapak solar yang berkapasiti tinggi di Kampung Belimbing Subok, ke arah memastikan sumber tenaga yang berdaya tahan akan tersedia bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Sehubungan itu, Yang Berhormat Awang Naim menyuarakan supaya kemudahan perhubungan akan dapat disediakan kepada kampung-kampung yang terdapat di Pulau Berambang, Mukim Kota Batu Daerah Brunei dan Muara seperti Kampung Menunggol, Kampung Liung, Kampung Puduk, Kampung Sungai Bunga dan Tanjung Kindana yang terpisah oleh Sungai Brunei, supaya akan dapat diberikan kemudahan perhubungan dengan membina jambatan ke pulau berkenaan bagi kemudahan perhubungan penduduk-penduduk kampung berkenaan dalam menjalani

kehidupan seharian seperti untuk pergi balik bekerja, bersekolah dan lain-lain urusan seperti urusan pembelian keperluan harian barang-barang asasi dan bahan-bahan pembinaan bangunan atau rumah yang sukar bagi urusan pengangkutannya.

Yang Berhormat menyatakan bahawa perhubungan jalan darat amatlah diperlukan oleh penduduk kampung berkenaan.

Begitu juga mengenai dengan keadaan jalan raya di sepanjang jalan dari Kampung Sungai Lampai membawa kepada Sungai Belukut, di mana keadaan jalan rayanya masih kecil dan tidak memuaskan dan perlu

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

pembesaran dan dinaikkan taraf supaya selamat dan selesa dilalui.

"Dalam hubungan ini, adalah diharapkan semoga pihak kerajaan akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Ke arah ini juga termasuk dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dari segi meningkatkan pembangunan perhubungan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, kita juga rasa bersyukur akan perkembangan sara diri pertanian, agrikultanan seperti perikanan dan ternakan yang

semakin berkembang maju dan aktif sehingga meningkatkan hasil pengeluaran.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, adalah diharap agar sara diri pertanian berkelompok perlu mendapat perhatian yang khusus dengan diberikan kemudahan dan bantuan-bantuan seperti dipermudahkan untuk mereka diberikan kebenaran ke atas permohonan Tanah Tumpang Sementara (TOL), kemudahan subsidi baja dan seumpamanya.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

LAHIRKAN JUTAWAN WARGA TEMPATAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mencadangkan supaya kurnia titah Pemasyhuran Kemerdekaan Tahun 1984 dijadikan sebagai dasar rujukan dalam memelihara kepentingan rakyat Negara Brunei Darussalam turun temurun.

Pada ucapan penangguhannya pada hari ketujuh, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin mengajak untuk berhijrah daripada fikiran negatif kepada

fikiran positif, yakin akan kemampuan, kebolehan bangsa kita khususnya belia masa kini.

"Belia kita diberikan pendidikan terbaik maka dikirakan hasil pendidikan negara boleh diterima dan diberi kepercayaan dalam menanai apa jua keterlibatan mereka dalam kancas pembangunan negara seperti pembangunan sosioekonomi bangsa.

"Persoalan kita perlu hijrah, sedikit persoalan mengapa orang kita tidak aktif berniaga, sebahagian jawapannya kerana kemudahan modal kewangan terlalu sulit. Mengapa sulit, inilah persoalannya, kita masih berfikir negatif terlalu berkira,

kurang yakin dengan kebolehan bangsa sendiri.

"Di dewan yang mulia ini, kaola mengambil kesempatan membuat usul supaya Negara Brunei Darussalam melahirkan jutawan warga Negara Brunei Darussalam.

Dipohonkan dikeluarkan statistik jutawan warga negara dan bilangan jutawan warga asing yang tercipta sejak 38 tahun yang lalu. Persoalan yang timbul, di mana kedudukan bangsa kita dalam perniagaan masa kini. runcit, *hardware*, dobi, jahit, kontraktor, mengedar barang runcit dan lain-lain.

"Jual udang kering, pusu dan sebagainya adalah biasanya perniagaan orang *kitani* tetapi sekarang diusahakan oleh orang asing dengan membekalkan ke kedai-kedai runcit, padahal

didapati berjawatan buruh.

"Mereka orang asing ini dikatakan berjaya kerana mempunyai persatuan, iaitu saling membantu sesama ahli bangsa mereka, kenyataannya orang asing lebih ke hadapan dalam perniagaan di negara kita, sebenarnya tidak mungkin perkara ini berlaku, mereka mampu mengalahkan kita dalam negara kita sendiri sedangkan kita mempunyai kementerian-kementerian yang berwibawa, kita harus sama-sama berfikir positif bersifat patriotik berinisiatif dan kreatif bangsa kita akan dapat menguasai sosioekonomi bangsa," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menyambut baik sewaktu menjunjung usul titah beberapa hari yang lalu sudah terjawab sepertimana jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang antara lain menyatakan pada masa ini terdapat projek yang sedang dilaksanakan oleh Darussalam Assets dan tiga



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

bank tempatan untuk membentuk syarikat usaha sama bagi menyediakan *payment gateway* atau Digital Payment Hub, bagi memudahkan pembayaran transaksi bagi pembayaran digital di negara ini, dengan tersedianya perkara di atas pengurusan kita akan lebih mudah.

Bersama menyuarakan, memikirkan, cari penyelesaian

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, dalam ucapan penangguhannya di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, antara lain mengambil kesempatan terlebih dahulu menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merafakkan sembah taat setia yang tidak berbelah bahagi juga atas limpah perkenan bagi melantik dirinya selaku Ahli MMN sejak bermulanya Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13, pada Tahun 2017 hingga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-18, Tahun 2022 ini.

"Syukur alhamdulillah, dengan izin Allah jua sepanjang persidangan ini telah berjalan dengan lancar dan sempurna di bawah pimpinan yang bijaksana dan cekap Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin persidangan Permesyuaratan Negara di dewan yang mulia ini dengan amat berjaya dengan kerapian kesempurnaan kerjasama yang mantap bersama

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nurraidah Effandy,
Penempatan mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Yang Dimulikan Pehin Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis.

"Dengan tulus ikhlas sukacita menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan," ucap Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga tidak lupa menyampaikan ucapan tahniah atas jasa bakti semua warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang bertugas dalam suasana yang tenang dan harmoni, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab walaupun kita pada masa ini berkongsi dalam suasana alam bersama COVID-19.

Yang Berhormat seterusnya sukacita menyampaikan ucapan setinggi tahniah dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet kerana persidangan ini bersetuju bagi pengeluaran Belanjawan Tahun Kewangan 2022 / 2023 bagi perkhidmatan Tahun Kewangan yang dinyatakan.

Yang Berhormat berserta Penduduk-penduduk dalam Zon 1 Daerah Belait, merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada kementerian-kementerian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan, *mengelinga* dan menyediakan untuk kemudahan juga merancang untuk demi kepentingan rakyat dan negara, dengan memandang jauh ke hadapan bersama mencapai Wawasan Brunei 2035.

Diucapkan selamat menjalankan tanggungjawab demi untuk kesejahteraan awam dan negara.

Sementara itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman melahirkan rasa syukur kerana dengan izin-Nya serta limpah rahmat-Nya jua persidangan dalam permesyuaratan selama tujuh hari dengan penuh tertib, hormat, hormat menghormati dalam suasana norma baharu dengan aman dan damai kerana negara kita masih sahaja masuk gelombang pandemik wabak COVID-19 dapat dijalankan.

"Setelah lima tahun bersidang banyak isu-isu dan buah fikiran yang dilontarkan untuk dibahaskan dan difikirkan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Kaola sebagai wakil pemimpin akar umbi, sering kali dengan persoalan mesyuarat meminta dilaikan dan diberikan solusi setiap permasalahan.

"Hasil perbahasan di dewan yang mulia ini, sering ditunggu-tunggu apakah idea fikiran itu dibahas dan dicanaikan dengan hati yang putih," ujar Yang Berhormat.

Sepanjang Persidangan MMN berlangsung, tambah Yang Berhormat, pelbagai langkah diambil bagi memastikan persidangan ini berjalan lancar. Walaupun kita menghadapi situasi COVID-19, namun kita sama-sama bangkit menyuarakan, memikirkan, mencari penyelesaian demi rakyat, bangsa dan negara.

Memastikan sumber tenaga berdaya tahan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

>> Muka 15

Termasuk juga diberikan latihan dan tunjuk ajar cara teknik pertanian moden serta jika perlu diberikan modal kewangan yang bersesuaian dan berpatutan bagi memperkembangkan dan mempergiatkan usaha mereka.

"Sebagai pemimpin di peringkat akar umbi kaola akan bersama rakan-rakan Yang Berhormat juga akan sentiasa memberikan dorongan kepada penduduk mukim dan kampung supaya merebut dan meraih peluang keemasan terhadap kemasukan Pelabur Langsung Asing ke negara ini.

"Dalam hubungan ini, adalah diharapkan supaya pihak kerajaan akan sentiasa membarigakan dan membukakan seluas-luasnya peluang-peluang dan ruang-ruang kepada pengusaha-pengusaha terutama sekali anak-anak tempatan dalam apa jua pelaburan-pelaburan dan pekerjaan terutama kepada golongan generasi muda sama ada yang mempunyai kelulusan di peringkat tertinggi, menengah atau rendah.

"Kerana mereka ini adalah aset negara yang akan mencorak dan meneruskan hala tuju serta agenda pembangunan negara. Ini adalah penting diambil perhatian yang sewajarnya," ujar Yang Berhormat Awang Naim.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menyampaikan harapan rakyat dan penduduk negara ini

supaya pihak kerajaan perlulah memperkuat lagi sistem tadbir urus yang sedia ada supaya tidak ada ketirisan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, seperti mengikuti peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang sedia ada bagi mengelakkan pilih kasih atau pun rasuah.

Tambah Yang Berhormat lagi, rakyat dan penduduk juga menyokong penuh akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya barisan hadapan pentadbiran kerajaan atau pegawai pengawal yang dilantik akan sentiasa melaksanakan sifat berhemah dan berdisiplin dalam mengendalikan kewangan negara dan tidak menggunakan kuasa berbelanja secara sewenang-wenangnya.

"Syukur alhamdulillah isu mengenai dengan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah pun selesai dibuat kajian yang terperinci oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama dan TAP. InsyaaAllah pelaksanaannya akan bermula pada tahun 2023.

"Ini sudah setentunya akan memberi harapan yang tinggi serta disambut baik oleh mereka yang berkecayaan, dan isu TAP ini juga selalu dibangkitkan dalam dewan yang mulia ini, dan juga dalam Sesi-sesi Muzakarah di antara kementerian dengan Ahli-ahli Yang Berhormat diadakan setiap tahun," ujar Yang Berhormat.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Isu harga pakej menunaikan fardu haji yang sudah meningkat sehingga melebihi BND20,000 antara yang dikemukakan pada hari terakhir Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, semasa menyampaikan ucapan penangguhannya pada persidangan tersebut menyatakan, dengan peningkatan harga Pakej Fardu Haji tersebut, bakal jemaah haji yang mendapat Tambang Haji BND3,500 dari kerajaan perlu menambah jumlah yang banyak.

"Pada suatu ketika dahulu terdapat satu tambang bagi pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat 15 tahun ke atas yang mempunyai kelayakan dasar tertentu untuk memohon tambang yang disebut tambang ke England. Sehubungan dengan itu adalah bersesuaian untuk difikirkan semula dialih kepada Tambang Menunaikan Fardu Haji," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, berhubung penyakit kanser, Yang Berhormat Awang Haji Ramli menyatakan

bahawa langkah-langkah pencegahan awal adalah pendekatan yang sangat *cost effective* dalam strategi jangka panjang dalam mengawal penyakit kanser.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat menyarankan supaya usaha-usaha awal dapat dilaksanakan seperti pendidikan, pengetahuan dan pemeriksaan mengesan kanser di samping kempen kesedaran besar-besaran dengan mengadakan pemeriksaan di klinik-klinik di seluruh negara dan pembarigaan awal di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kemudahan Pusat Warga Emas di daerah-daerah yang bertujuan sebagai penempatan warga emas membuat aktiviti harian, tempat berkumpul dan bertukar-tukar fikiran bersama rakan-rakan.

"Apabila seseorang sudah meningkat tua tidak bermakna ia kehilangan daya hidup dan keinginan untuk bersenang-senang, yang penting orang tua itu dapat terus menikmati setiap hari untuk meningkatkan kesihatan dan mencegah penyakit.

"Walau bagaimanapun, jelas bahawa orang tua tidak boleh melakukan aktiviti fizikal yang sama seperti orang muda, aktiviti mereka adalah disesuaikan dengan pembangunan.

"Sehubungan itu, disarankan supaya ada pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terlatih mengenai dengan aktiviti warga emas ditempatkan di setiap pusat warga emas di negara ini yang mempunyai kemahiran sosial, mengaktifkan minda, kebolehan menghibur dan menyeronokkan, meningkat jati diri dan keupayaan fizikal serta minda dengan pelbagai permainan rohani dan jasmani.

Kerana fizikal dan minda yang aktif melambatkan penuaan," ujar Yang Berhormat memberikan saranan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga menyarankan bagi penubuhan Autoriti Kemajuan di Daerah Tutong bagi membincangkan rangka kerja menaik taraf beberapa kawasan yang berpotensi umpamanya meluaskan dan memanjangkan jeti lama di depan kedai Tutong dengan wajah baharu yang boleh menempatkan gerai makan dan pondok rehat untuk menikmati keindahan sungai terutama pada waktu malam.

"Memajukan sungai sebarang Tutong menempatkan Bangunan Bomba Tutong kepada yang lebih strategik kerana ada perancangan dulunya untuk memindahkannya, mengganti landskap yang cantik, di samping berhampiran ialah menaik taraf bangunan pasar lama, melebarkan jalan kecil menuju bangunan Tamu Tutong dengan membersihkan kawasan pasir putih Telisai untuk menampilkan keindahan yang putih aslinya pasar tersebut.

"Menaik taraf titian dan kawasan Tasek Merimbun dan lain-lain kemajuan persekitaran yang boleh dibincangkan oleh Autoriti Kemajuan Daerah Tutong apabila ditubuhkan nanti," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga mengambil maklum bahawa ramai bekas-bekas pelajar peringkat menengah tidak dapat melanjutkan pelajaran atau pengajian diploma kerana tidak mencapai keputusan peperiksaan 'O' Level atau 'A' Level yang melayakkan.

Ini jelas Yang Berhormat adalah antara yang menyumbang kepada penambahan jumlah pengangguran kerana sukar

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan tidak mempunyai kemahiran bersesuaian dengan syarikat dan perusahaan.

Sehubungan itu Yang Berhormat mencadangkan untuk dikaji syarat jurusan kemasukan yang bersesuaian kepada pelajar di negara ini untuk kemasukan kejuruan kemahiran profesional teknikal, kejuruteraan dalam peringkat NVC, NTC dan OND.

"Disarankan juga semasa dalam pengajian pula hendaklah diberi pembelajaran keusahawanan, selain itu disediakan asrama atau pengangkutan bagi yang tinggal jauh.

"Dengan adanya kemahiran ini nanti membolehkan mereka diterima bekerja atau membina perusahaan sendiri dengan modal bantuan kewangan dalam jumlah bersesuaian dengan saiz bentuk perusahaan.

"Kita mahu syarikat ini seterusnya dan dimiliki sendiri anak Brunei tanpa bergantung kepada orang luar yang memilih jalan mudah dan berpuas hati hanya jadi pelabur atau membiarkan orang luar menggunakan nama mereka, walaupun sebenarnya merugikan diri mereka sendiri ke arah nama baik bangsa kita.

"Bagi yang ingin bekerja pula dan yang telah menamatkan kursus kemahiran disarankan diberi peluang pekerjaan di Daerah Tutong dengan memperbanyakkan industri dan perusahaan di daerah ini.

"Bagi mengelakkan berjalan jauh ke daerah lain yang masanya tidak berbaloi dengan kadar gaji BND500 sebulan, kerana perbelanjaan harian, kenderaan

dan makan minumannya saja sudah hampir mencapai BND500 belum lagi keperluan rumah tangga yang lain," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengemukakan isu kenaikan harga barang makanan dan perkhidmatan asas di mana memberi tekanan kos sara hidup dan menjadi masalah utama kepada penduduk yang kurang berkemampuan.

Isu ini ujarnya bukan perkara baharu malah sebelum COVID-19, apatah lagi sekarang kesan dan impak COVID-19 dirasakan penduduk di negara ini.

"Namun sudah ada bantuan Sistem Kebajikan Negara (SKN), tetapi proses mengambil masa yang lama adalah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka yang kurang berkemampuan ini, kerana tidak mempunyai pekerjaan, ada pekerjaan pun hanya sebagai pelayan, bekerja sendiri atau bekerja di syarikat kecil di kedai dan *supermarket* yang bergaji kecil dan tidak mempunyai keistimewaan Elaun Sara Hidup seperti kakitangan kerajaan," jelas Yang Berhormat.

Mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat Awang Haji Ramli menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan perkenan baginda mengurniakan peruntukan Belanjawan 2022 / 2023 yang baru diluluskan dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN dan berharap semoga peruntukan ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.



YANG Berhormat Ahli-ahli MMN pada Persidangan MMN berkenaan.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

29 PROJEK RKN KE-11 SIAP DILAKSANAKAN

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata bahawa setakat 31 Januari 2022, sebanyak 29 projek telah pun siap dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11.

Dalam masa yang sama, sebanyak 79 lagi projek dalam peringkat tahap pelaksanaan pada masa ini dan sememangnya jika dilihat prestasi fizikal dan kewangannya, ia masih rendah dibandingkan dengan jumlah RKN Ke-11 keseluruhannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan perkara itu pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini, di bawah tajuk SP01A - Kemajuan, bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri



AHLI MMN, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Setia Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat menambah, langkah berhati-hati di setiap kementerian, jabatan dalam memastikan kaedah dan projek-projeknya yang akan dilaksanakan, mesti sentiasa diteliti supaya mereka ini dipastikan membuahkan hasil dan mencapai objektif saranan Wawasan Brunei 2035.

"Jadi kalau mana-mana projek di bawah RKN Ke-11 yang belum siap atau belum dapat dilaksanakan semasa RKN Ke-11, memang akan diteliti semula mengikut keutamaannya," jelas Yang Berhormat.

Menjawab persoalan mengenai *alternative financing*, Yang Berhormat menjelaskan ada tujuh buah projek sebelum ini dimasukkan di dalam RKN Ke-11.

"Memandangkan dengan urusan kerajaan pada masa ini, beberapa projek telah pun boleh dilaksanakan oleh badan-badan berkanun, jadi tidak lagi masuk di dalam RKN.

"Jadi, tujuh projek ini kebanyakannya untuk membuat jalan raya di *industrial sites* yang pada masa ini diambil alih oleh Darussalam Enterprise, jadi tidak lagi masuk bajet peruntukan dalam RKN," tambah Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar turut menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty mengenai usaha projek Public Private Partnership (PPP).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkata bahawa dari aspek perancangan kawasan perumahan yang telah dipilih iaitu di kawasan-kawasan Skim Perumahan Negara, sememangnya sudah ada mempunyai pelan induk dengan perancangan yang spesifik dan tertentu ke atas penggunaan plot ataupun tapak-tapak tanah seperti kawasan komersial, sekolah, masjid, kawasan riadah dan sebagainya.

Sepertimana juga plot-plot tanah yang telah pun diperuntukkan bagi pembinaan rumah di dalam kawasan-kawasan perumahan tersebut, di mana adalah di bawah kawal selia Jabatan Kemajuan Perumahan, ujar Yang Berhormat.

Plot atau tapak-tapak tanah yang lain, kata Yang Berhormat, telah pun diperuntukkan dan diagihkan kepada pihak-pihak



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

tertentu untuk mengendalikan untuk apa-apa kemajuan ke atasnya dan selaras dengan perancangan masing-masing.

"Seperti misalnya penyediaan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, masjid di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain lagi. Ada beberapa kawasan komersial dengan keluasan yang tertentu di dalam Kawasan Skim Perumahan Negara dikategorikan sebagai plot ataupun tapak-tapak tanah di bawah Rancangan Government Land Lease (GLL) yang telah pun dikenal pasti dan untuk dimajukan," jelas Yang Berhormat.

Pendekatan melalui kaedah PPP secara Expression of Interest (EOI) sebagai pembiayaan alternatif untuk memajukan kawasan-kawasan komersial tersebut, adalah dalam perancangan seperti apa yang telah Yang Berhormat kongsikan di dalam mukadimahnyanya.

Mengenai dengan *incorporate* solar panel, tambah Yang Berhormat, saranan Yang Berhormat untuk menerapkan pemasangan solar panel ke bangunan-bangunan perumahan serta bangunan-bangunan baharu bagi projek-projek pembangunan di bawah RKN Ke-12, adalah disambut baik dan cadangan yang bagus.

Pada masa ini Kementerian Pembangunan, ujar Yang Berhormat, menyokong projek-projek Building Integrated Photovoltaics (BIPV), seperti di Pekan Bangar, Daerah Temburong dan juga projek solar PV yang lain seperti floating solar PV di dalam kawasan *reservoir*.

"Dengan adanya mekanisme Net Metering yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Tenaga, aplikasi BIPB ini akan lebih menarik kepada sektor swasta dan perkara ini, insyaaAllah, akan dibincangkan lagi dengan Kementerian Tenaga," terang Yang

Akta Perbekalan 2022 / 2023 berkuat kuasa 1 April

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang memasuki hari keenam pada hari ini, telah membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa Akta yang boleh digelar sebagai Akta Perbekalan 2022 / 2023 yang akan mula berkuat kuasa pada 1 April 2022.

Perkara ini dinyatakan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini.

Semua Ahli Yang Berhormat sebulat suara bersetuju



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

untuk meluluskan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022 / 2023 berjumlah BND5.7 bilion daripada kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022 / 2023.

Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, keperluan bagi tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) merupakan satu kategori di bawah kategori yang terdapat di dalam Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) yang mana akan menyokong Strategi 5 Power Management dan Strategi 8 Climate Resilience and Adaptation, yang mana kriteria tenaga yang boleh diperolehi ini akan menggalakkan penggunaan sumber tenaga solar dan juga teknologi karbon rendah di dalam bangunan.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman turut mengulas mengenai bangunan sekolah untuk guna sama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyokong cadangan seperti ini dan dalam langkah-langkah ke hadapan KHEU, untuk pembangunan ini akan sentiasa menyelaraskan keperluan itu dengan pihak Kementerian Pendidikan.

"Ini sangat penting dan ada beberapa sekolah sudah dirundingkan dan ada yang bersetuju untuk guna sama dan ada yang tidak. Tetapi yang penting diingat ialah guna sama itu memang guna sama untuk kemudahan-kemudahan yang umum, seperti dewan dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Bagi bilik-bilik darjah terutama sekali khusus bagi bahagian agama untuk kegunaan agama, ada ruang-ruang untuk latihan-latihan praktikal amali keagamaan, seperti mana ada di bangunan sekolah-sekolah agama, jelas Yang Berhormat



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

lagi. Setelah itu ialah keperluan untuk bilik guru-guru yang sudah tentu akan berasingan, tambah Yang Berhormat lagi.

"Guna sama itu setakat mana *kitani* boleh menggunakan bersama khusus masing-masing daripada Kementerian Pendidikan dan KHEU mestilah diambil kira.

Bagi KHEU, kata Yang Berhormat, perkara ini sangat penting kerana KHEU sangat memberi perhatian kepada penyelarasan waktu persekolahan di antara sekolah yang ada aliran umum dan sekolah agama.

"Penyelarasan waktu itu sedang giat difikirkan di peringkat kementerian bagi mengelakkan kejadian fenomena biasa bagi ibu bapa terpaksa berulangkali keluar meninggalkan tugasnya terutama sekali dalam Perkhidmatan Awam ialah untuk menghantar mengambil anak-anaknya daripada sekolah agama dan sebagainya.

"Jadi, ada langkah-langkah untuk guna sama bangunan sekolah, maka akan diambil kira penyelarasan waktu ini," kata Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



HARGA PASARAN MINYAK MENTAH DUNIA BERANSUR PULIH

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Tahun 2021 menyaksikan mulanya pemulihan pasaran minyak mentah dan gas dunia setelah mengalami kemerosotan pada tahun sebelumnya yang dipengaruhi oleh kelembapan ekonomi dunia dan sekatan perjalanan disebabkan oleh penularan wabak COVID-19.

Alhamdulillah, harga pasaran minyak mentah dunia sudah beransur pulih ke paras yang lebih tinggi pada tahun ini, dan kenaikan ini diharapkan akan memperbaiki keadaan fiskal kerajaan dan juga ekonomi negara.

Walaupun Negara Brunei Darussalam (NBD) dilanda gelombang wabak COVID-19 kali yang kedua, alhamdulillah, Kementerian Tenaga masih

dapat mencatatkan beberapa pencapaian yang signifikan bagi tahun 2021, antaranya Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) meraikan ulang tahunnya yang ke-100 sejak penubuhannya.

Jabatan berkenaan memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga kemajuan NBD dan menyediakan bekalan tenaga elektrik yang berterusan ke rumah-rumah dari kawasan bandar hingga ke mukim-mukim dan kampung-kampung di pedalaman demi menjaga kesejahteraan serta sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.

Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien menandatangani perkara itu dalam ucapan

mukadimah Anggaran Belanjawan Kementerian Tenaga dan Jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023 Kementerian Tenaga pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, JPE mencapai kadar elektrifikasi atau *electrification rate* pada tahap melebihi 99 peratus.

"Satu tonggak penting yang turut dicapai baru-baru ini ialah penyambungan Grid Kebangsaan ke Daerah Temburong melalui Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, di mana penyambungan tersebut meningkatkan lagi perkhidmatan dan kebolehpercayaan bekalan tenaga elektrik bagi rakyat dan penduduk di daerah

YANG Berhormat Menteri Tenaga.

berkenaan," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Daerah Temburong juga menjadi tumpuan kementerian ini bagi pemasangan lampu jalan yang berkuasa solar dan panel solar di bangunan-bangunan kerajaan sebagai *showcase* penggunaan sumber tenaga alternatif.

Dalam melangkah ke era yang lebih moden ini Yang Berhormat menjelaskan, JPE juga akan terus melaksanakan projek digitalisasi perkhidmatan dengan penggunaan teknologi SCADA yang mana diharap akan dapat mengurangkan gangguan bekalan tenaga elektrik kepada orang ramai, dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga (Energy Management System)



bagi membantu meningkatkan kecekapan operasi dan seterusnya mengurangkan kos penghasilan tenaga elektrik.

Ketersediaan hidrokarbon, pastikan kedayatahanan industri hiliran

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Ketersediaan hidrokarbon, khususnya gas asli adalah penting bagi memastikan rakyat dan penduduk akan terus menikmati bekalan tenaga elektrik yang terjamin, di samping memastikan kedayatahanan industri hiliran negara.

Ke arah ini, Kementerian Tenaga dan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam telah dan akan terus bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat pengendali minyak dan gas utama untuk memastikan segala aktiviti hulu, khususnya penerokaan, penggerudian dan pengeluaran adalah kekal diteruskan.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, pada tahun 2021, sebanyak 42 juta *barrels of oil equivalent* (mmbob) minyak dan gas yang baharu berjaya ditemui.

Perkara itu dikongsikan oleh Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien dalam ucapan mukadimah ketika membincangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022 / 2023, Kementerian Tenaga pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selain daripada menerokai kawasan-kawasan yang baharu tambah Yang Berhormat, beberapa projek pemuliharaan

(*rejuvenation*) ke atas pelantar-pelantar dan infrastruktur infrastruktur yang sedia ada telah pun dilaksanakan.

Pada tahun itu juga Yang Berhormat menerangkan, Kementerian Tenaga terus mengutamakan pembangunan projek-projek hiliran bagi mempelbagaikan lagi sumbangan eksport daripada sektor tenaga, di mana pada tahun lepas sahaja, sektor hiliran mencatatkan pengeluaran sebanyak 14.35 juta tan dengan anggaran nilai eksport sebanyak BND10.7 bilion.

Loji Brunei Fertilizer Industries (BFI) juga kata Yang Berhormat, siap dibina pada tahun 2021 dan seterusnya berjaya menghasilkan buat kali pertamanya produk Urea dan disusuli dengan pengeksportan pertamanya pada awal bulan Februari 2022.

Dari sudut yang lain jelas Yang Berhormat lagi, projek-projek tenaga yang dikongsikan juga turut memberi manfaat dari segi peluang pekerjaan dan perniagaan tempatan. Secara keseluruhannya, sektor tenaga menyediakan 19,050 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan pada tahun 2021.

Di samping itu menurut Yang Berhormat, kandungan nilai tempatan (*in-country value*) di sektor minyak dan gas mencatatkan pencapaian 60 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan yang bersamaan dengan BND1.79 bilion.

Memandangkan sektor tenaga Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah pada kebanyakannya berasaskan sumber hidrokarbon jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Tenaga mula memberikan keutamaan kepada peralihan tenaga rendah karbon dan kecekapan tenaga.

"Alhamdulillah, sekali lagi pada tahun 2021, satu perintah, iaitu Energy Efficiency (Standards and Labelling) Order, 2021 telah pun diperkenankan dan insyaaAllah akan berkuat kuasa pada bulan Jun tahun ini dan perintah tersebut antara lain membolehkan orang ramai untuk membuat pilihan yang baik dalam pembelian perkakas elektrik rumah yang cekap tenaga.

"Pada tahun 2021 itu juga, Kementerian Tenaga mengeluarkan satu Request For Proposal (RFP) bagi pemajuan sebuah tapak tenaga suria yang berkapasiti 30 megawatt di Kampung Belimbing, Subok, dan alhamdulillah, RFP tersebut telah pun menarik minat pelabur-pelabur asing dan tempatan.

"Peralihan tenaga kepada sumber-sumber yang lebih bersih memastikan negara berpaut atas komitmennya dalam menangani isu perubahan iklim," ujar Yang Berhormat.

Justeru kata Yang Berhormat, Kementerian Tenaga melalui Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan (BNCCP) akan terus menerajui inisiatif dalam pengurangan pelepasan

karbon daripada sektor tenaga, dan dalam hal ini, Kementerian Tenaga menubuhkan Jawatankuasa Pelepasan Perindustrian ataupun Industrial Emissions Committee (IEC) pada bulan Julai 2021, yang mana ahli-ahlinya adalah termasuk syarikat-syarikat pengendali minyak dan gas, wakil institusi-institusi pengajian tinggi NBD dan agensi-agensi pengawalseliaan kerajaan yang berkaitan.

Tahun 2021 juga tambah Yang Berhormat, merupakan tahun yang signifikan bagi kerjasama serantau bagi NBD selaku Pengerusi ASEAN.

Berhubung kerjasama sektor tenaga serantau menurut Yang Berhormat, Kementerian Tenaga berjaya mempengerusikan Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN (ASEAN Ministers on Energy Meeting - AMEM) yang ke-39 pada bulan September yang lalu, di mana deklarasi bersama Bandar Seri Begawan Joint Declaration of the 39th ASEAN Ministers on Energy Meeting on Energy Security and Energy Transition dihasilkan dan diadaptasi.

Yang Berhormat menjelaskan, kepentingan - kepentingan serantau yang diberikan fokus di dalam Joint Declaration tersebut adalah selaras dengan hala tuju Kementerian Tenaga untuk memastikan masa hadapan tenaga yang mampan dan membantu meningkatkan usaha negara mempercepatkan peralihan tenaga menggunakan

sumber tenaga diperbaharui dan rendah karbon.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut melahirkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas cadangan peruntukan sebanyak BND240,781,230, di mana adalah termasuk cadangan Peruntukan Berulang-ulang sebanyak BND162,613,340 dan Peruntukan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak BND43,968,000 yang disediakan untuk Kementerian Tenaga yang termasuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Cadangan peruntukan ini kata Yang Berhormat, disediakan dengan keutamaan bagi membantu memelihara kesejahteraan awam dan mendukung kemajuan sosioekonomi negara yang lebih resilien. Ini akan dicapai melalui pembaharuan dan penaiktarafan sistem bekalan tenaga elektrik negara, penyediaan prasarana untuk menarik lagi penyertaan Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Yang Berhormat mengongsikan, Perbelanjaan Berulang-ulang Kementerian Tenaga bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023 adalah untuk membolehkan pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Tenaga 2020 - 2025, khususnya inisiatif-inisiatif dan program-program yang dirancang bagi tahun kewangan berkenaan.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

KEUTAMAAN MEMPERLUASKAN PELUANG PEKERJAAN BAGI ANAK TEMPATAN



YANG Berhormat Menteri Tenaga.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Kementerian Tenaga akan terus mendukung usaha untuk memastikan ekonomi negara akan bertambah resilien melalui pertumbuhan sektor tenaga hiliran, dan ia diharapkan akan menempatkan negara sebagai sebuah hab industri hiliran tenaga terkemuka bagi pasaran-pasaran di rantau Asia

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

Pasifik pada masa yang akan datang.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien ketika membentangkan ucapan mukadimahnya pada perbincangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022 / 2023, Kementerian Tenaga pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat mengetengahkan bahawa pada tahun ini, pengeluaran produk hiliran akan dipertingkatkan kepada 14.6 juta tan dan sasaran pengeluaran hulu minyak dan gas negara pada tahun 2022 pula adalah sekitar 300,000 barrels of oil equivalent sehari.

Di samping itu tambah Yang Berhormat, beberapa telaga eksplorasi dirancang untuk

penggerudian pada tahun ini dan beberapa blok juga akan ditawarkan bagi menarik minat pengendali yang baharu untuk beroperasi di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menjelaskan, sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, antara fokus utama perbelanjaan pada tahun 2022 / 2023 adalah 'Mendukung dan Membantu Sektor Swasta Agar Berdaya Tahan dan Berkembang', dan juga 'Meningkatkan Kompetensi Sumber Manusia Ke Arah Work and Future-Ready'.

Ke arah mendukung usaha murni pihak yang berkenaan dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini kata Yang Berhormat Menteri Tenaga, Kementerian Tenaga akan memberikan keutamaan dalam memperluaskan lagi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Bagi tahun 2022 menurut Yang Berhormat, sasaran pekerjaan tempatan di dalam sektor tenaga adalah sebanyak 22,900 anak tempatan, iaitu peningkatan sebanyak 3,300 berbanding sasaran tahun 2021.

Dari segi perbelanjaan di dalam negara (*local content spending*) pula Yang Berhormat mengongsikan, Kementerian Tenaga dan Darussalam Enterprise (DARE) bekerjasama rapat dalam membangunkan sebuah Pusat Inkubasi Sektor Tenaga (Energy Incubation Centre) yang bertempat di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK).

"InsyaaAllah, inisiatif tersebut dihasratkan untuk menjadi landasan bagi memupuk *mindset* pertumbuhan bagi Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) di dalam sektor tenaga dan insyaaAllah sasaran bagi perbelanjaan dalam negara bagi tahun 2022 dianggarkan sebanyak BND1.9 bilion.

"Dalam pada itu, Kementerian Tenaga juga akan terus memanfaatkan peluang-peluang

pembangunan nilai tempatan bukan sahaja di sektor minyak dan gas, malahan juga di sektor kuasa elektrik dengan merangka arahan Local Business Development yang khusus untuk sektor ini," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, ia dijangka akan turut menyumbang lebih banyak nilai dalam negara dari segi perbelanjaan dan pengambilan pekerja anak tempatan. Bagi meningkatkan kapasiti syarikat-syarikat tempatan, Kementerian Tenaga adalah peneraju Program i-Usahawan di sektor tenaga dan berjaya membukakan peluang pekerjaan kepada seramai 317 anak tempatan dan mempunyai jumlah keseluruhan nilai kontrak sebanyak BND30 juta.

Yang Berhormat menjelaskan, usahawan-usahawan belia yang mengikuti program ini menunjukkan komitmen yang tinggi dan berkebolehan serta mempunyai semangat daya saing yang kuat, di mana sebahagiannya berjaya memperoleh kontrak-kontrak di luar Program i-Usahawan.

Pupuk, promosi kerjasama antarabangsa dalam pembangunan kapasiti

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Komitmen negara untuk memelihara iklim dan alam sekitar juga turut diambil kira kerana selain daripada projek tenaga suria di Kampung Belimbing Subok, Kementerian Tenaga juga akan mempertimbangkan penggunaan teknologi panel solar terapung, ataupun *floating solar*.

Beberapa kawasan yang bersesuaian di sekitar perairan negara dan juga takungan air dikenal pasti bagi menempatkan teknologi solar tersebut.

Untuk menggalakkan penggunaan tenaga solar oleh orang ramai dan sektor swasta, fokus Kementerian Tenaga bagi tahun 2022 adalah untuk memperluaskan lagi Program NetMetering dan memperkenalkan Renewable Portfolio Standards.

InsyaaAllah, inisiatif-inisiatif tersebut akan meningkatkan penglibatan individu dan syarikat-syarikat di dalam mencapai kelestarian alam sekitar dan iklim supaya ia akan dapat terus dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien mengetengahkan perkara itu dalam ucapan mukadimah Anggaran Belanjawan Kementerian Tenaga dan Jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023

Kementerian Tenaga pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, cadangan Peruntukan Berulang-ulang bagi Kementerian Tenaga yang berjumlah BND1,234,170 akan memastikan organisasi yang cemerlang melalui pembangunan tenaga kerja, ekosistem yang berkembang maju dan penyebaran digitalisasi.

Sehubungan dengan itu tambah Yang Berhormat, kementerian juga akan terus memupuk dan mempromosikan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan kapasiti.

Yang Berhormat menyatakan, dalam menangani impak daripada COVID-19 yang menjejaskan operasi dan pengeluaran minyak dan gas negara pada tahun 2020 dan 2021, satu garis panduan yang dikenali sebagai Notice To Industry on COVID-19 Measures for the Energy Sector dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga. Ia bertujuan bagi memulihkan operasi-operasi di sektor minyak dan gas, dan sektor kuasa elektrik berjalan seperti asal sebelum penularan COVID-19.

Pada masa yang sama Yang Berhormat menjelaskan, Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD) akan

meneruskan usaha dalam membentuk rangka kerja pengawalseliaan yang selaras dengan perkembangan sektor kuasa elektrik negara dan akan memperkenalkan pelesenan peralatan dan tenaga kerja bagi memperkukuhkan aspek-aspek keselamatan orang ramai, pengguna dan sektor tenaga elektrik secara amnya.

Tambahan lagi menurut Yang Berhormat, jangkauan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mencapai pelbagai sektor, bukan sahaja di dalam sektor minyak dan gas, perindustrian atau komersil, tetapi juga di dalam sektor pendidikan dan sektor kerajaan.

Dalam pada itu, insyaaAllah Yang Berhormat berkata, SHENA akan terus berusaha untuk memastikan bahawa insiden *major accident hazards* dan kehilangan nyawa di tempat kerja akan dapat dikurangkan sehingga sifar melalui peningkatan kesedaran dan juga kerjasama pihak industri.

"Justeru, kita perlu bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya Negara Brunei Darussalam masih dan insyaaAllah akan kekal menikmati hasil daripada rezeki khazanah yang dianugerahkan selama ini.

"Kementerian Tenaga akan terus menjalankan tanggungjawab untuk

memastikan khazanah ini akan digunakan secara mampan serta berhemah dan akan sentiasa memikirkan kaedah untuk meningkatkan kedayatahan sumber utama ini," ujar Yang Berhormat.

InsyaaAllah tambah Yang Berhormat, dengan kerjasama semua lapisan masyarakat melalui Pendekatan Senegara atau Whole of Nation Approach, Kementerian Tenaga akan mendorong sektor tenaga ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Terdahulu, Yang Berhormat bagi pihak Kementerian Tenaga dan Jabatan serta Badan-badan Berkanun di bawahnya menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan titah yang dikurniakan pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN pada 24 Februari 2022.

Yang Berhormat juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022 / 2023 dengan tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023, iaitu 'Memperkasakan Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien'.

UNTUK menggalakkan penggunaan tenaga solar oleh orang ramai dan sektor swasta, fokus Kementerian Tenaga bagi tahun 2022 adalah untuk memperluaskan lagi Program NetMetering dan memperkenalkan Renewable Portfolio Standards.

InsyaaAllah, inisiatif-inisiatif tersebut akan meningkatkan penglibatan individu dan syarikat-syarikat di dalam mencapai kelestarian alam sekitar dan iklim supaya ia akan dapat terus dinikmati oleh generasi yang akan datang.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PROJEK 'PAYMENT GATEWAY' SEDANG DIJALANKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Pada masa ini terdapat projek yang sedang dilaksanakan oleh Darussalam Assets dan tiga bank tempatan untuk membentuk syarikat usaha

sama bagi menyediakan *payment gateway* atau Digital Payment Hub bagi memudahkan pembayaran transaksi bagi pembayaran digital di negara ini.

Visi projek ini adalah untuk menyediakan infrastruktur pembayaran segera ataupun *instant payment infrastructure* yang akan membolehkan faedah komersial dan sosioekonomi untuk Negara Brunei Darussalam.

Projek ini ditaja di bawah naungan Digital Economic Council dan sebahagian daripada Digital Payment Route Map 2019 / 2022 pihak Brunei Darussalam Central Bank.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah membuat kenyataan itu bagi menjawab persoalan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari pada hari

keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, mengongsikan beberapa faedah-faedah utama di bawah Digital Payment Hub, yang mana ia akan membolehkan *fund transfer* dari akaun ke akaun yang selamat, segera dan kos efektif dan menggunakan teknologi yang biasanya digunakan oleh peniaga atau kedai untuk menerima pelbagai jenis pembayaran seperti kad kredit, kad debit. Ia juga teknologi ini membolehkan pembayaran secara Kod QR.

Menurut Yang Berhormat lagi, memandangkan 80 peratus penduduk Negara Brunei Darussalam mempunyai akaun bank dan 125 peratus *mobile penetration*, ini adalah potensi tinggi untuk berurus niaga melalui *smartphone* dan membolehkan *cashless transaction* sebagai norma baharu.

"Ia juga dapat bagi menghubungkan pelanggan dan peniagaan yang tidak mempunyai akaun bank. Pembayaran yang lebih pantas dan pengurusan *cashflow* yang lebih mudah," terang Yang Berhormat lagi.

Projek ini, ujar Yang Berhormat, membolehkan transaksi *in spontaneous, secure dan auditable*, kos yang rendah untuk negara melalui kaedah, seperti Kod QR, di mana ini akan mengurangkan urus niaga secara tunai kepada kerajaan yang berjumlah 90 peratus pada keseluruhannya.

"Juga dengan infrastruktur negara ini kos diperlukan untuk mengendalikan wang tunai akan berkurangan yang berharga beberapa juta ringgit setahun," kata Yang Berhormat.

Digital Payment Hub ini, tambah Yang Berhormat, juga boleh

merangsang *innovation financial services* dan FinTech melalui produk dan *value added services* yang akan mempunyai keupayaan untuk mengintegrasikan dengan *merchant acquires* atau *wallet* dan *payment services provider*, seperti Pocket dan lain-lain.

Ia juga mampu menyediakan platform *connectivity* kepada *international payment rail*, seperti Paypal bagi transaksi pembayaran antarabangsa masuk ke dalam negara tertakluk kepada pengesahan dan pemantauan kepada protokol dan peraturan tempatan dan antarabangsa, seperti Anti-Money Laundering, terang Yang Berhormat.

Sementara itu, menjawab persoalan mengenai menambah baik sistem pembelajaran talian internet pelajar, yang telah diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengongsikan bahawa penambah baik akses dan pengembangan rangkaian di kawasan-kawasan pedalaman adalah satu projek yang sedang dijalankan oleh Syarikat Unified National Network (UNN).

"Projek ini diberikan kepada enam fasa yang akan meliputi beberapa lokasi di seluruh negara," terang Yang Berhormat.

Fasa Pertama yang meliputi Kampung Kuala Abang, Kampung Menengah, Kampung Lamunin dan Kampung Bukit Barun, telah dimulakan pada tahun lepas yang bermula dengan pemasangan kabel fiber sepanjang 12.35 kilometer dan akan siap dilaksanakan pada suku pertama tahun ini.

Tambah Yang Berhormat lagi, Fasa Kedua yang dirancang pada tahun ini akan melaksanakan pemasangan 54.4 kilometer kabel fiber bagi menampung beberapa

kawasan di semua daerah, termasuk Kampung Batang Mitus, Sungai Pantai Labi, Bangkau dan Batang Duri dan akan siap dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

Manakala Fasa Ketiga akan siap dilaksanakan pada suku keempat tahun 2022 ini, Fasa Keempat dan Fasa Kelima akan siap dilaksanakan masing-masing pada suku kedua dan keempat tahun 2023 dan seterusnya Fasa Keenam akan siap dilaksanakan pada suku kedua tahun 2024.

"Diharapkan dengan penambahbaikan ini lebih ramai penduduk umum termasuk pelajar-pelajar yang menjalani *virtual school* akan dapat mengakses rangkaian komunikasi yang lebih lancar," jelas Yang Berhormat.

Di samping itu juga, kata Yang Berhormat, peruntukan telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi membiayai Project National Education Network for School bagi 153 buah sekolah.

Projek tersebut, tambah Yang Berhormat, bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan internet yang berkelajuan tinggi dan *reliable* untuk sekolah-sekolah kerajaan bagi meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Walau bagaimanapun, penyediaan akses kepada sekolah-sekolah di kawasan pedalaman akan mengambil masa lebih panjang dan belum dapat dihubungi pada masa yang terdekat ini.

"Untuk mengatasi masalah ini buat sementara seperti Sukang dan Melilas pada masa ini disambungkan melalui sambungan Teknologi Vsite Satellite yang disediakan oleh NIAT Sendirian Berhad sebuah syarikat di bawah Darussalam Assets," ujar Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir sama-sama mendengarkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berkenaan.

Peruntukan PPK diperjelas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata bahawa Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) sememangnya satu program telah dilancarkan beberapa tahun sebelum ini.

Jadi peruntukan disediakan untuk penuntut-penuntut yang belum selesai mengikuti kursus-kursus dalam PPK.

"Peruntukan mesti disediakan sampai habis nanti, insyaaAllah.

Jadi di mana ada *training* yang baharu itu termasuk dalam HRD Fund. Mestilah diasingkan dari HRD Fund," terang Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini, di bawah tajuk SP01A - Kemajuan, bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

Terdahulu, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad menyuarakan persoalan mengenai apakah masih keperluan PPK ini *stand alone* peruntukannya atau lebih baik ia di bawah Program IBTE atau Lifelong Learning sahaja sebagai *operation*.

"Mengenai perbelanjaan kemajuan ini, saya merujuk mengenai dengan perkara sumber tenaga manusia, iaitu 004 Pusat Pembangunan Kapasiti.

"Dengan peruntukan yang

diberikan BND1,132,608 bagi 2022 / 2023 dan BND273,000 bagi 2023 / 2024. Pernah dikongsikan untuk PPK ini dijalankan oleh IBTE untuk International Accreditation serta hala tuju yang lain di dewan ini, pada tahun 2019.

"Apakah masih keperluan PPK ini *stand alone* peruntukannya atau lebih baik ia di bawah Program IBTE atau Lifelong Learning sahaja sebagai *operation*," ujar Yang Berhormat Awang Iswandy.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PENYEDIAAN, PENAIKTARAFAN INFRASTRUKTUR, FASILITI

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Sebanyak BND5 juta telah diperuntukkan bagi Projek Sistem Pengangkutan Awam di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN-11) dengan anggaran BND370,000 bagi Tahun Kewangan 2022 / 23 untuk menambah baik Perkhidmatan Pengangkutan Awam.

Antara inisiatif yang sedang dirancang adalah penyediaan perhentian bas *inter-change* di Jalan Kianggeh dan Jalan Mc Arthur di Bandar Seri Begawan dan penyediaan dan penaiktaratan infrastruktur dan fasiliti perhentian bas di Daerah Temburong.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul

Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berkata demikian ketika menyampaikan ucapan mukadimah pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini.

Yang Berhormat berkata bahawa di bawah Jabatan Penerbangan Awam anggaran sekitar BND5.4 juta diperuntukkan bagi mempertingkatkan prasarana di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei iaitu antara lain termasuk pembinaan sebuah Detention Pond bagi *flood mitigation*, pemasangan sistem Advanced

Lightning Protection, dan pemasangan sistem Airfield Ground Lighting.

Di bawah Peruntukkan Berulang-ulang Jabatan Penerbangan Awam, jelas Yang Berhormat, iaitu anggaran sekitar BND3.5 juta bagi pengoperasian dan pemeliharaan kemudahan - kemudahan penumpang, dan sistem-sistem Baggage Handling dan Screening; Pemeliharaan Peralatan Sistem Navigasi sekitar BND1.8 juta; dan pemeliharaan dan Pembersihan Bangunan sekitar BND1.5 juta.

Sementara itu, dianggarkan sekitar BND10 juta telah diperuntukkan di bawah MTIC bagi membiayai Penyerapan pengoperasian Cyber Security Brunei (CSB), kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan sebanyak BND300,000



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

diperuntukkan untuk inisiatif-inisiatif di bawah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

Sekitar BND8.5 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat bagi pelaksanaan beberapa inisiatif utamanya termasuk pemeliharaan dan pengoperasian

Sistem Pengangkutan Darat (SPD) bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada orang ramai; dan keperluan bagi empat buah mesin timbangan di pos-pos kawalan dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya, khususnya bagi pengguna-pengguna di jalan raya.

Merealisasikan ke arah Digital Government



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Dengan visi Negara Pintar melalui transformasi digital, Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 merupakan dokumen rujukan utama dan peta jalan bagi perancangan dan pelaksanaan transformasi digital di Negara Brunei Darussalam.

Ke arah ini, beberapa usaha penyelarasan telah pun dijalankan oleh pihak Urusetia Majlis Ekonomi Digital (DEC) bagi memantapkan lagi penyediaan dan pelaksanaan projek serta inisiatif *digitalisation* di bawah Pelan Transformasi Digital yang diterajui oleh Digital Transformation Steering Committee (DTSC) bagi Kementerian masing-masing.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul

Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berkata demikian ketika menyampaikan ucapan mukadimah pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menambah, Pelan Transformasi Digital ini adalah merangkumi dan mendukung penggunaan teknologi digital bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan juga bagi sektor perindustrian di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing.

"Hasil perkembangan dari sesi Ministries Digital Transformation Plan Stock Take yang telah dijalankan dari bulan April sehingga Jun 2021, sebanyak 10 Digital Transformation Plans telah diterima untuk penelitian Urusetia DEC," ujar Yang Berhormat.

Merujuk kepada soalan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa membincangkan usul di bawah tajuk Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat turut menambah sedikit kepada jawapan dari Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ujar Yang Berhormat, dalam menggalakkan transformasi digital di sektor kerajaan, beberapa dapatan dan pencapaian bagi perkhidmatan kerajaan, di mana terdapat 178 perkhidmatan yang boleh didapati dalam talian, 25 aplikasi mudah alih bagi perkhidmatan-

perkhidmatan dan 22 pembayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan secara dalam talian.

Ke arah perkhidmatan kerajaan yang lebih moden dan berkesan, kata Yang Berhormat, kesemua kementerian telah disediakan Office Collaborative Tools seperti perkhidmatan e-mel; platform intranet bagi penyimpanan persuratan dan perkongsian dokumen; e-minit dan lain-lain.

Setakat ini, kadar penggunaan *tools* ini adalah 96 peratus warga Perkhidmatan Awam menggunakan e-mel yang telah disediakan pihak kerajaan, 61 agensi kerajaan aktif menggunakan intranet platform sebagai peralatan bagi penyimpanan persuratan dan perkongsian dokumen dan hampir kesemua kementerian iaitu sebanyak 10 buah kementerian telah mula menggunakan e-minit atau e-Office bagi pengagihan tugas-tugas untuk tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat menjelaskan, terdapat peningkatan jumlah pendaftaran akaun e-Darussalam yang baharu sebanyak 70 peratus dari tahun sebelumnya.

"Setakat bulan Januari 2022, sebanyak 208,077 akaun telah didaftarkan dan sebanyak 170,963 akaun yang telah aktif. Alhamdulillah, statistik ini menunjukkan kadar penggunaan perkhidmatan kerajaan melalui e-Darussalam yang terus meningkat," kata Yang Berhormat.

Secara keseluruhannya, kata Yang Berhormat, untuk lebih menggerakkan transformasi digital bagi sektor kerajaan dengan berteraskan pendekatan Whole of Government, pihak

MTIC dan Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Digitization Policy Taskforce.

Taskforce ini bertanggungjawab untuk meneliti penggubalan akta dan dasar yang perlu dikemas kini dalam mendukung usaha kerajaan dalam merealisasikan ke arah Digital Government, jelas Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, tegas Yang Berhormat, perhatian yang serius turut diberikan bagi mengembangukan transformasi digital di sektor swasta.

Dalam hal ini, dua Bengkel Pendigitalan Industri telah diadakan bagi membincangkan penyediaan 'Pelan Transformasi Digital' untuk sektor-sektor industri yang dikenal pasti, iaitu Bengkel mendigitalkan Industri Agrimakanan diadakan pada 18 November 2021 dan disertai oleh seramai 91 peserta dan Bengkel Mendigitalkan Industri Pembinaan (Construction) diadakan pada 15 Disember 2021 dengan penyertaan 60 orang peserta.

Yang Berhormat berkata bahawa bengkel mendigitalkan industri bagi lapan lagi sektor

perindustrian yang tersenarai dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, akan disasarkan selesai pada bulan Jun 2022.

Bagi mendukung objektif strategik MTIC, dan selaras dengan keutamaan Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan.

Ini, termasuk anggaran sebanyak BND28 juta telah diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Berulang-ulang Pusat Kebangsaan E-Kerajaan bagi membiayai perkhidmatan guna sama, latihan kemahiran, pemeliharaan sistem-sistem dan mengukuhkan aspek keselamatan daripada ancaman siber.

Antaranya, termasuk sekitar BND9.24 juta telah diperuntukkan bagi membiayai bayaran lesen-lesen perisian bagi semua kementerian-kementerian; BND4.8 juta bagi membiayai Talian Darussalam TD123; dan sekitar BND6.6 juta bagi membiayai rangkaian *connectivity* bagi semua kementerian.

■ **PELAN Transformasi Digital ini adalah merangkumi dan mendukung penggunaan teknologi digital bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan juga bagi sektor perindustrian di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing.**

■ **SETAKAT bulan Januari 2022, sebanyak 208,077 akaun telah didaftarkan dan sebanyak 170,963 akaun yang telah aktif. Alhamdulillah, statistik ini menunjukkan kadar penggunaan perkhidmatan kerajaan melalui e-Darussalam yang terus meningkat.**

■ **UNTUK lebih menggerakkan transformasi digital bagi sektor kerajaan dengan berteraskan pendekatan Whole of Government, pihak MTIC dan Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Digitization Policy Taskforce.**

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KESAN COVID-19 TERHADAP SEKTOR PENGANGKUTAN NEGARA

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Sektor pengangkutan turut terkesan mengalami penurunan dari segi pergerakan trafik penumpang dan kargo, dalam negara menghadapi kesan penularan pandemik COVID-19.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berkata demikian ketika menyampaikan ucapan mukadimah pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini.

Bagi pengangkutan udara, jelas Yang Berhormat, pergerakan penumpang sangat terjejas dengan penurunan sebanyak 70 peratus bagi bulan Mac hingga Julai tahun 2020.

Walau bagaimanapun, terdapat pemulihan yang mendatar dari bulan Mac hingga Julai 2021 dengan peningkatan sebanyak 22.1 peratus.

Yang Berhormat menambah, kadar peningkatan yang minima pula dilihat dalam perkhidmatan pengangkutan laut dan maritim, khususnya dari segi jumlah kontena kapal dan kargo konvensional.

Semasa gelombang kedua pada bulan Ogos hingga November 2021, ujar Yang Berhormat, jumlah kontena kapal hanya meningkat sebanyak 0.83 peratus, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Dalam memelihara kesejahteraan awam, kata Yang Berhormat, melalui Objektif Strategik MTIC, iaitu transformasi digital dan memastikan kedayatanganan sektor pengangkutan dan infokomunikasi, beberapa inisiatif untuk menaik taraf infrastruktur telekomunikasi telah dan akan terus dilaksanakan.

Hasil daripada penstrukturan industri telekomunikasi, pada 24 Januari 2020, kadar penggunaan jalur lebar (*broadband*) turut meningkat berikutan keperluan semasa pandemik COVID-19.

Menurut statistik yang direkodkan oleh AITI, jelas Yang Berhormat, kadar pengguna *mobile broadband* meningkat sebanyak 25 peratus dari kira-kira 115 peratus ke 140 peratus, pada tahun 2021, berbanding tahun sebelumnya dan dalam tempoh yang sama, kadar pengguna *fixed broadband* ke rumah meningkat sebanyak 7 peratus dari 68 peratus kepada 75.25 peratus.

Bagi menampung kepada

perkhidmatan jalur lebar ini, jelas Yang Berhormat, pihak penyedia UNN telah menjalankan beberapa usaha untuk menambah baik operasi seperti penambahbaikan rangkaian pada bulan Ogos 2021 yang menghasilkan peningkatan dalam kelajuan sebanyak 61 peratus; dan penambahan 53 buah infrastruktur telekomunikasi untuk menambah baik lagi liputan telekomunikasi telefon bimbit, iaitu 22 buah di Daerah Brunei dan Muara, tiga buah di Daerah Tutong, 15 buah di Daerah Belait dan 13 buah di Daerah Temburong, yang turut merangkumi kawasan pedalaman.

Proses bagi penambahan infrastruktur ini telah dimulakan oleh UNN dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat lagi, liputan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan pedalaman juga dititikberatkan di mana sebanyak BND3 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi projek Pembangunan Menara di Kawasan Luar Bandar, menyasarkan meliputi empat buah kampung iaitu Kampung Apak-Apak, Kampung Sukang, Kampung Melilas, dan Kampung Long Mayan.

Bagi mengekalkan momentum penggunaan teknologi digital seiring dengan kemajuan teknologi, nyata Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam juga membuat persediaan bagi perkhidmatan 5G.

Selain daripada persediaan infrastruktur, MTIC melalui AITI melaksanakan usaha pemudahcaraan melalui menyediakan frekuensi spektrum bagi teknologi 5G dan mengkaji semua peraturan dan perundangan di bawah AITI berkaitan penyediaan perkhidmatan 5G; meneruskan ujian rintis atau *trial* bagi teknologi 5G; dan menjalankan program pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia ke arah teknologi 5G mulai bulan Mac 2022 sehingga Jun 2022.

Yang Berhormat menyatakan, Objektif Strategik MTIC adalah juga untuk memastikan piawaian keselamatan untuk sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

Selaras dengan keutamaan belanjawan iaitu memelihara kesejahteraan awam, MTIC turut mendukung keutamaan ini antara lain adalah pertama, melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya, usaha bersepadu diteruskan bagi menjadikan jalan raya lebih selamat untuk pengguna.

Penurunan jumlah kes kemalangan jalan raya dalam

purata 1 peratus setiap tahun dari tahun 2018 hingga 2021 dan kedua, pengemaskinian Brunei National Cyber Security Strategy sebagai pendekatan dan strategi keselamatan siber yang menyeluruh.

Inisiatif ini dijalankan oleh Cyber Security Brunei (CSB) sebagai kesinambungan kepada penubuhan CSB sebagai agensi keselamatan siber kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menjelaskan, MTIC juga mendukung keutamaan blanjawan ketiga iaitu meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready*, selaras dengan Hasil Strategik di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah Program Coding.bn.

Selaras dengan Objektif Manpower Industry Steering Committee (MISC), ujar Yang Berhormat, MTIC melalui AITI telah melaksanakan Program Coding.bn khusus untuk menaik taraf kemahiran para graduan yang masih mencari pekerjaan dengan kemahiran *programming*.

"Alhamdulillah, Coding.bn bagi kohort pertama telah pun selesai dilaksanakan pada bulan September 2021, di mana seramai 59 peserta telah menamatkan program tersebut. Setakat bulan Februari 2022, seramai 39 peserta daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan tetap," terang Yang Berhormat.

Seiring dengan keutamaan belanjawan untuk mendukung dan membantu sektor swasta agar berdaya tahan dan berkembang, MTIC turut melaksanakan dasar dan rangka kerja kawal selia yang *conducive* kepada pelaburan dan perniagaan, kata Yang Berhormat.

Bagi memudah cara perkembangan sektor swasta, khususnya semasa menangani situasi penularan pandemik COVID-19, antara inisiatif yang dilaksanakan, termasuk Brunei ICT Awards (BICTA) sebagai acara tahunan untuk mengasah tahap daya saing, kreativiti dan inovasi dalam teknologi digital.

Sejak mula diadakan pada tahun 2004, sebanyak 34 produk yang dipertandingkan dalam BICTA sedang aktif digunakan dan 11 produk lagi telah dikomersialkan.

Peserta BICTA juga telah berjaya mendapat kemenangan di luar negara dengan kejayaan terkini, iaitu Rumine Corporation mendapat tempat pertama dan Anugerah Emas dalam Kategori Digital Content semasa ASEAN ICT Awards 2021, yang diadakan baru-baru ini.

Sementara itu, Program Productivity and Efficiency Joint Funding for Digital Adoption

(PENJANA) yang dilancarkan oleh AITI, pada 17 Februari 2022 baru-baru ini, bagi membantu Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) tempatan dalam mengguna pakai teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti. Di bawah program ini, AITI akan membiayai sehingga 70 peratus kos dalam mengguna pakai digital solutions.

Selaras juga dengan keutamaan belanjawan bagi sumber manusia yang *work and future ready*, MTIC juga memberikan usaha signifikan kepada inovasi, penyelidikan dan perkembangan, kata Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika menyampaikan ucapan mukadimah pada persidangan tersebut.

■ **MENURUT** statistik yang direkodkan oleh AITI, kadar pengguna *mobile broadband* telah meningkat sebanyak 25 peratus dari kira-kira 115 peratus ke 140 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya dan dalam tempoh yang sama, kadar pengguna *fixed broadband* ke rumah meningkat sebanyak 7 peratus dari 68 peratus kepada 75.25 peratus.

■ **LIPUTAN** perkhidmatan telekomunikasi di kawasan pedalaman juga dititikberatkan di mana sebanyak BND3 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi projek Pembangunan Menara di Kawasan Luar Bandar, menyasarkan meliputi empat buah kampung iaitu Kampung Apak-Apak, Kampung Sukang, Kampung Melilas, dan Kampung Long Mayan.

■ **BAGI** mengekalkan momentum penggunaan teknologi digital seiring dengan kemajuan teknologi, nyata Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam juga membuat persediaan bagi perkhidmatan 5G.

CREATES pacu penyelidikan, perkembangan

Oleh : Norlia Md. Zain

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Penubuhan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains (CREATES) adalah bagi memacu aktiviti penyelidikan dan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi di negara ini.

Sehubungan ini, satu rangka kerja dasar, iaitu National Science, Technology and Innovation Framework sedang disediakan bagi menetapkan hala tuju dan strategi yang jelas ke arah pembangunan negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Hala tuju sains, teknologi dan inovasi ini akan diselaraskan dengan keperluan-keperluan industri yang terkini dan relevan," demikian kata Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof ketika menyampaikan ucapan mukadimah pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, sesi pagi, di sini.

Sebagai langkah bagi menggalakkan inovasi, kata Yang Berhormat lagi, beberapa inisiatif turut dilaksanakan dan dirancang, antara lainnya adalah melalui CREATES, satu projek penyelidikan dalam membantu menangani dan membendung COVID-19 telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan, Singapore Duke-NUS Medical School dan Evid Technology Sdn. Bhd.

Pada penghujung tahun 2021, sebanyak 22 cadangan projek penyelidikan telah pun diterima daripada Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Penyelidikan dan daripada jumlah tersebut, 12 projek yang disokong oleh CREATES kini dalam proses untuk diluluskan.

Yang Berhormat berkata, CREATES sedang meneliti peruntukan sebanyak BND3 juta untuk tempoh tiga tahun bagi mendukung Projek Rintis 5G.

"Ini adalah sebagai susulan kepada cadangan National 5G Taskforce bagi pelaksanaan strategi dan pelan-pelan tindakan ke arah pembangunan ekosistem 5G yang bermanfaat bagi Negara Brunei Darussalam," terang Yang Berhormat.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PEMASANGAN PERKHIDMATAN INTERNET DI SEKOLAH-SEKOLAH

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Menyentuh Tajuk Anggaran Perbelanjaan Kemajuan di dalam Kod 1 - 107/117 - Anggaran Perbelanjaan BND1,500,000 bagi anggaran 2022 / 2023 untuk pembangunan menara di kawasan luar bandar, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput ketika membincangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022 / 2023, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN, yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, mengemukakan dua soalan.

Pada persidangan tersebut, Yang Berhormat memohon penjelasan mengenai pemasangan menara baharu yang terbengkalai di bangunan Stesen Imagine di Mukim Labi yang berdekatan dengan Balai

Polis Labi yang dirancang disambung tahun lepas, namun masih belum dilaksanakan dan rancangan pembinaan menara DST di kawasan Teraja.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof mengulas mengenai perkara itu dengan menjelaskan bahawa memang telah ada usaha-usaha daripada pihak UNN dan perkara tersebut turut dipantau bersama, iaitu pada masa ini ada usaha untuk menambah baik liputan telefon bimbit di mukim tersebut.

Seperti yang disuarakan jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dari segi pemasangan akan diguna pakai *single audio access network*, yang akan diadakan secara berfasa dan Yang Berhormat turut dimaklumkan bahawa ia dijangka

akan siap pada penghujung tahun 2024 nanti, tertakluk dalam keadaan-keadaan semasa masa ini.

Manakala menyentuh mengenai pembinaan menara, Yang Berhormat difahamkan bahawa melalui *business strategy* kepada UNN, pembinaan menara tersebut tidak akan diguna pakai atas sebab adanya rancangan ataupun *business plan* tersendiri yang akan dilaksanakan secara berfasa.

Menjawab mengenai pemasangan perkhidmatan internet di Sekolah Rendah Mukim Sukang dan Melilas yang ketika ini diberhentikan, Yang Berhormat menjelaskan, mengenai dengan sekolah-sekolah, perkhidmatan internet sekolah-sekolah dilaksanakan dengan kerjasama pihak-pihak antara AITI dan Kementerian Pendidikan pada setakat ini.

Akan tetapi tambah Yang Berhormat, *connectivity* ke semua sekolah ada sedikit terbatas, walaupun kebanyakan sekolah dihubungkan melalui perkhidmatan One Government



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika menjelaskan persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput pada persidangan berkenaan.

Network (OGN), kecuali di beberapa buah tempat yang dimasukkan.

Justeru tambah Yang Berhormat dua tempat yang terjejas ini, iaitu Sekolah Kampung Melilas dan Sekolah Kampung Sukang masih ada dicubakan beberapa

perkhidmatan lain, seperti dengan menggunakan *valve* tidak dapat, perkhidmatan talian telefon serta perkhidmatan satelit yang mana apabila diuji perkhidmatan satelit berpotensi untuk diusahakan lagi dan sebarang *trial* masih giat dilaksanakan.

Penggunaan Mobile Broadband semakin meningkat



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Menyentuh mengenai Tajuk SN01A Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii mencadangkan agar selain daripada infrastruktur kabel dan fizikal *fiber*, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi meluaskan dasar ini sebagai *Whole Infrastructure Approach* seperti melalui Land Transmission Satellites dan Lower Level Orbits sebagai

contoh untuk menambahkan lagi *bandwidth connectivities* negara.

Yang Berhormat juga memohon pencerahan tentang kedudukan negara sebagai Multi Module Gateway ke BIMP-EAGA yang pernah disuarakan dalam MMN beberapa tahun yang lalu.

"Saranan mengadakan satu kabel sistem as a *Whole of Nation* ataupun *Whole Nation Wide* punya cadangan juga itu. Memang pada dasarnya di bawah National Broadband Policy yang masa ini masih diguna pakai, tetapi ia dinaik taraf juga sedikit *because this is in line* juga with our Digital Economy Masterplan 2025," ujar Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof pada hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN, yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, kementerian memang berhasrat untuk memberi *a whole coverage of broadband* dengan sedaya upaya. Ada sudah peningkatan penggunaan Mobile Broadband, di mana infrastruktur itu memang

sudah ada, hanya sebilangan tempat di pedalaman perlu diusahakan lagi.

"Tetapi secara umumnya ini pun pernah disuarakan oleh rakan iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, di mana *even our speed of broadband speed for mobile speed* adalah tertinggi pada masa ini kalau dibanding di negara-negara Asia. Bukan sahaja itu tetapi dari segi harga pun mengikut *study by IPU* tahun lepas jika kaola tidak silap, dari segi harga per *broadband* dan *computer use* pun kita adalah paling rendah dari segi *mobile* bagi *mobile broadband*.

"Tetapi banyak lagi perlu dibuat, kita hendaklah tidak berhenti di sini jika *kitani* dapat lagi mengusahakan lagi macam mana *affordability* dan *accessibility* yang disebutkan itu tadi.

"*Probability* harga itu makin turun, dalam setahun setengah ini harga *broadband* menurun sekurang kurangnya 60 peratus sudah kalau *kitani* tidak sedar, 60 peratus - 90 peratus harga *kitani*. *Ganya now, accessibility* yang masih lagi menjadi usaha *kitani* pada masa ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Menyentuh mengenai

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud, Srinarawie Bidzah, Noraisah Haji Muhammed
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad



SUASANA ketika Persidangan MMN berlangsung.

Multi-Model Transport System BIMP-EAGA terang Yang Berhormat, masih dalam perundingan di bawah ASEAN Transport Minister dan Forum, Meeting atau di bawahnya ASEAN Transport Working Group.

"Perkara ini boleh disebutkan tadi itu ada juga berhubungan dengan penubuhan satu Public Transport System kebangsaan

yang akan meneliti *route-route* utama, bukan sahaja *route* di dalam negeri, *route* menyambung keluar sebagai yang disebutkan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi itu.

"Perkara ini belum ada ketetapan lagi mungkin akan dan dibawa dahulu secara rundingan dalaman. Ia *involving* beberapa pihak dan agensi berkenaan," kata Yang Berhormat lagi.

JADUAL AKTA PERBEKALAN 2022 / 2023 YANG DILULUSKAN



JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah yang diperuntukkan
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$30,430,560.00
SA02A	Jabatan Adat Istiadat Negara	\$2,858,400.00
SA03A	Jabatan Audit	\$5,713,990.00
SA04A	Biro Kawalan Narkotik	
SA05A	Biro Mencegah Rasuah	
SA06A	Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat	\$3,398,480.00
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$40,411,460.00
SA09A	Jabatan Penerangan	\$8,309,280.00
SA10A	Jabatan Perkhidmatan Awam	\$23,854,310.00
SA11A	Jabatan Perkhidmatan Pengurusan	\$2,410,890.00
SA12A	Polis Diraja Brunei	
SA14A	Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$5,172,560.00
SA16A	Jabatan Mufti Kerajaan	\$6,808,880.00
SA18A	Bahagian Undang-Undang	\$751,150.00
SA21A	Pejabat Peguam Negara	\$11,890,530.00
SA22A	Jabatan Kehakiman Negara	\$11,048,500.00
SA25A	Jabatan Penyelidikan Brunei	
SA26A	Institut Perkhidmatan Awam	\$3,361,970.00
KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	
SB04A	Jabatan Menteri Pertahanan dan Jabatanarah Perancangan Strategik	
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI		
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri	\$112,592,250.00
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI		
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi	\$34,323,420.00
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$14,892,230.00
SD04A	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik	\$7,134,030.00
SD05A	Jabatan Perbendaharaan	\$13,070,060.00
SD08A	Perkhidmatan Rampaian HMSF	
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$790,786,886.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$11,250,540.00
SE02A	Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	\$16,593,490.00
SE03A	Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	\$7,087,440.00
SE04A	Lembaga Bandaran Tutong	\$2,119,560.00
SE05A	Jabatan Buruh	\$5,780,560.00
SE06A	Pejabat Daerah Brunei dan Muara	\$10,520,530.00
SE07A	Pejabat Daerah Belait	\$4,453,010.00
SE08A	Pejabat Daerah Tutong	\$4,260,900.00
SE09A	Pejabat Daerah Temburong	\$3,934,280.00
SE10A	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	\$19,269,800.00
SE11A	Jabatan Penjara	\$11,818,500.00
SE12A	Jabatan Bomba dan Penyelamat	\$31,254,460.00
KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$567,369,520.00
SF02A	Universiti Brunei Darussalam	\$77,342,530.00
SF03A	Universiti Islam Sultan Sharif Ali	\$21,731,700.00
SF04A	Universiti Teknologi Brunei	\$25,217,660.00
SF05A	Politeknik Brunei	\$25,626,210.00
SF06A	Institut Pendidikan Teknikal Brunei	\$48,129,900.00

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah yang diperuntukkan
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN		
SH01A	Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	\$5,960,390.00
SH02A	Jabatan Perhutanan	\$7,553,290.00
SH03A	Jabatan Perikanan	\$12,895,590.00
SH04A	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan	\$35,939,330.00
SH06A	Jabatan Kemajuan Pelancongan	\$2,406,840.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA		
SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$261,906,340.00
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK01A	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$17,756,210.00
SK02A	Jabatan Kemajuan Perumahan	\$14,072,570.00
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$145,809,730.00
SK04A	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	\$3,903,330.00
SK06A	Jabatan Tanah	\$10,638,450.00
SK07A	Jabatan Ukur	\$13,442,110.00
SK08A	Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	\$17,485,000.00
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN		
SL01A	Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$17,776,560.00
SL02A	Dewan Bahasa dan Pustaka	\$10,435,800.00
SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$18,431,770.00
SL04A	Muzium-Muzium	\$8,903,150.00
SL05A	Pusat Sejarah	\$3,665,410.00
SL06A	Jabatan Pembangunan Masyarakat	\$24,647,670.00
KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$386,064,130.00
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI		
SN01A	Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	\$22,715,430.00
SN04A	Jabatan Penerbangan Awam	\$26,739,525.00
SN05A	Jabatan Pengangkutan Darat	\$8,428,195.00
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$1,336,690.00
SN08A	Jabatan Kajiucua	\$3,520,000.00
SN09A	Pusat Kebangsaan E-Kerajaan	\$45,289,360.00
KEMENTERIAN TENAGA		
SQ01A	Jabatan Kementerian Tenaga	\$9,848,090.00
SQ02A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$186,965,140.00
KEMAJUAN		
SP01A	Kemajuan	\$350,000,000.00
		<u>\$4,640,000,000.00</u>

BERITA-BERITA SEPANJANG MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-18 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN)
BOLEH DILAYARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua dan Pemerintah ABDB hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj di peringkat kementerian bagi tahun 1443 Hijrah.

Al-Quran, ceramah khas yang disampaikan oleh Abdul Rahman bin Ajak dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; peringkat kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis di peringkat kementerian tersebut adalah untuk memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta untuk menghayati kewajipan dan fadilat melaksanakan sembahyang fardu lima waktu.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ihsan Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Mac. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis

Sambutan Israk dan Mikraj di peringkat kementerian bagi tahun 1443 Hijrah yang diadakan secara

serentak di seluruh Surau Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru dengan tumpuan utama di Surau Al-Huda, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Muara,

petang tadi.

Bertemakan 'Sembahyang Ku Kerana Allah', iaitu mengikut tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1443 Hijrah, majlis tersebut diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci



MAJLIS Sambutan Israk dan Mikraj di peringkat kementerian bagi tahun 1443 Hijrah juga diadakan secara serentak di seluruh Surau Kementerian Pertahanan dan ABDB, termasuk Masjid Pulau Baru-Baru dengan tumpuan utama di Surau Al-Huda, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Muara (kiri, atas, bawah kiri dan bawah).





TENTERA Darat Diraja Brunei (TDDDB) mengadakan Majlis Serah Terima Tugas antara mantan Pemerintah TDDDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dengan Pemerintah TDDDB yang baharu, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir, bertempat di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison (kanan dan atas).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BERAKAS GARISON, Rabu, 2 Mac. - Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) mengadakan Majlis Serah Terima Tugas antara mantan Pemerintah TDDDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dengan Pemerintah TDDDB yang baharu, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir, bertempat di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison, kelmarin.

Majlis tersebut dihadiri oleh Timbalan Pemerintah TDDDB, Pengarah-pengarah Jabatanarah, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Sarjan Mejar Tentera Darat dan anggota-anggota TDDDB.

Turut hadir secara talian ialah para pegawai dan anggota daripada semua unit TDDDB, termasuk yang bertugas di luar negara dan terlibat dalam misi keamanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Penolong Ketua Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT), Mejar Ariffin bin Amit @ Hamid, dan diikuti dengan ucapan daripada mantan Pemerintah TDDDB.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan penghargaan atas sokongan dan usaha yang berterusan daripada semua lapisan anggota TDDDB semasa beliau memegang jawatan sebagai Pemerintah TDDDB dan

menzahirkan rasa bangga dan berpuas hati dengan pencapaian TDDDB dalam setiap aspek, terutamanya kecekalan dan semangat berpasukan yang teguh, khususnya dalam menangani pandemik COVID-19.

Beliau juga turut melahirkan harapan agar TDDDB akan terus kekal utuh dan kredibel dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan di bawah tampuk pemerintahan yang baharu dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pemerintah TDDDB yang baharu serta mendoakan agar beliau sentiasa dikurniakan petunjuk dan pandangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang baharu.

Majlis diteruskan lagi dengan penandatanganan Sijil Serah Terima Tugas Pemerintah TDDDB serta penyerahan Tongkat Kepimpinan Pemerintah TDDDB antara mantan Pemerintah TDDDB dan Pemerintah TDDDB yang baharu, yang melambangkan penyerahan tugas sebagai Pemerintah TDDDB secara rasmi.

Selaku Pemerintah TDDDB yang baharu, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir turut menyampaikan ucapan perasmian sebagai Pemerintah TDDDB yang ke-12.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pemerintah TDDDB atas kepimpinan beliau yang bijaksana dalam menerajui TDDDB semenjak 1 Ogos

2020.

Beliau menekankan kerjasama yang sedia ada memberikan beliau keyakinan yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab dan menekankan komitmen yang menyeluruh dalam mencapai visi dan misi TDDDB.

Beliau seterusnya memperingatkan semua peringkat anggota untuk mempertahankan ketaatsetiaan, disiplin, kesiapsiagaan dan sekuriti organisasi dengan kredibiliti dan kepimpinan yang sedia ada.

Majlis diteruskan dengan jamuan di Mes Pegawai Berakas Garrison dan diakhiri dengan Doa Penutup, bergambar ramai juga penandatanganan lembaran kenangan oleh mantan Pemerintah TDDDB dan Pemerintah TDDDB yang baharu.



UNISSA lancar Protokol Hijau, Eco Campus Sinaut



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan acara perasmian Protokol Hijau dengan penanaman 100 anak pokok, yang terdiri daripada berbagai jenis pokok buah-buahan, termasuk juga daripada jenis pokok bunga hiasan, yang berlangsung di Kampus UNISSA Sinaut, dihadiri oleh Rektor UNISSA selaku tetamu kehormat (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

TUTONG, Rabu, 2 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini mengadakan acara perasmian Protokol Hijau dengan penanaman 100 anak pokok, yang terdiri daripada berbagai jenis pokok buah-buahan, termasuk juga daripada jenis pokok bunga hiasan, yang berlangsung di Kampus UNISSA Sinaut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, yang seterusnya merasmikan acara

Protokol Hijau dan Eco Campus Sinaut, UNISSA.

Acara diteruskan dengan perasmian Projek Eco Campus Sinaut, UNISSA yang dikendalikan oleh Halalan Thayyiban Student Society, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban.

Projek dilaksanakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, di bawah kluster projek kemasyarakatan.

Projek Eco Campus Sinaut

merupakan inisiatif persatuan pelajar bukan sahaja untuk melestarikan alam sekitar, malah bertujuan untuk mendidik jiwa pelajar dalam menjaga kepentingan penanaman pokok di kawasan terpilih.

Aktiviti mengindahkan landskap, menghias kampus dengan menggunakan barang terpakai adalah sebahagian daripada kreativiti pelajar, di samping pendedahan semangat suka-relawan juga cintakan kepada alam sekitar.

Projek ini juga mendukung garis panduan Protokol Hijau yang



dilancarkan oleh Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam juga memenuhi kehendak Sustainable Development Goals (SDGs) yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Green Landscape and Infrastructure di bawah matlamat Climate Action.

Pelaksanaan projek ini diketuai oleh Penolong Pensyarah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA, Dayang Raihana binti Mohd. Raffi.

Projek ini juga menerima sumbangan barang-barang terpakai daripada orang ramai seperti tayar, tray telur, kotak, surat khabar juga botol plastik, yang bertujuan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar, selain mengurangkan penggunaan bahan mentah baharu.

Turut menyaksikan acara tersebut, Pemangku Timbalan Rektor, Dr. Arman bin Haji Asmad; Penolong-penolong Rektor; para Pegawai Utama juga tenaga akademik UNISSA.

PELANCARAN LAMAN SESAWANG BAHARU UNISSA



REKTOR UNISSA menyampaikan Insentif bagi pelajar yang mengharumkan nama UNISSA pada tahun 2021 dengan penglibatan dalam pertandingan di antara Institusi Pengajian Tinggi peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Sambutan

Israk dan Mikraj 1443H / 2022M yang diselenggarakan dengan Pelancaran Laman Sesawang Baharu UNISSA dan penyampaian

Insentif kepada pelajar yang mengharumkan nama UNISSA bagi tahun 2021, berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Terhindar Daripada Bala dan diteruskan dengan Forum Khas, bertajuk 'Sembahyang Ku Kerana Allah'.

Pengisian forum tersebut menampilkan ahli panel, terdiri daripada pelajar UNISSA iaitu pelajar Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Awang Haji Ahmad Zaki bin Haji Awang Antin; dan pelajar Fakulti Teknologi Islam, Awang Muhammad Firdaus bin Sait, manakala Moderatornya pula ialah pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awang Muhammad Wa'al Shafizullah bin Abdul Rahman.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada forum berkenaan adalah bahawa anugerah Allah dalam kefarduan sembahyang itu mempunyai rahsia yang mempunyai signifikan dengan



PELANCARAN Laman Sesawang Baharu UNISSA disempurnakan oleh Rektor UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

kehidupan manusia itu sendiri.

Sembahyang itu mampu mempengaruhi keperibadian seseorang dan umat masyarakat dalam mencorak kehidupan yang baik dan sempurna.

Sifat ikhlas dan istiqamah perlu ada dalam melaksanakan tuntutan sembahyang agar ibadah ini menjadi pengukuh kepada ibadah-ibadah yang lain dalam membentuk generasi yang bertakwa.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan Sambutan Israk Mikraj peringkat UNISSA dan

sekali gus untuk meningkatkan kefahaman juga pengetahuan tentang isi forum yang disampaikan.

Majlis ini juga sebagai latihan kepada pelajar dalam meningkatkan keyakinan dan kemahiran bercakap di hadapan orang ramai untuk mempersiapkan mereka untuk menempuh alam pekerjaan nanti.

Majlis tersebut diteruskan dengan Pelancaran Laman Sesawang Baharu UNISSA dan Penyampaian Insentif bagi pelajar yang mengharumkan nama UNISSA pada tahun 2021 dengan penglibatan dalam pertandingan di antara Institusi Pengajian Tinggi peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa yang disempurnakan oleh Rektor UNISSA.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.



AHLI panel, terdiri daripada pelajar UNISSA, iaitu pelajar Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Awang Haji Ahmad Zaki bin Haji Awang Antin; dan pelajar Fakulti Teknologi Islam, Awang Muhammad Firdaus bin Sait, manakala moderatornya ialah pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awang Muhammad Wa'al Shafizullah bin Abdul Rahman.

Kulinari tempatan ke arah standard antarabangsa



KEMENTERIAN Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Restoran Cloudstreet, Singapura menganjurkan Bengkel Gastronomi Brunei, dengan menjemput Penerima anugerah Michelin-Guide Young Chef 2021 dari Restoran Cloudstreet, Singapura, Cef Mark Tai sebagai pengajar khas pada bengkel secara maya tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan

kerjasama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Restoran Cloudstreet, Singapura menganjurkan Bengkel Gastronomi Brunei buat julung

kalinya diadakan secara maya bersempena dengan Minggu Gastronomi Brunei 2022, baru-baru ini.

Bengkel ini merupakan inisiatif

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

baharu untuk menawarkan peluang kepada pelajar kulinari dan juga cef muda untuk belajar dan meningkatkan kemahiran masakan mereka dengan belajar daripada cef terkenal antarabangsa.

Seramai 17 peserta, terdiri daripada pelajar IBTE dan cef muda telah menyertai bengkel secara maya melalui aplikasi Zoom, di mana dibantu oleh IBTE.

Penerima anugerah Michelin-Guide Young Chef 2021 dari Restoran Cloudstreet, Singapura, Cef Mark Tai dijemput sebagai pengajar khas melalui bengkel secara maya tersebut.

Sebagai penerima Anugerah Cef Muda, sebaik saja penganugerahan diberikan dan memetik kata-kata Cef Mark Tai kepada semua cef muda yang hadir, "Persevere, work hard, and see the world now, if you can".

Para peserta telah diberikan peluang untuk menyaksikan dan memasak bersama Cef Mark Tai cara-cara untuk membuat French Poulet dengan Spiced Turnip : (A twist on Buttermilk Chicken) kepada standard *fine-dining*.

Sepanjang bengkel secara maya itu, Cef Mark Tai mengongsikan kepada peserta teknik masakan asas dan kemahiran kulinari seperti inspirasi di sebalik ciptaan sebuah hidangan, petua dan cara di dapur bagi cef yang bercita-cita serta yang paling penting ialah bagaimana untuk menghidangkan makanan di pinggan.

Cef Mark Tai berminat untuk menjadi sebahagian daripada kerjasama di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan dan IBTE School of Hospitality and Tourism sebagai satu tindakan kepada setiap cef di negara ini, yang mempunyai kreativiti yang boleh mencetuskan positif untuk masakan tempatan.

Dengan bengkel ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kreativiti para peserta dan melihat bahan-bahan menjadi lebih daripada satu dimensi.

Persembahan masakan daripada Cef Mark Tai ini diharapkan dapat mencetuskan idea-idea baharu dan membantu mendorong kulinari di negara ini ke arah standard antarabangsa.

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Iklan
Jawatan Kosong



Talian Whatsapp
Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEMBANTU JURURAWAT M.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2022/FEB/09	OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	02	7(A)	12 MAC 2022
2. MERINYU BANDARAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/FEB/15	JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	12 MAC 2022
3. PENOLONG PENAKSIR TANAH D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/FEB/16	JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	12 MAC 2022
4. KERANI / PENJALAN DDE D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/FEB/18	JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	12 MAC 2022
5. PEMANDU F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2022/FEB/17	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	09	7(A)	12 MAC 2022
6. JURUTERA SISTEM B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/FEB/19	PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	14 MAC 2022
7. PENGANALISA SISTEM B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/FEB/20	PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	14 MAC 2022
8. TIMBALAN PENERUSI LEMBAGA BANDARAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2022/FEB/24	JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	38(A)	14 MAC 2022

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
BIL. 08 / 2022

TAWARAN PERKHIDMATAN
PEBERSIHAN PEJABAT POS
OFIS SERIA DAN RUMAH
TRANSIT MUMONG DI BAWAH
KAWALAN JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
22 Mac 2022,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2021 / SH-17 (R)

TAWARAN BAGI
THE PREPARATION FOR THE
IMPLEMENTATION OF ISO/IEC
27001:2013 INFORMATION
SECURITY MANAGEMENT
SYSTEM (ISMS) FOR BRUNEI
DARUSSALAM
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT

Tarikh Tutup :
Rabu,
30 Mac 2022,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

BAHAGIAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bil. Sebut Harga :
105 / KHEU / BTM / 2 / RFQ /
2021

Tajuk Sebut Harga :
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
A3 AND A4 PRINTERS FOR
VARIOUS DEPARTMENTS OF
MINISTRY OF RELIGIOUS
AFFAIRS, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bil. Sebut Harga :
106 / KHEU / BTM / 2 / RFQ /
2021

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY AND DELIVERY OF
ID CARD PRINTER AND
CONSUMABLES FOR
DEPARTMENT OF ISLAMIC
RELIGIOUS COUNCIL
MINISTRY OF RELIGIOUS
AFFAIRS

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 6 April 2022,
Jam 2.00 Petang



JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
JMK / JKTT / 2022-23 / 003

Tajuk Sebut Harga:
MENCETAK BUKU FATWA
MUFTI KERAJAAN 2021,
JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Sebut Harga :
JMK / JKTT / 2022-23 / 004

Tajuk Sebut Harga:
MENCETAK BUKU ISU-ISU
KEWANGAN 2,
JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu, 12 Mac 2022,
Jam 2.00 Petang



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH BESAR
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

BCY / CP / 85 / 2007

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

Nama Penghutang – ZAINUDDIN
BIN HAJI AHMAD ZAINI [ID No.:
00-071561] **Alamat –** No.39,
Simpang 162, Rancangan
Perumahan Negara, Kampung
Mentiri, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor –**
Kebankrapan No 85 – 2007
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 72.35%. **Pertama atau**
terakhir selainya – Pertama Bila
Kena dibayar - 29 Disember 2021.
Dimana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 22 Januari 2022

**NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

BCY / CP / 164 / 2018

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

Nama Penghutang – HJ
ROSLIMAN BIN HJ USOP [ID No.:
00-255058] **Alamat –** No.9,
Simpang 38, Jalan Bukit
Pandayan, Perumahan Kg.
Panchor, Mengkubau, Negara
Brunei Darussalam. **Nombor –**
Kebankrapan No. 164 – 2018.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 16.68%. **Pertama atau**
terakhir selainya – Pertama Bila
Kena dibayar - 23 Disember 2021.
Dimana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 22 Januari 2022

**NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

BCY / CP / 207 / 2010

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

Nama Penghutang –
NORHAWATI BINTI OMAR [ID No.:
00-253715] **Alamat –** No.10,
Simpang 287, Jalan Kemangsi
Timur BT2728, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor –**
Kebankrapan No. 207 – 2010.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 0.09158%. **Pertama atau**
terakhir selainya – Pertama Bila
Kena dibayar - 6 Disember 2021.
Dimana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar,
Jalan Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh : 22 Januari 2022

NURUL HIDAYAH

BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

BCY / CP / 151 / 1998

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

Nama Penghutang – AWANG
HAMDANI BIN AWANG
HAMIDDUN [ID No.: 00-067327]
Alamat – C/O Senior Traffic Agent,
Royal Brunei Airlines, Bandar Seri
Begawan, No.39, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor –**
Kebankrapan No. 151 – 1998.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 62.82%. **Pertama atau**
terakhir selainya – Pertama Bila
Kena dibayar - 29 Disember 2021.
Dimana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 22 Januari 2022

**NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

BCY/CP/189/2010

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

Nama Penghutang – HAJI MOHD
EFENDY BIN HAJI ABD SAMAD
[ID No.: 00-112000] JD2. **Alamat –**
No.5, Simpang 132, Kg. Sungai
Akar, Negara Brunei Darussalam.
Nombor – Kebankrapan No. 189
– 2010. Banyaknya bagi tiap-tiap
satu ringgit – 85.78%. **Pertama**
atau terakhir selainya – Pertama
Bila Kena dibayar - 2 Februari
2022. Dimana Kena Bayar –
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh : 2 Februari 2022

**NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

BCY / CP / 144 / 1998

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA**

Nama Penghutang – YEO TIONG
BOON [ID No.: 00-007469] **Alamat**
– No.6, Simpang 56, Kg. Beribi,
Jalan Gadong, Bandar Seri
Begawan, BE1118, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor –**
Kebankrapan No. 144 – 1998.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 19.46%. **Pertama atau**
terakhir selainya – Pertama Bila
Kena dibayar - 27 Januari 2022.
Dimana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 27 Januari 2022

**NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

BCY / CP / 282 / 2013

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN KEDUA**

>> Muka 30

>> Muka 29

Nama Penghutang – PG FARIDAH BINTI PG HJ SHAMSUDDIN [ID No.: 00-129149] **Alamat** – No.699, Kampung Masin, Jalan Mulaut, BH2723, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 282 – 2013. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 30.05%. **Pertama atau terakhir selainya** – Kedua **Bila Kena dibayar** - 29 Disember 2021. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 22 Januari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

BCY / CP / 146 / 2010

NOTIS MENGENAI DIVIDEN KEDUA

Nama Penghutang – ALADIN BIN ABD KARIM [ID No.: 00-077838] **Alamat** – No.126I, Kg. Tarap Bau BSB, BJ2124, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 146 – 2010. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 0.0784%. **Pertama atau terakhir selainya** – Kedua **Bila Kena dibayar** - 27 Januari 2022. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 27 Januari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Brunei Darussalam
BCY / CP / 248 / 2010

NOTIS MENGENAI DIVIDEN KEDUA

Nama Penghutang – ZULAINI BIN MOHD JAYA [ID No.: 00-129839] **Alamat** – BLOK E, G39, Perumahan Barek Bomba Penerbangan Awam, Jalan Terunjing Lama, Kg. Serusop, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 248 – 2010. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 80.63%. **Pertama atau terakhir selainya** – Kedua **Bila Kena dibayar** - 2 Februari 2022. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 2 Februari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

BCY / CP / 106 / 1998

NOTIS MENGENAI DIVIDEN KEDUA DAN TERAKHIR

Nama Penghutang – HAJI ABD AZIZ BIN HAJI ABD RAHMAN [ID No.: 00-079323] **Alamat** – Lot: 4865, Jln. Setia Pahlawan, Kuala Belait, KA1931, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 106 – 1998. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 100%. **Pertama atau terakhir selainya** – Kedua dan Terakhir **Bila Kena dibayar** - 2 Februari 2022. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 2 Februari 2022

NURUL HIDAYAH

BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

BCY / CP / 26 / 2006

NOTIS MENGENAI DIVIDEN KEDUA DAN TERAKHIR

Nama Penghutang – JAPAR BIN HJ IBRAHIM [ID No.: 00-067391] **Alamat** – No.80K, Kg. Bolkiah 'A', Perumahan Buang Sakar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 26 – 2006. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 100%. **Pertama atau terakhir selainya** – Kedua dan Terakhir **Bila Kena dibayar** - 2 Februari 2022. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 2 Februari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

BCY / CP / 10 / 2007

NOTIS MENGENAI DIVIDEN TERAKHIR

Nama Penghutang – MOHD ZAIDI BIN HJ ABU BAKAR [ID No.: 00-115894] **Alamat** – No.6, Simpang 415-55, RPN Kg. Tanah Jambu, Jalan Wasai Limuru, Jalan Bukit Kebun, Mukim Mentiri, BU1129, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 10 – 2007. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 100%. **Pertama atau terakhir selainya** – Terakhir **Bila Kena dibayar** - 2 Februari 2022.

Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 2 Februari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

BCY / CP / 235 / 2007

NOTIS MENGENAI DIVIDEN TERAKHIR

Nama Penghutang – MAT SALLEH BIN HAJI SABLI [ID No.: 00-039632] **DECEASED** **Alamat** – No.7, Simpang 93-47-5, RPN. Kg. Pandan, Kuala Belait, KA 1913, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 282 – 2013. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 9.08%. **Pertama atau terakhir selainya** – Terakhir **Bila Kena dibayar** - 27 Januari 2022. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 27 Januari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

BCY / CP / 181 / 2007

NOTIS MENGENAI DIVIDEN TERAKHIR

Nama Penghutang – MOHAMMAD KHAIRUDDIN BIN MOHD NOOR [ID No.: 00-256451]

Alamat – No.42, Simpang 637-35-44, STKRJ Kampung Lambak Kiri, BB1114, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 181 – 2007. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 100%. **Pertama atau terakhir selainya** – Terakhir **Bila Kena dibayar** - 18 Disember 2021. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 22 Januari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

BCY / CP / 338 / 2001

NOTIS MENGENAI DIVIDEN TERAKHIR

Nama Penghutang – SITI SALAMIAH BINTI ABDUL GHANI [ID No.: 00-255324] **Alamat** – No.98, Kampung Wasan, Jalan Limau Manis, BH2523, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** – **Kebankrapan** No. 338 – 2001. **Banyaknya** bagi tiap-tiap satu ringgit – 75.55%. **Pertama atau terakhir selainya** – Terakhir **Bila Kena dibayar** - 27 Januari 2022. **Dimana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 27 Januari 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KES NO. BCY / CP / 161 / 2020

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyon

HERWAN BIN HAJI OMAR
(BYIC No.: 00-257140)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Jun 2021.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat Bawah, (Court 2)** Mahkamah Besar pada **28 Februari 2022, jam 10.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **28 Februari 2022, jam 10.30 pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 2 Februari 2022

MOHAMMAD MARZUKI BIN SABTU

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 213 / 2017

BAIDURI FINANCE BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyon

MOHD ZAINI BIN HAJI HIDOP
(BYIC NO.: 00-072656)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 9 September 2017.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1)** Mahkamah Besar pada **10 Februari 2022 jam 10.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **10 Februari 2022 jam 10.30 pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau

wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 29 Januari 2022

MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 30 / 2021

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyon

MOHAMMAD ABU SHAHREEL B. YACOB
(BYIC No.: 00-298883)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 Julai 2021.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah**

Besar pada 10 Februari 2022, jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **10 Februari 2022, jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 29 Januari 2022

MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

MEMPERINGATI PERISTIWA ISRAK, MIKRAJ



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Muhd. Noor dalam Ceramah Khas bersempena Sambutan Israk dan Mikraj.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Peristiwa Israk dan Mikraj yang terjadi pada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah menguji akal fikiran dan iman manusia. Menyentuh mengenai soal iman itu bahawa kepercayaan tidak boleh dinilai dengan akal logik manusia.

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Muhd. Noor dalam Ceramah Khas bersempena Sambutan Israk dan Mikraj, baru-baru ini, seterusnya menerangkan, bahawa sejarah peristiwa agung yang terjadi kepada Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kira-kira pada tahun 621

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Masihi.

Anugerah Allah Subhanahu Wata'ala itu terjadi kepada Baginda adalah bagi memberikan ketenangan kepada Rasulullah berikutan kewafatan insan-insan yang Baginda kasihi, iaitu isteri dan bapa saudaranya, dan tahun itu juga dinamakan 'Aamun Hazan.

Pada ceramah yang berlangsung di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah itu, Awang Haji Suhaimi, seterusnya menyatakan Peristiwa Israk dan Mikraj Baginda itu hanya mengambil masa satu malam sahaja dari perjalanan Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dan seterusnya, iaitu Mikraj dari Masjidil Aqsa ke Sidratulmuntaha.

Justeru, beliau menambah, peristiwa ini menunjukkan material dalam bergerak sangat berbeza-beza. Ada yang cepat melebihi yang lainnya dan ada pula yang terlalu cepat atau laju hingga manusia tidak dapat memikirkan, kalau perjalanan itu atas kehendak Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebelum mengakhiri ceramahnya, beliau juga menyentuh mengenai sembahyang yang disyariatkan berikutan peristiwa itu dan ia juga berkaitan dengan iman dan dari itu, sembahyang merupakan ibadah yang utama.

Dalam situasi kita sekarang menghadapi pandemik yang melanda dunia termasuk di negara kita ini pun juga menyentuh akan tentang iman kita kerana



ANTARA yang hadir mendengarkan Ceramah Khas, yang berlangsung di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenaan.

sebilangan manusia mengeluarkan perkataan-perkataan seakan menyalahkan tuhan, para profesional dan sebagainya, penyakit yang tidak berhenti, usaha yang sia-sia dan bermacam lagi.

Bukan itu sahaja, isu agama juga dibangkitkan, seperti tidak dibenarkan ke masjid, saf yang dijarakkan dan lainnya.

Namun semua itu, kita sebagai orang biasa juga bergantung

kepada para pakar atau ahli ilmu perubatan dan keputusan mereka adalah wajar dihormati demi kesejahteraan dan keselamatan bersama terutama dalam masalah *daruriah*.

BruROSA anjur Majlis Khatam Al-Quran sempena HK NBD Ke-38



PERSATUAN BruManch; Persatuan EdinBru; Persatuan BruNotts; dan Persatuan BruSton bersama dengan Persatuan BruROSA menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-38, Tahun 2022 secara maya melalui aplikasi Zoom.

UNITED KINGDOM, Jumaat, 4 Mac. - Persatuan Brunei-Manchester (BruManch); Persatuan Brunei-Edinburgh (EdinBru); Persatuan Brunei-Nottingham (BruNotts); dan Persatuan Brunei-Southampton (BruSton) bersama dengan Persatuan Pelajar Pegawai Pegawai Agama Brunei (BruROSA) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-38, Tahun 2022 secara maya melalui aplikasi Zoom.

Seramai 67 pelajar dari pelbagai persatuan dari empat wilayah-wilayah United Kingdom (UK), iaitu Scotland, Midlands, Northern dan Southern UK menyertai acara tersebut.

Acara turut disertai oleh Unit

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Pelajar Pegawai-Pegawai Agama Brunei

Penuntut-Penuntut (UPP) dan menjemput Pegawai Agama UPP, Awang Haji Muhammad Fahmi bin Haji Abbas selaku tetamu kehormat.

Majlis dianjurkan, antara lain untuk menggalakkan pelajar-pelajar mengamalkan tabiat membaca Al-Quran dan mendalami pemahaman tentang agama Islam.

Tambahan pula, acara juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan silaturahim di antara pelajar-pelajar Brunei, di seluruh UK dan Eire.

BruROSA merupakan persatuan pegawai-pegawai agama dari seluruh persatuan-persatuan Brunei di UK dan Eire, yang menangani kebajikan agama semua pelajar Brunei yang belajar,

di UK dan Eire.

Pada masa ini, BruROSA mempunyai 14 ahli jawatankuasa eksekutif dan 30 pegawai agama.

Selain Majlis Khatam Al-Quran, BruROSA turut menganjurkan pelbagai acara tahunan, seperti Kem Ibadah, Open Mic Competition, Unsung Heroes, Outreach Tour juga Pertandingan Fotografi dan Penulisan.

Pada masa akan datang, BruROSA sangat berharap untuk menganjurkan lebih banyak acara keagamaan yang dapat memberi manfaat kepada para pelajar secara rohani juga meningkatkan peluang rangkaian untuk pelajar Brunei yang belajar di UK dan Eire.

Mempersiapkan diri dalam kehidupan universiti

Siaran Akhbar : Persatuan Kemajuan Insan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Seramai 65 peserta daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam seperti Laksamana College of Business (LCB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) menyertai Webinar bertajuk 'Student Survival Guide' anjuran Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), baru-baru ini.

Webinar yang dipimpin oleh Presiden organisasi berkenan, Muhammad Najib bin Haji Latif ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar bagi mempersiapkan diri mereka dengan lebih baik untuk kehidupan universiti.

Dalam mencerminkan pengalaman beliau semasa berada di universiti, Muhammad Najib memfokuskan kepada beberapa aspek yang merangkumi bagaimana untuk menguruskan sistem penjadualan yang betul, bagaimana untuk bekerjasama dalam kumpulan dan langkah penting dalam menyiapkan diri sebelum berhadapan dengan pekerjaan.

Webinar tersebut telah diterima dengan baik oleh ramai peserta dan ada yang telah menekankan bahawa pengetahuan yang diperoleh semasa Webinar memberi manfaat kepada mereka untuk mempersiapkan diri dengan lebih baik semasa di universiti.

"Secara peribadi, program ini mengasah saya memberi jawapan kepada semua soalan dan memenuhi objektif, suasana program sangat menyenangkan dan menarik serta penceramah memberi kata-kata semangat kepada kami," kata salah seorang peserta, Dayang Nur Shodiqah binti Mohd. Suaib.

Sebahagian peserta juga menekankan bahawa mereka memperoleh kemahiran menjangkau kehidupan universiti.

"Ia merupakan satu program interaktif dan pengetahuan yang disampaikan bukan sahaja memberi manfaat semasa kehidupan di universiti bahkan juga selepas tamat pengajian," kata salah seorang lagi peserta, Dayang Nur Zulfaa Insyirah binti Dzulkifli.

Sebagai susulan kepada Webinar ini, Persatuan KESAN menawarkan pelajar untuk menyertai program mentor di bawah 'Catalyst', di mana mereka akan di bawah bimbingan mentor KESAN. Program ini juga distrukturkan dengan aktiviti bulanan untuk menyokong dan membangunkan lagi keupayaan pelajar.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai acara dan program akan datang, sila ikuti media sosial Instagram mereka @persatuan_kesan.



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Tawbah, ayat 36 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah 12 bulan (Qamariyah) dalam kitab (ketetapan) Allah ketika Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati.

Menjana ketakwaan di bulan Syaaban

Yang demikian itulah (ketetapan) agama yang lurus. Maka janganlah kamu menganiayai diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya). Dan perangilah orang-orang Musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertakwa".

Syaaban adalah bulan kelapan dalam takwim Hijrah. Syaaban ertinya berpecah atau bercerai-berai. Dinamakan demikian kerana ia sebagai pemisah iaitu memisahkan di antara bulan Rejab dan bulan Ramadan.

Sesungguhnya bulan Syaaban merupakan antara bulan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Di antara keistimewaan yang ada pada bulan ini adalah amalan seluruh manusia diangkat dan dihadapkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka sewajarnya di sepanjang bulan Syaaban ini, kita mempertingkatkan amalan diri dengan sentiasa melakukan amalan ibadah dan juga amalan kebajikan.

Daripada Usamah bin Zaid Radiallahuanha, beliau berkata : "Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di dalam bulan Syaaban? Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Tuhan semesta alam, maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa". (Hadis Riwayat Imam an-Nasaie)

Antara amalan-amalan yang digalakkan untuk kita melakukannya dalam bulan Syaaban ini adalah :

Pertama : Memperbanyak puasa sunat. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila berada di bulan Syaaban, Baginda gemar berpuasa sunat lebih banyak jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain. Dicapai Aisyah Radiallahuanha, dia telah berkata :

Maksudnya : "Dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sunat dalam sebulan lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Kedua : Bertaubat dan beristighfar. Sesungguhnya perintah taubat dan istighfar itu bukan hanya bagi orang yang berbuat maksiat dan berbuat dosa, malah kita semua adalah dituntut untuk sentiasa bertaubat dan beristighfar.

Ketiga : Memperbanyak zikir dan doa. Zikir adalah ucapan yang dilakukan dengan lidah ataupun mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan hati, ucapan dan ingatan zikir atau berzikir itu adalah perintah Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berzikir dan beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala setiap hari sebanyak 100 kali. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, iaitu daripada Abu Hurairah Radiallahuanha Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya aku memohon ampun kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya sehari 100 kali".

Begitu juga dengan perkara doa. Ingatlah, bahawa doa itu boleh dilakukan tanpa mengira tempat dan masa. Sesungguhnya doa itu ialah memohon sesuatu hajat ataupun

perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan cara merendahkan diri dan tawaduk kepada-Nya.

Apabila tiba saja bulan Syaaban, antara perkara yang sering kali terjadi ialah sesetengah kita yang masih berhutang puasa akan bergegas-gegas untuk mengqada puasa di bulan ini.

Oleh yang demikian, sekiranya kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum lagi qada, maka qadalah hutang-hutang puasa itu semasa kita masih mampu, sihat dan bertenaga sebelum tibanya bulan Ramadan.

Perlu diingat, bahawa perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang Ramadan yang berikutnya adalah berdosa dan diwajibkan ke atasnya mengqada puasa tersebut dan membayar fidyah, kecuali orang-orang yang benar-benar tidak berdaya mengerjakannya seperti orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh maka mereka tidak diwajibkan mengqada puasa yang ditinggalkan itu, akan tetapi mereka wajib membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkannya itu.

Akhirnya, marilah kita sama-sama sentiasa berusaha mempertingkatkan amalan ibadah dan amalan kebajikan di bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya". (Surah Al-Kahf, ayat 30)

KUKUH KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



PUSAT Kajian Fiqh Al-Ushrah dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, dan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mengadakan sebuah diskusi ilmiah secara dalam talian sempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022 dan Sambutan Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj bagi tahun 1443H / 2022M.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-38, Tahun 2022 dan Sambutan Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj bagi tahun 1443H / 2022M ini, Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, dan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan sebuah diskusi ilmiah secara dalam talian.

Nadwah Ilmiah tersebut membincangkan pengajaran dan penghayatan Peristiwa Israk dan

Mikraj dari Kitab Turath 'Kifayatul Muhtaj', karangan Syekh Daud Fathani berkenaan penerapan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah dalam institusi keluarga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adnan bin Haji Basar.

Ahli panel terdiri daripada Pensyarah KUPU SB, iaitu Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Dr. Haji Harapandi Dahri; Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Haji Mohammad Azmi bin Haji Omar; dan Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, Hilman bin Haji Salim.

Manakala Moderator ialah

Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Mulok.

Menurut Dr. Harapandi, di dalam Kitab Turath tersebut, ada menyatakan Peristiwa Israk dan Mikraj yang merujuk kepada Al-Quran dan hadis juga qaul para sahabat dan ulama.

Kitab tersebut tidak bercanggahan dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, malahan di dalam kitab tersebut juga ada dinyatakan akan kebaikan dan pahala bagi orang bertasbih serta hikmah, akan perjalanan tersebut, seperti kebaikan sembahyang.

Sembahyang diperintahkan oleh Allah kepada Baginda yang diwajibkan kepada umat Baginda. Antara hikmah melakukan sembahyang ialah terbebas daripada perilaku yang tidak baik dan menghapuskan dosa dan khilaf. Sembahyang juga memberikan ketenangan dan ketenteraman jiwa bagi pelakunya.

Manakala Haji Mohammad Azmi menjelaskan, daripada perspektif akidah Ahli Sunnah Waljamaah, Israk dan Mikraj adalah mukjizat dan ia wajib dipercayai dan diimani. Mukjizat yang akal fikiran tidak mampu menjangkau. Diangkat-Nya Rasulullah adalah untuk mengagungkan Allah dan mensabitkan sembahyang.

Selain itu, Mikraj bermaksud agar kita mengimani akan 20 sifat Allah dan pentingnya memahaminya. Beliau juga menasihati perlunya berhati-hati dalam memilih kitab-kitab yang muktabar yang menjelaskan kisah perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini. Perlunya merujuk kepada buku hadis yang sahih, antaranya seperti sahih Muslim, Imam Nawawi dan Ibn Qayyim.

Manakala Hilman pula menerangkan terdapatnya nilai-nilai akidah dan keimanan yang boleh diambil dan diterapkan dalam institusi kekeluargaan daripada peristiwa tersebut kerana ia memberikan pengajaran dalam pembentukan keluarga yang sakinah, soleh dan bertakwa.

Menurutnya, secara umum, untuk mentarbiah para anak remaja, ibu bapa harus menanamkan nilai-nilai keimanan, nilai-nilai ibadah serta nilai-nilai penyucian dan penyerahan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelasnya lagi, nilai keimanan adalah seperti beriman kepada kewujudan dan kekuasaan Allah, beriman kepada Al-Quran, nabi-nabi, kebenaran hari kiamat dan beriman kepada Qada dan Qadar Allah. Nilai-nilai ketekunan adalah seperti beribadah, mendirikan sembahyang, suka

berinfak dan bersedekah, taat kepada perintah dan meninggalkan segala yang ditegah, umpamanya zina, berlaku zalim, mengumpat dan mengambil hak orang lain.

Dari sudut yang lain pula, ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak dengan nilai-nilai ketakwaan, penyerahan diri kepada Allah, terutama ketika ditimpa musibah atau pelbagai perkara yang meresahkan dan menakutkan. Maka dengan ini, kita akan mampu mencalak sebuah keluarga yang sakinah, mawaddah dan warahmah di bawah petunjuk Allah.

Tegasnya, mulalah mengajarkan kepada anak-anak agar sentiasa berserah kepada Allah kerana hanya kepada-Nya tempat sebaik mengadu. Berikan perhatian terhadap anak-anak dalam perkara penyucian hati, iaitu dengan mengambil iktibar akan kisah Baginda Rasulullah, juga didiklah anak agar sentiasa bersikap baik, ikhlas, reda dan biasakan bersedekah.

Turut hadir pada majlis tersebut, para pegawai utama, kakitangan, mahasiswa / i KUPU SB, para jemputan dan orang ramai.

Objektif Nadwah Ilmiah ini diadakan selain untuk menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-38, ia juga adalah bagi mengukuhkan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dalam kalangan masyarakat dan mahasiswa / i KUPU SB, terutama dalam perkara yang berkaitan pegangan aqidah melalui Peristiwa Israk dan Mikraj.

Selain itu, mendedahkan kepentingan menghidupkan karya-karya Turath ulama silam yang muktabar dalam memahami nas-nas agama.

Ia juga diharapkan dapat membarigakan kepentingan keluarga sebagai sebuah institusi pendidikan yang berperanan dalam membentuk sahsiah yang soleh dan muhsin berlandaskan pegangan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah.

MENJANA KETAQWAAN DI BULAN

شعبان

BULAN SYA'BAN

- ★ Bulan ke-8 dalam taqwim hijrah
- ★ Sya'ban ertinya berpecah atau bercerai-berai
- ★ Pemisah di antara bulan Rejab dan bulan Ramadhan.
- ★ Mempertingkatkan amalan diri

APAKAH AMALAN YANG BOLEH KITA HIDUPKAN KETIKA DI BULAN SYA'BAN?

- 1 Memperbanyak puasa sunat
- 2 Bertaubat dan beristighfar
- 3 Memperbanyak zikir dan doa

APAKAH YANG PERLU DIBUAT KETIKA MASIH MEMPUNYAI PUASA YANG BELUM LAGI DIQADHA?

Tunaikan puasa qadha ketika masih mampu,
sihat dan bertenaga sebelum tibanya bulan ramadhan



BKN PATAHKAN SINDIKET DADAH ICE SIBLING



BIRO Kawalan Narkotik (BKN) merampas dadah jenis syabu seberat 110.60 gram.

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Dua lelaki warga tempatan, berumur 43 dan 55 tahun, yang merupakan pembekal dadah jenis syabu kepada pengedar-pengedar di negara ini berjaya diberkas oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam operasi yang dijalankan pada akhir

Januari hingga 19 Februari 2022. Operasi ini adalah kesinambungan kepada Operasi Ice Sibling yang dijalankan sejak Disember 2021 dan awal Januari 2022 yang melibatkan tangkapan terhadap sindiket pengedaran dadah adik-beradik di kawasan



TURUT dirampas adalah beberapa buah kenderaan.

Daerah Brunei dan Muara, dan Daerah Belait.

Hasil dari siasatan dan pemerhatian BKN mendapati kedua-dua tangkapan ini merupakan pesaing kepada sindiket dua orang adik-beradik tersebut dan mereka didapati sering melakukan perjalanan melalui perairan Brunei ke negara jiran secara haram untuk mendapatkan bekalan dadah.

Dalam operasi susulan yang dijalankan, seramai 40 orang, iaitu 32 lelaki dan lapan perempuan berjaya ditahan dan mereka merupakan penjual dadah kecil-kecilan berserta pelanggan-pelanggan mereka.

Operasi tersebut dijalankan di sembilan buah lokasi di Daerah Brunei dan Muara, iaitu Kampung Selayun; RPN Meragang; Kampung Rimba; STKRJ Perpindahan Lambak Kiri; Perumahan Sungai Bunga; Kampung Lambak; Kampung Madang; Kampung Terunjing Baru; dan Kampung Jerudong.

Secara keseluruhan, BKN merampas dadah jenis syabu seberat 110.60 gram, wang tunai yang dipercayai hasil penjualan dadah berjumlah BND8,858 dan alat-alat perkakas untuk menghisap dadah. Turut dirampas adalah enam buah kenderaan, sebuah skuter, dua buah perahu berserta enjin dan trailer.

Kesemua tangkapan akan disiasat, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 dan Perintah Mendapatkan Kembali Hasil Jenayah 2012.

BKN akan sentiasa memantau situasi dadah di negara ini dan tindakan yang tegas tanpa kompromi akan diambil kepada sindiket-sindiket pengedaran dadah yang sedang dan hendak bertapak di negara ini.

Di kesempatan ini juga BKN ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada agensi-agensi perisikan keselamatan dan penguatkuasaan di negara ini atas bantuan dan kerjasama yang diberikan ke arah menjayakan operasi ini.



DUA lelaki warga tempatan, berumur 43 dan 55 tahun, yang merupakan pembekal dadah jenis syabu kepada pengedar-pengedar di negara ini berjaya diberkas oleh BKN.

Tingkat penghayatan dalam sembahyang

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 4 Mac. - Pusat Bahasa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), dengan kerjasama Muslimah Masjid Kampung Birau Tutong mengadakan Klinik Memahami Kalimat Rukun Qawli Dalam Solat bersempena dengan Sambutan Israk dan Mikraj dan Bulan Bahasa Arab Tahun 1443.

Majlis diadakan di Masjid Kampung Birau, pagi tadi. Klinik tersebut yang bermula dari jam 9.00 hingga 10.00 pagi itu dibimbing oleh para pegawai dari Pusat Bahasa KUPU SB yang terdiri daripada Dayang Nurul Azimah binti Haji Abdul Hamid, Dayang Roseanita binti Haji Timbang, Dayang Norain binti Haji Awang Othman dan Dayang Hajah Rasyidah binti Haji Osman.

Sementara itu, seramai 10 orang peserta menyertai klinik berkenaan yang terdiri daripada Muslimah Masjid Kampung Birau.

Klinik ini diharapkan akan dapat memberikan peluang kepada para peserta mempelajari makna kalimat rukun Qawli dalam sembahyang dan seterusnya dapat meningkatkan penghayatan sembahyang dalam kalangan peserta.



PUSAT Bahasa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, dengan kerjasama Muslimah Masjid Kampung Birau Tutong mengadakan Klinik Memahami Kalimat Rukun Qawli Dalam Solat.

Komunikasi melalui radio sempena meraikan Hari Kebangsaan



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Persekutuan Radio Amatur Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Persekutuan Radio Amatur Negara Brunei Darussalam (BDARA), baru-baru ini, mengadakan Special Event Station dengan Callsign V84SHK, bermula

pada 23 hingga 27 Februari 2022. Acara tersebut diadakan dengan tujuan untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022 bersama ahli-ahli

PERSEKUTUAN Radio Amatur Negara Brunei Darussalam (BDARA) mengadakan Special Event Station dengan Callsign V84SHK, bermula pada 23 hingga 27 Februari 2022.

amatur radio seluruh dunia.

Kegiatan tersebut merupakan salah satu kegiatan tahunan, termasuk dalam kalendar Persekutuan BDARA, di mana pengendaliannya pada tahun ini berbeza dengan tahun-tahun lepas.

Seramai lima Ahli BDARA mengambil bahagian dengan menggunakan stesen radio di rumah masing-masing, pada tahun ini, berikutan penularan pandemik COVID-19 yang masih lagi melanda di negara ini.

BDARA memperoleh lebih kurang 2,300 stesen radio di seluruh dunia sepanjang special event station dijalankan.

Perhubungan bagi kegiatan tersebut menggunakan rangkaian VHF dan HF dalam MODE, SSB, CW dan data FT8.



BRUNEI

BAWA BERTENANG

TERANAH DI RUMAH

UBAYA-UBAYA

#bersamamelindungi

AEC BINCANG KAJIAN SENTIMEN PERNIAGAAN



THE 7th ASEAN Economic Community (AEC) berlangsung dalam talian untuk membincangkan penemuan dan cadangan dalam Kajian Sentimen Perniagaan ASEAN 2020 / 2021, yang mengukur sentimen berterusan perusahaan peribumi ASEAN terhadap pelaksanaan AEC Blueprint 2025.

Siaran Akhbar dan Foto : ASEAN Business Advisory Council

JAKARTA, Rabu, 2 Mac. - 7th ASEAN Economic Community (AEC) berlangsung dalam talian, baru-baru ini, untuk membincangkan penemuan dan cadangan dalam Kajian Sentimen Perniagaan ASEAN 2020 / 2021, yang mengukur sentimen berterusan perusahaan peribumi ASEAN terhadap pelaksanaan AEC Blueprint 2025.

Kajian itu meneliti dengan lebih dalam sentimen mengenai liberalisasi perkhidmatan perdagangan, memfokuskan kepada sektor perkhidmatan utama, seperti perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan pelancongan.

la dijalankan pada tahun 2021

oleh Ipsos Strategy 3 dengan sokongan Kerajaan Australia melalui Program Kerjasama Pembangunan ASEAN-Australia Fasa II.

Dalam ucapan perasmianya, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi AEC, Satvinder Singh mendedahkan bahawa kajian itu menunjukkan majoriti perusahaan tempatan berpuas hati dengan tahap integrasi semasa dan menantikan peningkatan dan perkembangan inisiatif integrasi.

Beliau menyatakan beberapa bidang untuk penambahbaikan yang dikenal pasti dalam kajian itu, khususnya mengenai cabaran perusahaan tempatan dalam mendapatkan akses kepada

maklumat dan pemahaman tentang inisiatif dan perjanjian ASEAN supaya mereka boleh terus memanfaatkan kemudahan perdagangan dan pelaburan semasa ASEAN.

Timbalan Ketua Pengarah Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan Kemboja, Khuon Virak turut berkongsi pencapaian ekonomi keutamaan, di bawah Tanggungan Pengerusi Kemboja 2022 kepada sektor swasta.

Perbincangan tersebut menekankan keperluan untuk memudahkan prosedur perlesenan untuk menggalakkan pelaburan serantau, penyelarasan peraturan perkongsian data, meningkatkan kemahiran digital dan mewujudkan dasar ekosistem yang

konduif untuk mempercepatkan pertumbuhan perniagaan perusahaan peribumi ASEAN.

Sementara itu, perbincangan panel mengenai perkhidmatan pelancongan menggariskan kesedaran yang rendah mengenai Aturan Pengiktirafan Bersama untuk Profesional Pelancongan dan keperluan untuk mempercepatkan pembukaan semula sempadan dengan cara yang selamat untuk memulakan semula industri pelancongan selepas pandemik COVID-19.

Kedua-dua perbincangan menyatakan tarikan ASEAN kepada pelabur global dan mengesahkan bahawa penyepaduan selanjutnya akan meningkatkan lagi sektor kewangan dan pelancongan.

Lebih 90 peserta daripada agensi kerajaan dan sektor swasta dari Negara Anggota ASEAN menghadiri dialog secara maya tersebut.

Turut disediakan bahan rujukan seperti video Tinjauan Sentimen Perniagaan ASEAN 2020 / 2021; pembentangan penemuan berkaitan Perkhidmatan Kewangan dalam Tinjauan Sentimen Perniagaan ASEAN 2020 / 2021; dan pembentangan penemuan berkaitan Perkhidmatan Pelancongan dalam Tinjauan Sentimen Perniagaan ASEAN 2020 / 2021.

Semasa Dialog AEC Ke-7, Ahli ASEAN BAC Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Haslina Taib

menonjolkan model yang diperkenalkan oleh NBD dalam mengubah dan mempromosikan pelancongan sebagai pengalaman digital melalui audio digital dalam beberapa bahasa untuk tarikan dalaman dan luaran kepada pemandu pelancong maya semasa interaktif mengenai maklumat sejarah dan pengetahuan semasa mengenai tempat-tempat menarik tempatan.

Beliau juga turut mempengerusikan Projek Warisan Brunei Gerbang Digital ASEAN dan Dompot Perjalanan yang akan memudahkan perjalanan yang lancar dan selamat di rantau ini, menyokong Rangka Kerja Koridor Perjalanan ASEAN dan ASEANTA's ATEX untuk menjadikan perjalanan lebih selamat dan mudah apabila industri itu berkembang semula selepas wabak.

Projek warisan merupakan platform terbuka, dikongsi dan diseragamkan untuk gerbang maya yang akan menyokong penyeragaman sijil vaksinasi, penjelasan dan penyelarasan tempoh kuarantin juga Uji Swab dan banyak lagi.

Data penting yang diperlukan untuk perjalanan dirahsiakan dan ditukar pada *blockchain* yang dibenarkan peribadi, di samping menjamin keselamatan data negara.

Wallet akan membantu mengesahkan dan mengiktiraf sijil COVID setiap negara dan juga membina peluang untuk kelayakan masa hadapan seperti rekod profesional, perniagaan dan akademik.

Persiapkan belia secara holistik

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Kata.Tv.Bn



CERAMAH Wawasan Generasi Harapan yang diadakan secara maya, baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Pensyarah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman berkata, adalah penting untuk kita mempersiapkan diri, sama ada dari sudut fizikal, mental dan spiritual.

Dalam ceramah Wawasan Generasi Harapan yang diadakan secara maya, baru-baru ini, Dr. Hajah Ummi Fa'izah seterusnya berkata, persiapan itu seharusnya secara holistik dalam memikul apa

juga tanggungjawab sebagai seorang belia dan bakal pemimpin pada masa akan datang.

Selain itu, inti pati ceramah yang disampaikan juga menekankan untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman berkaitan apa sahaja hala tuju negara seperti Wawasan Brunei 2035, selain menerangkan makna Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir, di samping ciri-cirinya dan bagaimana untuk mencapainya.

"Jika belia tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang perkara di atas, maka akan terjadi kepincangan kerana perkara tersebut merupakan asas yang tidak boleh ditinggalkan oleh setiap warga Brunei," tegasnya.

Beliau juga menggesa kita agar untuk meningkatkan kesabaran dan berteguh dalam keadaan pandemik sekarang ini serta melihat segala aspek dari sudut hikmah dan kebaikan.

"Lebih banyak nikmat kesyukuran yang dicapai daripada melihat ujian COVID-19 yang baharu melanda dunia. Meyakini setiap kesulitan akan ada kemudahan," tambahnya lagi.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Ilmu Teras, Dr. Awang Nazirul Mubin bin Ahad kemudiannya menerangkan bahawa terdapat banyak faktor penyumbang kepada sesebuah tamadun dan

peradaban.

Jelasnya, sebahagian di antaranya bersumberkan kebendaan, seperti tamadun Rom dan terdapat juga tamadun yang bersumberkan kebudayaan seperti

tamadun Yunani.

Namun beliau menambah, ia berbeza dengan Islam, kerana ia datang bersumber dan berpaksikan kepada risalah Tauhid.

"Inilah yang menghasilkan generasi yang bukan setakat membina ketamadunan semata, tetapi pembentukannya adalah kerana mendaulatkan agama," ujarnya lagi.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya'. Tarikh Tutup : 9 Mac 2022
2. 'Isu Kesihatan Mental Cabaran Tempuhi COVID-19'. Tarikh Tutup : 16 Mac 2022
3. 'Amalan Membaca Membentuk Bangsa Berjaya'. Tarikh Tutup : 23 Mac 2022

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

INFO Teknologi



Manfaat aplikasi Google kepada pelajar, usahawan

Oleh : Nurraidah Effandy
 Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam
 Foto : Nurraidah Effandy, Sumber aplikasi Google

LAMAN sesawang Google diasaskan oleh Larry Page dan Sergey Brin sewaktu mereka dalam pendidikan PHD di Universiti Stanford di California, pada 4 September 1998. Sekarang Google di bawah kawalan Syarikat Google LLC. Syarikat ini merupakan syarikat teknologi multinasional Amerika yang mengkhususkan perkhidmatan secara *online*, seperti enjin carian, teknologi pengiklanan dalam talian, pengkomputeran awan, perisian dan perkakasan. Oleh itu, aplikasi Google Chrome dilancarkan.

Google Chrome ialah penyemak imbas *internet* mudah alih yang menterjemahkan beberapa ciri aplikasi yang paling popular, seperti berbilang tab dan mod inkognito daripada penyemakan imbas *desktop* kepada penyemakan imbas mudah alih. Aplikasi ini selalu digunakan oleh orang awam kerana sangat berguna dalam mencari informasi bagi masyarakat, pelajar dan usahawan.

Masyarakat

Untuk meningkatkan pengguna Google, laman sesawang atau aplikasi ini juga menyediakan pelbagai tarikan seperti pilihan bahasa yang tidak hanya dihadkan kepada penggunaan bahasa Inggeris sahaja. Ini bermakna terdapat 109 bahasa rasmi yang boleh dipilih untuk diterjemahkan, termasuk bahasa Melayu. Tidak hairan jika Google sangat popular di seluruh dunia dan mempunyai pengguna yang tinggi.

Popularitinya menyebabkan orang ramai bergantung padanya untuk mencari maklumat, berita dan mencari kandungan. Google juga memudahkan orang awam mencari maklumat mengenai syarikat,

individu tertentu dan pelbagai lagi. Hasil dari carian boleh terdiri dari pelbagai maklumat seperti khabar angin atau kisah cerita, gambar dan video peribadi yang boleh dicari dan didapati dalam mana-mana laman sesawang di Google.

Selain itu, Google melancarkan aplikasi Google Map supaya dapat membantu orang ramai melancarkan urusan perjalanan mereka. Aplikasi ini tidak memerlukan pengenalan kerana sudah terkenal dan mempunyai kolaborasi bersama banyak aplikasi lain, termasuk WhatsApp. Google Map merupakan peneraju dalam peta mudah alih dan ruang GPS. Aplikasi ini dapat membantu pengguna pergi ke tempat yang mereka inginkan dengan menunjukkan hala tuju dan jalan, sama ada mengembara dengan kereta, pengangkutan awam atau berjalan kaki.

Pelajar

Misi Google juga ialah menyimpan dan menyusun maklumat dunia supaya dapat diakses dan berguna secara universal. Oleh itu Google melancarkan aplikasi Google Apps. Aplikasi tersebut merupakan aplikasi pendidikan yang dipercayai. Teknologi seperti aplikasi ini dapat membantu mengubah pendidikan tetapi itu tertakluk kepada keramaian penggunaan aplikasi ini. Setelah COVID-19 menggempakan dunia termasuk Negara Brunei Darussalam sendiri, pendidikan berubah secara dramatik dengan peningkatan tersendiri dalam pembelajaran dalam talian (*online*), seperti Gmail, Google Classroom, Google Doc dan macam-macam lagi.

Kini pelajar boleh menggunakan Gmail sebagai e-mel bagi komunikasi

rasmi harian. Gmail menawarkan perlindungan *spam*, carian berkuasa dan kalendar bersepadu untuk pelajar.

Aplikasi Google Classroom berguna untuk mendapatkan manfaat dalam talian komunikasi sama ada dalam bentuk audio atau video, terutamanya menambah baik pada aspek pendidikan pembelajaran sosial yang membolehkan pelajar menggunakan aplikasi ini. Kelebihan Google Classroom juga membantu pelajar berkomunikasi tanpa had. Selain itu, ia dapat memperkemas tugas, meningkatkan kerjasama dan memupuk komunikasi melalui Google Classroom yang tersedia, di laman sesawang atau melalui aplikasi mudah alih.

Google Doc pula merupakan teknologi yang semakin popular dalam kalangan guru dan pelajar kerana aplikasi ini dapat memproses perkataan, hamparan dan edit pembentangan dalam talian. Selain itu, ia percuma digunakan. Pelajar dan guru boleh menggunakan alat ini untuk bekerjasama dalam tugas, projek, surat berita dan blog. Dengan cara ini, Google Doc sebenarnya memudahkan orang bekerja secara berkumpulan kerana mempunyai kelebihan untuk membunarkan lebih daripada satu orang bekerja pada dokumen tertentu dalam masa yang sama di tempat yang berlainan. Pelajar boleh membangunkan dan mengedit dokumen dalam talian sambil bekerja dengan orang lain pada bila-bila masa.

Google Drive pula merupakan aplikasi penting bagi pelajar untuk menyimpan segala-galanya dalam satu tempat dan aplikasi ini mempunyai akses dari mana-mana peranti. Oleh itu, Google melancarkan perkhidmatan Google Cloud untuk ini. Semua yang diperlukan hanya akses *internet*, sama ada menggunakan komputer atau komputer riba, telefon pintar, *tablet* atau peranti lain ketika di tempat tertentu atau

semasa berada di luar. Pengguna juga boleh berkongsi fail dengan orang pilihan. Ramai guru menggunakan Google Drive untuk berkongsi isi pelajaran kepada pelajar.

Usahawan

Google juga menyediakan dua bentuk iklan, iaitu yang berbayar dan satu lagi hasil 'semula jadi' melalui kata kunci pencarian.

Google menawarkan iklan berbayar yang muncul dalam hasil carian di *google.com*, dengan menggunakan Google Ads atau iklan yang muncul di tapak laman sesawang lain melalui rangkaian paparan. Hasil tajaan, atau iklan, dilambangkan dengan label 'iklan'. Google Ads menghadkan kawalan ke atas cara caj pembayaran. Tiada bayaran minimum, tetapi diberi pilihan bayaran yang perlu dibelanjakan setiap bulan, sehari dan setiap iklan. Mereka yang memilih untuk menggunakan Google Ads ini hanya akan membayar apabila seseorang menekan iklan pautan mereka. Setiap ketikan akan dipaparkan dalam jumlah statistik kepada pemilik iklan.

Hasil semula jadi pula diambil daripada sasaran kepada pengguna *internet* melalui paparan iklan untuk menarik pelanggan yang mempunyai minat khusus, seperti produk dan perkhidmatan yang berkaitan mengikut kata kunci pencarian mereka. Kata kunci yang dicari melalui patah perkataan atau frasa yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan boleh didapati apabila pelanggan mencari istilah tersebut. Ini bermaksud paparan iklan pada halaman hasil carian Google dan tapak *web* juga merupakan sebahagian daripada rangkaian carian dan paparan Google.

Kesimpulan

Sememangnya Google bermanfaat, tetapi ia juga boleh memberi kesan buruk kepada setiap individu kerana terdapat maklumat yang tidak sah dan tidak disensor. Sebagai pengguna *internet*, kita perlu bertanggungjawab dalam melayari mana-mana laman sesawang dan begitu juga kepada ibu bapa atau penjaga. Kanak-kanak perlu diawasi ketika melayari *internet*.



Komited tangani sekuriti makanan

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

PENULARAN COVID-19 yang berlanjutan telah menyebabkan krisis pada isu sekuriti makanan pada peringkat global. Bersempena dengan Istiadat Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2022 pada Khamis, 24 Februari yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, antara perkara yang menjadi pengajaran berikutan penularan wabak ini ialah mengenai jaminan makanan (*food security*). Berikutan dengan beberapa sekatan perjalanan yang masih dilaksanakan oleh sebahagian negara, maka langkah ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kemasukan barang-barang makanan dan sekali gus menjadikan harga barangan dan kadar inflasi tinggi.

"Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari menerima kesan yang sama. Namun alhamdulillah, beta difahamkan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang aktif melaksanakan tindakan pemantauan harga, sebagai langkah memastikan peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan pada paras yang tidak dibenarkan," titah baginda.

Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFAO), sekuriti makanan bermaksud apabila semua orang mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat; memenuhi keperluan pemakanan untuk gaya hidup yang aktif dan sihat.

Terdapat tiga komponen utama dalam sekuriti makanan mengikut UNFAO, iaitu kesediaan makanan yang mencukupi dan berkualiti melalui pengeluaran domestik dan import; akses kepada sumber makanan yang mencukupi oleh individu; dan kestabilan iaitu tidak akan menghadapi risiko untuk mengakses makanan walaupun berlakunya krisis ekonomi dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan yang mencukupi, setiap negara perlu merancang pembangunan sektor pertanian yang mampan dan merangkumi pelbagai dasar dan program bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara sehingga dapat mencapai keperluan sara diri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022 / 2023 MMN 2022 pada Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi menyatakan kerajaan akan terus memastikan, bahawa bekalan makanan di negara ini adalah sentiasa terjamin, termasuk hasrat untuk mencapai sara diri dan mengurangkan kebergantungan kepada import semata-mata.

Food and Agriculture Organisation (FAO) Global Food Price Index mencatatkan, bahawa kadar inflasi makanan global, pada Januari 2022 adalah pada kadar 19.5 peratus tahun ke tahun, berbanding dengan 3.2 peratus pada tahun 2020.

Dengan mengambil kira kadar import makanan negara yang tinggi, iaitu sebanyak 74 peratus, kadar inflasi yang tinggi daripada pembekal-pembekal luar negara (*imported inflation*) menyumbang pada kenaikan harga barangan, di negara ini.

Peruntukan

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apeng semasa menyampaikan mukadimah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 MMN menjelaskan melalui perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, sebanyak BND31.38 juta yang antaranya bagi membiayai projek-projek berikut iaitu sekitar BND12.3 juta adalah perbelanjaan Kemajuan Pertanian di bawah Program Pengeluaran Beras Negara iaitu sebanyak BND10 juta untuk melaksanakan pembukaan kawasan penanaman padi fasa kedua di kawasan Kandol, Daerah Belait.

Sekitar BND5 juta adalah bagi mendukung peningkatan keluaran sayur-sayuran menggunakan teknologi tinggi. Manakala sekitar BND3 juta bagi mendukung pembangunan industri ternakan; sekitar BND7 juta bagi perbelanjaan Kemajuan Perikanan, iaitu BND6 juta bagi membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur dan BND1 juta bagi membiayai program perkembangan genetik dan pembiakan selektif ikan bagi meningkatkan produktiviti industri akuakultur.

Pencapaian

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan, pencapaian sara diri keluaran industri pertanian dan perikanan pada tahun 2021, iaitu bagi sektor ternakan, negara secara purata hampir mencapai tahap 100 peratus sara diri dalam bekalan ayam pedaging dan telur ayam; dan sekitar 85 peratus sara diri bagi bekalan daging kerbau dan lembu.

Manakala bagi sektor tanaman, negara mencapai sekitar 66.5 peratus sara diri bagi bekalan sayur-sayuran tropika dan sekitar 41.9 peratus sara diri bagi bekalan buah-buahan tropika; bagi sektor padi, iaitu dalam penghasilan beras, negara mencapai secara purata sekitar 8.71 peratus sara diri;

dan bagi sektor perikanan, negara mencapai secara purata sekitar 87 peratus sara diri.

Secara keseluruhannya, prestasi keluaran kasar dari Industri Sumber-Sumber Utama telah mencatatkan peningkatan yang positif pada tahun 2021, berbanding tahun 2020, iaitu meningkat sekitar 25.8 peratus dari BND651 juta, pada tahun 2020 kepada BND819 juta, pada tahun 2021.

Pencapaian secara amnya disumbangkan oleh peningkatan keluaran dari industri pertanian dan agrikultur yang meningkat sebanyak 24.6 peratus, iaitu daripada BND71 juta, pada tahun 2020 kepada BND580 juta, pada tahun 2021; dan industri perikanan yang meningkat sebanyak 37.4 peratus itu dari BND139 juta, pada tahun 2020 kepada BND191 juta, pada tahun 2021.

Kemudian, peningkatan jumlah keluaran beras sekitar 6.4 peratus, iaitu dari 2,511.31 metrik tan beras, pada tahun 2020 kepada 2,672.00 metrik tan beras, pada tahun 2021; dan peningkatan jumlah keluaran perikanan, termasuk udang, sekitar 18.8 peratus, iaitu dari 16,575 metrik tan, pada tahun 2020 kepada 19,699 metrik tan, pada tahun 2021.

Ketika ini semakin ramai pengusaha baharu dan muda dalam industri pertanian dan perikanan yang lebih selesa menggunakan teknologi dan teknik moden dalam operasi perladangan masing-masing, antaranya, seperti menggunakan sistem teknologi reban tertutup bagi perusahaan ternakan ayam pedaging; Sistem Feedlot bagi perusahaan ternakan lembu; Sistem Aquaponic, Sistem Vertical Farming, pengairan titis dan fertigasi dalam rumah terlindung bagi perusahaan tanaman; dan Recirculating Aquaculture System (RAS) bagi aktiviti perusahaan menternak ikan dalam tangki. Malah ada antara mereka yang mengurus perusahaan mereka dengan sistem berkomputer penuh bagi memastikan pengurusan yang lebih sempurna.

Bagi memastikan bekalan makanan negara adalah sentiasa terjamin, termasuk untuk mencapai *self-sufficiency*, beberapa usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam meningkatkan pengeluaran dari sektor-sektor pertanian, perikanan dan ternakan.

Misalnya Syarikat PaddyCo Sendirian Berhad, dengan Projek Penanaman Padi Kandol, berjaya mengembangkan keluasan ladang padi daripada 8.23 hektar, pada tahun 2019 kepada 48 hektar, pada November 2021 dan akan diperluaskan seterusnya hingga 173 hektar, pada penghujung tahun ini.

Bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti di sektor perikanan, beberapa syarikat usaha sama ditubuhkan, seperti Syarikat Blue Ocean Tech Sdn. Bhd. yang mengendalikan projek penetasan dan pembiakan Udang Biru Rostris, di Pusat Perkembangan Induk Serasa; Syarikat Jets Sdn. Bhd. yang mengendalikan projek

ladang penternakan Udang Biru Rostris, di Sungai Paku, Telisai, Tutong dan tapak ternakan laut, di Tapak Akuakultur Pelumpong; juga Syarikat Lianfeng Investment Sdn. Bhd. yang mengendalikan pemprosesan Udang Biru Rostris dan makanan laut, di Kompleks Pendaratan Ikan Muara.

Ke arah memastikan keselamatan dan kualiti makanan di negara ini, Autoriti Makanan Brunei Darussalam atau Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) ditubuhkan, pada 1 Januari 2021, sebagai *competent authority*, yang bertujuan mendukung fungsi dan peranan BDFA, seperti Perintah Daging Segar (2011) (Pindaan) (2020) dan Peraturan Kesihatan Awam (Makanan), Penggal 182 (Pindaan) (2020) juga beberapa perundangan dan peraturan baharu juga sedang digubal untuk mengukuhkan lagi isu keselamatan dan kualiti makanan di negara ini.

Pendekatan Whole of Nation

Menyentuh mengenai dalam mendukung usaha ke arah menjamin sekuriti makanan negara, selain meningkatkan keluaran dan meningkatkan tahap sara diri, strategi bagi menjamin sekuriti makanan memerlukan penglibatan semua kementerian dan jabatan-jabatan, terutama yang relevan dengan bekalan makanan tempatan, bekalan import dari luar negara, kerjasama perdagangan antarabangsa, isu kesihatan awam, isu keselamatan makanan, isu logistik dan pengangkutan, sama ada melalui darat, laut atau udara, dan tidak kurang penting ialah penglibatan institusi-institusi pendidikan dalam negara.

Perkara ini memerlukan pendekatan secara Whole of Nation Approach, melibatkan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang relevan serta dengan pihak-pihak swasta.

Peruntukan jutaan ringgit bagi memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin menunjukkan betapa tingginya komitmen pihak kerajaan dalam menangani isu ini. Kadar peratus sara diri perlu dipertingkatkan lagi pada masa akan datang.

Diharap agar lebih banyak lagi para pengusaha dan peladang yang menerapkan penggunaan teknologi dan teknik moden dan operasi perusahaan dan perladangan supaya dapat meningkatkan produktiviti dan kedayasaingan produk-produk kita dan sesuai dengan hala tuju dalam mendukung ekonomi digital. Ini penting bagi menjamin sekuriti makanan negara.

"Jika bidang perindustrian telah diteroka pertanian pun demikian juga, hendaklah diambil langkah lebih cepat. Kerana kita sama-sama menyedari bahawa ada masanya segeggam beras atau seikat ubi kayu, jauh lebih berharga daripada emas berbungkal dan wang berjuta," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 18 Julai 1993.

6 KERETA ANTARA YANG HANGUS



ANGGOTA bomba ketika berusaha memadam kebakaran tersebut.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Seramai 10 anggota (JBP), diketuai oleh DSO Misli bin Haji Pungut dari Balai Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat Jerudong, Cawangan Operasi 'F'

dikerahkan ke insiden kebakaran, di Kampung Sungai Tampoi, Sengkurong, baru-baru ini.

Sejurus tiba di tempat kejadian, didapati garaj kereta,

berukuran lebih kurang 6 meter lebar dan 20 meter panjang terbakar keseluruhannya, yang melibatkan sebanyak enam buah kereta berserta sebuah motosikal dan sebahagian daripada dinding rumah tersebut.

Anggota bomba segera memakai set alat pernafasan dan bertindak memadam kebakaran tersebut dengan menggunakan dua aliran hos sebanyak empat batang.

Api dapat dikawal daripada merebak sementara punca juga anggaran kerugian masih dalam siasatan dan tidak ada kemalangan jiwa berlaku.

Sehubungan itu, JBP ingin menyarankan kepada orang ramai agar memastikan kediaman awda dilengkapi dengan peralatan, iaitu Alat Pemadam Api ringkas Jenis Debu Kering 4kg dan Selimut Api (Fire Blanket).

Pastikan menutup (switch off) mana-mana suis peralatan elektrik selepas digunakan atau

sebelum meninggalkan rumah dan jangan sesekali meninggalkan masakan di dapur tanpa diawasi.

Jika terdapat kebocoran pada gas, pastikan untuk membuka jendela dan pintu bagi pengudaraan.

Pastikan penyelenggaraan wayar elektrik dikendalikan oleh syarikat yang bertauliah, mengikut piawaian yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

JBP ada menyediakan program-program, seperti Kursus Life Saver 995, Kursus Fire Marshal dan Taklimat Keselamatan Kebakaran, bagi meningkatkan pengetahuan mengenai aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat tepat.

Beberapa Kaunter Pembayaran Jabatan Bandaran BSB ditutup sementara mulai 1 Mac

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Berikutan dengan situasi terkini jangkitan COVID-19 di negara ini, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB), baru-baru ini, dengan ini ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan sementara Kaunter-kaunter Pembayaran, di Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran BSB, Jalan Perdana Menteri; dan Unit Letak Kereta dan Pengurusan Kompleks Tamu Kianggeh, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Elizabeth 2, BSB, bermula Selasa, 28 Rejab 1443 bersamaan 1 Mac 2022 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi menerusi Talian Hotline +673 7179900 dan e-mel Jabatan Bandaran BSB ke Info@bandaran-bsb.gov.bn.

Jabatan Bandaran BSB memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi.

Waktu operasi EGNC Helpdesk dikemas kini

■ Siaran Akhbar : Pusat Kebangsaan E-Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Dalam usaha bagi membendung penularan COVID-19, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, baru-baru ini, ingin memaklumkan, bahawa waktu operasi Meja Bantu EGNC (EGNC Helpdesk) dikemas kini, iaitu pada Isnin hingga Ahad dan Hari Cuti Awam, waktu operasi adalah dari jam 7.45 pagi hingga 9.00 malam.

Walaupun bagaimanapun, pengguna boleh berhubung bersama EGNC Helpdesk melalui e-mel ke helpdesk@egnc.gov.bn, selepas waktu operasi yang dinyatakan.

Perubahan ini bermula pada Selasa, 1 Mac 2022 hingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mac. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada pengguna jalan raya mengenai penutupan pusingan U, pusing balik menuju Muara di Lebuhraya Muara-Tutong, KM 85.7 hala Tutong / KM 36.3 hala Muara (sila rujuk peta), mulai Khamis, 3 Mac 2022, jam 8.30 pagi.

Pengguna lebuh Raya dari Muara yang ingin membuat pusingan balik menuju ke Muara

disarankan untuk menggunakan Jejambat Lugu dan membuat pusingan di pusing keliling Rancangan Perumahan Negara.

Dalam kesempatan ini, pihak JKR menasihatkan semua pengguna jalan raya, khususnya pengguna Jejambat Lugu untuk sentiasa memandu dengan berhati-hati mengikut had laju yang ditentukan juga mematuhi papan-papan tanda yang sedia ada.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 atau Livechat, +673 8333123 atau media sosial Facebook JKR, *Brunei Darussalam* dan e-mel ke pro@pwd.gov.bn.

PENUTUPAN pusingan U, pusing balik menuju Muara di Lebuhraya Muara-Tutong, KM 85.7 hala Tutong / KM 36.3 hala Muara mulai Khamis, 3 Mac 2022, jam 8.30 pagi.

Penutupan separuh jalan di Jalan Kasat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya



PENUTUPAN sementara separuh jalan di Jalan Kasat, berdekatan Simpang 288, hala bandar mulai Jumaat, 4 Mac 2022, bermula jam 7.30 pagi hingga Selasa, 8 Mac 2022.

BANDAR SERI BEGAWAN, (JKR), Kementerian Pembangunan Rabu, 2 Mac. - Jabatan Kerja Raya ingin memaklumkan kepada

orang ramai, terutama kepada pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Kasat, berdekatan Simpang 288, hala bandar (sila rujuk peta), mulai Jumaat, 4 Mac 2022, bermula jam 7.30 pagi hingga Selasa, 8 Mac 2022.

Penutupan sebahagian jalan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja pemasangan dinding Gabion di jalan berkenaan dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 atau Livechat, +673 8333123 atau media sosial Facebook, *JKR, Brunei Darussalam* dan e-mel ke pro@pwd.gov.bn.

Penutupan pusingan U, pusing balik



VTL MELALUI UDARA DIPERLUASKAN ANTARA P.PINANG-SINGAPURA MULAI 16 MAC

PUTRAJAYA, 4 Mac. - Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) melalui udara antara Malaysia dan Singapura diperluaskan dengan membuka satu lagi laluan baharu iaitu Pulau Pinang-Singapura bermula 16 Mac.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Wee Ka Siong dalam kenyataan hari ini berkata kerajaan Malaysia dan Singapura telah mencapai persetujuan bersama untuk memperluaskan inisiatif VTL itu.

"Inisiatif VTL ini akan membolehkan pengembara yang

telah divaksin sepenuhnya untuk melakukan perjalanan ulang alik bagi laluan Pulau Pinang-Singapura menggunakan syarikat penerbangan yang mengambil bahagian di bawah VTL tanpa perlu menjalani kuarantin semasa ketibaan," katanya.

Wee berkata VTL Pulau Pinang-Singapura akan bermula dengan empat penerbangan sehari yang dioperasikan oleh syarikat penerbangan di Malaysia dan Singapura.

"Penjualan tiket penerbangan udara VTL akan bermula dalam

masa terdekat," katanya.

VTL yang pertama bagi laluan Lapangan Terbang Changi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bermula pada 29 Nov tahun lepas. Ia telah memberi perkhidmatan kepada 82,906 pengembara yang tiba dari Singapura setakat 28 Feb 2022.

Wee berkata inisiatif VTL memainkan peranan penting dalam mengukuhkan ketersambungan pengangkutan udara Malaysia-Singapura di samping membantu memulihkan semula jaringan ekonomi dan



perniagaan di antara kedua-dua negara terutamanya dalam sektor pelancongan yang telah terkesan teruk akibat pandemik COVID-19.

Butiran lanjut mengenai syarat prapelepasan dan kemasukan ke Malaysia boleh didapati di laman web Jabatan Imigresen Malaysia di www.imi.gov.my. Butiran tentang keperluan VTL bagi perjalanan

ke Singapura boleh didapati di <https://safetravel.ica.gov.sg>. - ©BERNAMA

NPC, CPPCC pamer amalan demokrasi China - Sarjana Asing

BEIJING, 4 Mac. - Sidang tahunan Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) dan Majlis Mesyuarat Politik Rakyat China (CPPCC) dilihat sebagai antara usaha penting dalam mempraktikkan demokrasi di negara Tembok Besar.

Tokoh dari pelbagai negara berpendapat, kedua-dua persidangan yang berpaksikan perihai berkaitan rakyat itu membawa makna signifikan dalam mendorong kemakmuran dan pembangunan China.

Pakar hal ehwal China dari Pusat Penyelidikan Politik Antarabangsa Cuba, Eduardo Regalado menyifatkan sidang tahunan NPC dan CPPCC sebagai wadah demokrasi untuk mengemukakan dan membahaskan usul-usul berkaitan pembangunan negara.

"Dengan sasaran untuk menambah baik kesejahteraan rakyat dan memajukan negara, beberapa isu penting seperti pembangunan hijau dan inovatif dijangka menjadi fokus dalam kedua-dua sidang itu.

"Pada masa sama, usaha menyusun dasar-dasar berkaitan akan dilakukan bagi memacu pembangunan negara," katanya.

Di samping itu, sidang NPC dan CPPCC itu juga dianggap membuka jendela kepada dunia bagi memahami dengan lebih lanjut mengenai dasar pentadbiran China.

Pengerusi Kelab Kumpulan 48 Britain, Stephen Perry menyatakan dirinya mengikuti rapat berhubung pelbagai inisiatif China dalam merintis usaha

pembangunan.

"Antaranya termasuk bagaimana empat bandar utama dalam kawasan Teluk Besar Guangdong-Hong Kong-Makau dapat disambungkan, di samping memainkan peranan masing-masing. Usaha inovasi itu sungguh menarik," katanya.

Pengarah Institut Komuniti Asia Timur Jepun, Ukeru Magosaki pula menganggap bahawa China sudah muncul sebagai pelopor dalam usaha penyelidikan sains dunia.

Beliau berkata dunia sekarang menyaksikan perubahan susulan teknologi baharu dan China dinanti-nantikan untuk memainkan peranan penting dalam bidang teknologi baharu dan memacu pembangunan dunia. - ©BERNAMA

Pelan tindakan CAS sokong pembangunan rendah karbon

BEIJING, 3 Mac. - Akademi Sains China (CAS) mengemukakan satu pelan tindakan strategik untuk menyokong matlamat kemuncak pelepasan karbon dioksida menjelang 2030 dan status neutral karbon menjelang 2060.

Menurut satu kenyataan dikeluarkan pada Rabu, CAS memaklumkan pelan tersebut meliputi lapan tindakan utama untuk mencapai matlamat berkenaan menerusi tiga fasa bersandarkan teknologi.

Antaranya termasuk penyelidikan strategik sains dan

teknologi, pemajuan teknologi teras, pemupukan bakat dan pemerkasaan kerjasama antarabangsa.

Menerusi kenyataan itu Pengarah Biro Program Sains dan Teknologi Utama CAS, Ding Chibiao turut memberi penjelasan lanjut mengenai matlamat yang disasarkan pada setiap fasa.

"Menjelang 2025, kemajuan dicapai dalam teknologi kritikal yang menyokong sasaran kemuncak pelepasan karbon, sementara pembangunan sosioekonomi beralih ke arah hijau dan rendah karbon.

"Sementara menjelang 2030,

teknologi kritikal tersebut mencapai taraf antarabangsa, sekali gus membantu merealisasikan matlamat puncak karbon.

"Menjelang 2060 pula, beberapa teknologi yang dibangunkan sendiri diaplikasikan, secara tidak langsung mendorong kepada matlamat neutral karbon," katanya.

Terdahulu, CAS melaksanakan sekumpulan program khas strategik dan berjaya mencapai hasil signifikan dalam bidang teknologi berkaitan transformasi tenaga, pengendalian perubahan iklim serta pencegahan dan kawalan pencemaran. - ©BERNAMA

Dagangan China, Afrika rekod prestasi terbaik

BEIJING, 2 Mac. - Aktiviti perdagangan China-Afrika menyaksikan prestasi terbaik sepanjang tahun lalu, dengan mencatatkan rekod nilai tahunan tertinggi berjumlah US\$254.3 bilion (RM1.06 trilion).

Menurut data terkini Jabatan Pentadbiran Am Kastam (GACC) China, perdagangan berkembang 35.3 peratus pada 2021 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Antaranya, eksport Afrika ke China melonjak sebanyak 43.7 peratus kepada US\$105.9 bilion (RM443 bilion).

Pencapaian itu mengukuhkan lagi kedudukan China selaku rakan dagang terbesar Afrika selama 12 tahun berturut-turut.

Memetik laporan terbaru Swiss-African Business Circle (SABC), China kekal menjadi pelabur asing terbesar di Afrika buat tempoh sedekad lalu, dengan mewujudkan 18,562 peluang pekerjaan saban tahun.

Dalam lingkungan sejagat, laporan Persidangan Perdagangan dan Pembangunan PBB (UNCTAD) pula menunjukkan perdagangan luar Afrika untuk 2021 kekal kukuh.

Pada suku ketiga tahun lepas, import dan eksport barangan benua itu masing-masing naik sebanyak 31 peratus dan 40 peratus.

UNCTAD berpendapat, aktiviti ekonomi kian pulih di Afrika,

disokong oleh persekitaran luaran terutamanya pasaran China berperanan penting dalam meningkatkan lagi kemampuan Afrika untuk mengeksport produk tempatan.

Biarpun pandemik COVID-19 masih berleluasa di dunia, China dan Afrika tidak pernah teragak-agak untuk memperdalam kerjasama dalam perdagangan.

Prestasi yang memuaskan tersebut diperoleh berkat usaha transformasi kedua-dua pihak dalam melaksanakan program kerjasama secara berkualiti dan cekap.

Ia sekali gus mencerminkan sinergi China dan Afrika ketika mengharungi saat-saat getir, dan juga kesungguhan mereka dalam memantapkan lagi kerjasama saling menguntungkan. - ©BERNAMA

Rusia, Ukraine akhiri pusingan kedua rundingan, setuju wujudkan koridor kemanusiaan

KYIV / MOSCOW, 4 Mac. - Rusia dan Ukraine dalam rundingan pusingan kedua di Belarus pada Khamis bersetuju mewujudkan koridor kemanusiaan untuk memindahkan orang awam, demikian disahkan oleh Penasihat Ketua Pejabat Presiden Ukraine Mykhailo Podoliak melalui Twitter.

"Penyelesaian hanya untuk mewujudkan koridor kemanusiaan," ciap Podoliak, lapor Xinhua.

Kedua-dua pihak membincangkan isu ketenteraan, kemanusiaan, dan penyelesaian politik masa depan ekoran konflik itu, kata pembantu presiden yang juga ketua delegasi Rusia Vladimir Medinsky.

"Pendirian telah dibuat dengan jelas... untuk sebahagian daripadanya, kami berjaya mencapai persefahaman," katanya sambil menyebut bahawa langkah mewujudkan koridor kemanusiaan adalah "kemajuan yang besar".

Agensi berita TASS Rusia awal Khamis melaporkan rundingan pusingan kedua telah berakhir.

Podoliak dalam taklimat media berkata pusingan ketiga rundingan damai mungkin berlaku tidak lama lagi, seperti dilaporkan media Ukraine.

Terdahulu hari itu, Presiden Ukraine Volodymyr Zelensky, ketika mengulas mengenai rundingan damai, berkata bahawa "sebarang perbincangan" adalah munasabah. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Bali gantung sementara penerbangan untuk 'nyepi'

JAKARTA, 3 Mac. - Lapangan terbang di pulau percutian Bali di Indonesia akan menghentikan sementara operasi penerbangannya selama 24 jam bermula 6 pagi Khamis sempena "Nyepi" (Hari Senyap).

"Nyepi" yang bermaksud "berdiam diri" disambut oleh semua penduduk Bali yang beragama Hindu sebagai "Hari Senyap" dan Tahun Baharu mengikut kalendar Caka.

Menurut pengendali Lapangan Terbang Angkasa Pura I, penutupan sementara operasi di lapangan terbang itu mulai 6 pagi Khamis hingga 6 pagi Jumaat, dijangka menjejaskan 115 penerbangan di Lapangan Terbang Gusti Ngurah Rai.

Pengarah Presiden Angkasa Pura I Faik Fahmi berkata 58 penerbangan ketibaan dan 57 penerbangan berlepas akan digantung sementara selama 24 jam, lapor Agensi Berita Antara.

Bagaimanapun, Faik berkata kakitangan di lapangan terbang bersedia untuk sebarang penerbangan kecemasan, seperti pendaratan kecemasan dan pemindahan perubatan.

Pada hari paling senyap dalam setahun itu, penganut Hindu Bali menghentikan aktiviti harian mereka dan berada di dalam rumah untuk melakukan muhasabah diri. Syarikat telekomunikasi juga mematikan khidmat data mudah alih dan sambungan internet.

Jalan raya yang biasanya sibuk menjadi senyap, manakala pelancong pula bebas melakukan aktiviti hanya di kawasan hotel mereka. - ©BERNAMA

Putin tandatangani dekri langkah-langkah jamin kestabilan kewangan

MOSCOW, 2 Mac. - Presiden Rusia Vladimir Putin menandatangani dekri yang memperkenalkan langkah-langkah ekonomi sementara bagi memastikan kestabilan kewangan negara, umum Kremlin pada Selasa.

Langkah-langkah itu akan dilaksana sebagai tindak balas terhadap sekatan anti-Rusia oleh Amerika Syarikat, negara lain dan organisasi antarabangsa, menurut dekri itu.

Antara langkah itu, Rusia akan mengharamkan aliran keluar mata wang asing dalam jumlah yang melebihi nilai bersamaan US\$10,000 mulai Rabu, lapor Xinhua.

Berkuatkuasa Rabu, sekatan berhubung urus niaga sekuriti, hartanah dan pinjaman akan dikenakan ke atas warga asing yang dikaitkan dengan negara yang telah mengambil tindakan anti-Rusia.

Pada Isnin, Putin juga menandatangani dekri yang memperkenalkan "langkah ekonomi khas" untuk mengurangkan kesan gelombang baharu sekatan Barat di tengah-tengah operasi ketenteraan khas Rusia di Ukraine. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SERTAI LARIAN MAYA HARI KEBANGSAAN KE-38

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Infografik : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menganjurkan Larian Maya bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38, Tahun 2022.

Acara larian ini dibukakan penyertaannya kepada semua peringkat umur. Yuran penyertaan adalah BND38 setiap seorang. Sebanyak 10 peratus daripada bayaran masuk akan disumbangkan ke badan-badan amal.

Pendaftaran larian mula dibukakan dari 23 Februari sehingga 22 Mac 2022. Manakala tempoh larian bermula pada 23 Mac hingga 29 April.

Dengan melengkapkan larian sejauh 38 kilometer

dalam masa 38 hari akan melayakkan diri mendapat Pek Penamat (Finisher Pack), terdiri daripada baju 'T', pingat, sungkup muka dan *sunshade*.

Orang ramai yang berminat untuk mengikuti acara larian maya ini, bolehlah mendapatkan borang tersebut dengan mengimbas Kod QR pada poster berkenaan. Pembayaran yuran pendaftaran melalui BIBD, di nombor akaun 00-001-01-0146913 (HU Advertising) dan hantarkan tangkapan skrin (*screenshot*) pembayaran ke +673 7131371 (Aina) untuk pengesahan.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi menerusi talian +673 7131371 atau e-mel ke huardvertisingbrunei@gmail.com.



38TH INDEPENDENCE DAY Virtual Run

Run 38km in 38 days!

Registration 23 Feb - 22 March 2022
Running Period 23 Mar - 29 April 2022

\$38 per entry

10% of entrance fee will be donated to charity

Organised by:  In Collaboration:  Supported by: 

881 5725 / 715 1571

AKM Johor : e-sukan tawar hadiah lumayan keseluruhan RM10,000

JOHOR BAHRU, 4 Mac. - Gelagat sekumpulan anak muda yang kelihatan begitu tekun dan khusyuk menghadap telefon bimbit dan komputer masing-masing, lagaknya seperti antisosial, namun mereka sebenarnya sedang bekerja keras dan bertarung melawan musuh dalam permainan sukan elektronik (e-sukan).

Kesemua mereka, terdiri daripada 64 pasukan, sedang berusaha merebut hadiah lumayan dengan wang tunai keseluruhan RM10,000 yang ditawarkan menerusi segmen e-sukan yang diadakan bersempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang kini berlangsung di Dataran Angsana, dekat sini.

Dua permainan ditawarkan menerusi e-sukan, iaitu FIFA dengan hadiah wang tunai keseluruhan RM3,000 dan Mobile Legends (RM7,000), dilihat begitu mendapat sambutan anak muda sekitar Johor seawal usia 14 tahun, masing-masing merangkumi 32 pasukan yang bermain setiap permainan itu.

Sekretariat e-sukan, Mohd Azmil Aidil Azzemi, 23, yang ditemui Bernama di lokasi program itu berkata walaupun sukan elektronik ada kalanya diberi stigma negatif, namun hakikatnya, ia berpotensi dijadikan pekerjaan yang mampu menjana pendapatan lumayan dengan hanya bermain permainan secara kompetitif.

Beliau yang juga Pengurus Pasukan Team Haq, sebuah kumpulan e-sukan profesional yang berpusat di Bangi, Selangor, berkata komuniti itu semakin berkembang pesat, malah turut mendapat perhatian kerajaan selain kini semakin diiktiraf pelbagai pihak.

Beliau yang bekerja sepenuh masa dalam bidang e-sukan berkata dengan kewujudan kelab dan pasukan profesional, ia turut mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan lain bukan hanya pemain, tetapi juga merangkumi pengulas, pereka grafik, jurulatih, pengurus pasukan dan pemasaran yang turut dibayar gaji.

Mohd Azmil yang turut melihat potensi anak muda di Johor dalam bidang itu berkata e-sukan sebenarnya sangat membantu dalam merangsang semangat berkumpulan, sekali gus mendidik pemain untuk bekerja dalam pasukan menerusi komunikasi yang betul.

Disebabkan itu, beliau berkata tidak mustahil untuk anak-anak muda turut dapat mengharumkan nama negara suatu hari nanti menerusi e-sukan, misalnya menyumbang lebih banyak pingat emas pada pelbagai temasya sukan akan datang.

E-sukan pertama kali dipertandingkan sebagai acara menawarkan pingat pada Sukan SEA Filipina 2019 dengan Malaysia memenangi emas dalam acara 'Hearthstone' menerusi pemegang ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kejuruteraan elektrik Dr Yew Weng Kean pada edisi tersebut.

Pada Sukan SEA Hanoi, 12 hingga 23 Mei ini, skuad e-sukan negara meletakkan sasaran untuk membawa pulang satu emas daripada empat pingat yang disasarkan.

Jelajah AKM itu yang membuka tirai semalam sehingga esok merupakan kesinambungan kepada kejayaan Program 100 Hari AKM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Disember lepas. - ©BERNAMA

Hak golongan OKU terjamin di China

BEIJING, 4 Mac. - Usaha kerajaan China dalam menjamin pelbagai hak untuk Orang Kurang Upaya (OKU) meletakkan asas kukuh kepada golongan terbabit menyertai aktiviti sukan dan kehidupan sosial serta mencapai pembangunan menyeluruh.

Demikian menurut kertas putih mengenai pembangunan sukan dan jaminan hak OKU yang dikeluarkan Pejabat Penerangan Dewan Negara pada Khamis.

Memetik kertas putih tersebut, penganjur Sukan Olimpik dan Paralimpik Musim Sejuk Beijing 2022 mendorong kepada peningkatan pesat taraf sukan OKU di China.

Naib Presiden Lembaga Eksekutif Persekutuan OKU China (CDPF), Wang Meimei berkata ini merupakan kali keenam China menyertai Paralimpik Musim Sejuk, dengan skala kontinjen terbesar, bilangan atlet paling ramai dan acara pertandingan paling banyak.

"Untuk edisi kali ini, terdapat 96 atlet China yang bakal bertanding dalam kesemua enam jenis sukan membabitkan 73 acara.

"Atlet paralimpik kami (China) akan menunjukkan semangat juang, berusaha mempamerkan aksi cemerlang dan mengharumkan nama tanah air," ujarnya.

Dari 2015 hingga 2021, bilangan atlet paralimpik musim sejuk di seluruh negara meningkat kepada hampir 1,000 daripada sekitar 50 orang sahaja.

Sejak 2016, China telah mengadakan 'Musim Sukan Ais dan Salji OKU' selama enam tahun berturut-turut sebagai platform untuk golongan OKU menyertai aktiviti sukan berkenaan. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

TAPAK Waterfront Bandar Seri Begawan seluas 1.8 hektar ini pada asalnya adalah Dermaga Kastam dan Eksais Diraja yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri sebagai pelabuhan serta pintu masuk penumpang-penumpang dan barangan import melalui laut. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bermula pada 1 Januari 2013 nama Waterfront Bandar Seri Begawan ditukar menjadi Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

SUMBER : <http://www.moha.gov.bn>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TOLONG-MENOLONGLAH DALAM KEBAJIKAN, KETAKWAAN DAN JANGANLAH TOLONG-MENOLONG DALAM DOSA, PERMUSUHAN